

Bil. 66

**Khamis
21 Disember 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

USUL-USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang di bawah Peraturan Mesyuarat 62	[Ruangan 1]
Menarik Balik Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 34(1)	[Ruangan 1]
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	[Ruangan 41]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995	[Ruangan 2]
Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995	[Ruangan 36]
Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995	[Ruangan 49]
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995	[Ruangan 63]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL. P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUN HAJI MUSTAPHA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 21hb Disember, 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

USUL-USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN
KALI KEDUA RANG UNDANG-
UNDANG DI BAWAH
PERATURAN
MESYUARAT 62**

**Timbalan Menteri Pembangunan
Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan
Yang di-Pertua, saya memohon agar:

1. Rang Undang-undang Perbadanan
Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995; dan
2. Rang Undang-undang Perbadanan
Pembangunan Bandar (Syarikat
Pengganti) 1995

untuk bacaan kali kedua dan ketiga
ditangguhkan sehingga sesi akan
datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**Menteri Sumber Manusia (Dato'
Lim Ah Lek):** Tuan Yang di-Pertua,
saya memohon supaya:

1. Rang Undang-undang Pem-
bangunan Sumber Manusia
(Pindaan) 1995; dan
2. Rang Undang-undang Pampasan
Pekerja (Pindaan) 1995

ditangguhkan pada sesi yang akan
datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato'
Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan
Yang di-Pertua, saya bagi pihak
Kementerian Tanah dan Pembangunan
Koperasi ingin memohon menarik:

1. Rang Undang-undang Tanah
(Kawasan Penempatan Ber-
kelompok) (Pindaan) 1995; dan
2. Rang Undang-undang Hakmilik
Strata (Pindaan) 1995

sehingga sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi
dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar
bin Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya
memohon izin untuk menangguhkan Rang
Undang-undang Standard Malaysia 1995
untuk bacaan kali yang kedua
ditangguhkan pada sesi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**MENARIK BALIK USUL
DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 34(1)**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato'
Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan
Yang di-Pertua, saya memohon menarik
balik Usul di bawah Peraturan Mesyuarat
34(1) yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, selaras dengan
peruntukan Seksyen 8(3)(a)(iv) Akta
Acara Kewangan 1957, membuat
ketetapan bersetuju supaya Kerajaan
Persekutuan melabur dalam UDA
Holdings Sendirian Berhad melalui
penukaran, pinjaman Kerajaan
Persekutuan dengan Perbadanan

Pembangunan Bandar sebanyak RM300,000,000.00 kepada ekuiti dalam UDA Holdings Sendirian Berhad

sehingga sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang." (20hb. Disember, 1995).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuan, sila sambung ucapan.

2.37 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyambung ucapan saya semalam yang diberhentikan tepat jam 11.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus menyongsong ke abad 21 dengan pertumbuhan ekonomi yang kuat dan berterusan dan yakin akan mencapai status sebagai sebuah negara industri pada tahun 2020 nanti. Dalam kita melangkah ke penghujung abad ini, negara masih memerlukan pelaburan modal yang melebihi sebanyak RM550 bilion sekiranya kita mahu mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi negara, yang mana

sebanyak 60% akan dibiayai melalui sektor swasta dan selebihnya berjumlah RM170 bilion atau 40% akan dibiayai melalui pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini amat jelas bahawa Suruhanjaya Sekuriti sebagai sebuah agensi pengawal selia industri pasaran modal negara ini harus memastikan ia dapat memenuhi dan berkembang dan pertumbuhannya selari dengan kadar pertumbuhan modal yang mana ianya akan dapat dicapai melalui inovasi dan juga efisiensi seperti yang dihasratkan oleh pemimpin negara kita ini untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran modal serantau dan akan menjadikan Malaysia sebagai 'World streets' di Asia pada masa hadapan.

Namun, kita juga harus ingat dalam keghairahan kita untuk menempuh pembangunan pesat di negara ini, pentadbir akan terus berhadapan dengan risiko dan rintangan untuk menggubal dan mengadakan undang-undang dan peraturan untuk memelihara kepentingan pelabur yang pelbagai bentuk dan kepelbagaian dan kecanggihan produk pasaran modal terkini. Pada masa yang sama, kerajaan harus juga mengambil perhatian yang serius terhadap sensitiviti industri ini. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang kurang mencampuri atau 'tempering' kepada arah aliran pasaran ataupun 'market forces' yang ada ini, walaupun kadangkala membuat beberapa kejutan atau 'surprises' yang menyebabkan pergerakan indeks komposit kita turun naik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau naik itu baiklah tetapi kalau ianya menurun ramailah kawan-kawan kita di Parlimen ini khususnya yang panik. Apatah lagi rakan-rakan yang membuat pelaburan kontrak, lagi panik, takut kena 'force sale' Saya harap, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan sedikit daripada Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tadi Yang Berhormat dari Labuan menceritakan tentang turun naiknya pasaran saham. Kalau naik, di sebelah sana hendak cuba mendapat mileage, kata dia ada peranan, kalau turun dia menuduh kerajaan pula tidak berbuat sesuatu. Bagaimana keadaan kumpulan orang yang begini. Yang buruk dia kata kita buat tetapi yang baik depa buat. Apa jenis kumpulan yang macam di sebelah sana itu? Sekarang ini termasuk Parti Semangat 46 dan PAS pula.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, ini memang fiil pembangkang dari dahulu. Semalam pun bila kita membahaskan tentang Akta Pendidikan, yang mana baik itu katanya datang dari pembangkang, khususnya DAP dan yang tidak baik itu kerajaan buat. Begitu juga dalam pasaran saham ini, saya rasa pihak pembangkang langsung tidak terlibat, sama ada ianya turun atau pun ianya naik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tidak ada lagi surprises, dengan izin, yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita sehinggalah ke penghujung, penutup tirai tahun 1995 ini dan berilah ruang untuk pasaran kita ini bernafas lega dahulu. No more new surprises, please, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin bahawa pindaan ini akan menyediakan satu lapangan yang sama rata kepada para pelabur di pasaran ini atau menyediakan level plain field to all investors.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh serba sedikit tentang volumes urus niaga di BSKL selama ini. Saya

memerhatikan bahawa perniagaan retail di BSKL ini berjumlah hampir 70% dan kalau dibandingkan dengan pelaburan daripada dana kumpulan wang atau unit trust ini yang berjumlah hanya 7% sahaja, merupakan satu jumlah yang begitu kecil sekali. Walaupun ini bagi saya merupakan satu fenomena biasa di dalam pasaran yang baru berkembang dan kalau kita bandingkan dengan pasaran yang sudah matang di negara-negara maju, misalnya Jepun, di mana pelaburan kumpulan wang ini melebihi 48%, Australia, United States of America dan United Kingdom hampir 40% dalam pelaburan ini. Rakan ataupun jiran kita di Thailand juga telah mencapai tahap 16% sedangkan negara kita ini hanya di tahap 7% sahaja. Ini bagi saya, merupakan satu ruang yang begitu besar bagi kita untuk mempertingkatkan dan mengembangkan sektor kumpulan wang ini ataupun unit trust ini dimajukan pada masa akan datang dan ini juga memerlukan satu pentadbiran yang kita namakan "unit trust management industry" untuk berkembang selari dengan apa yang ada di negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kementerian untuk membuat pindaan kepada Akta Perindustrian Sekuriti, 1983 ini tepat sekali dengan mewujudkan satu lagi lesen bagi pengurus kumpulan wang dan juga lesen bagi wakil kumpulan wang ini dan ianya bagi saya merupakan satu tindakan tepat ke arah mengembangkan industri unit trust di negara kita ini bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah World Street di Asia ini. Ianya bagi saya bukanlah merupakan igauan semata-mata kerana kita mempunyai infrastruktur yang cukup kukuh. Pertama, dengan adanya pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kestabilan politik, kepimpinan yang berintegriti dan infrastruktur perundangan yang cukup baik dan ini semua boleh mendorong negara kita ini sebagai sebuah negara yang unggul dalam sektor kewangan dan pasaran modal dengan memajukan, yang pertama, Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar

pesisir antarabangsa yang matang dan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat pasaran modal yang dihormati di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mempunyai jumlah tadahan penduduk yang besar yang berjumlah sebanyak 400,000,000 di rantau Asia Pasifik ini membolehkan Malaysia menjadi World Street di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Sekuriti atas berjayanya melancarkan perniagaan KLOFFE pada 15hb. yang lalu, dan walaupun ianya dilakukan secara "low key", namun ianya telah menempah satu lagi sejarah dalam industri pasaran modal di negara kita ini, walaupun dengan adanya volume yang kecil sahaja diniagakan melalui pasaran ini. Bagi saya ini melahirkan tanda tanya, apakah dengan adanya 14 pemegang lesen broker niaga hadapan ini mampu untuk memajukan industri ini dan seterusnya menarik pelaburan kerana kedudukan ini tidak dapat memberikan kecairan di dalam pasaran dan juga menarik para pelabur untuk mengurus niaga dalam sektor ini?

Saya ingin bertanya apakah kerajaan bercadang untuk memberikan lesen broker niaga hadapan ini secara liberal kepada syarikat-syarikat broker saham yang sedia ada di negara kita ini bagi membantu pertumbuhan industri ini. Ini adalah kerana syarikat broker saham yang ada pada hari ini mempunyai infrastruktur yang mencukupi dan mempunyai "cliental base" yang cukup besar – kepakaran dan juga profesionalisme yang tinggi dan ini saya rasa kalau ianya diberikan syarikat-syarikat broker saham yang sedia ini, akan dapat mempercepatkan pertumbuhan industri niaga hadapan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri ini juga memerlukan pendidikan dan juga pendedahan khususnya di kalangan masyarakat pelabur dengan menganjurkan lebih banyak kursus dan "road shows" untuk tujuan educating the general public, dengan izin. Ini penting dalam mana-mana industri yang baru seperti di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pindaan Akta Perindustrian 1993 ini kita dapati tambahan kepada empat kategori lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Pelesen (Suruhanjaya) ini iaitu wakil pengurus kumpulan wang ini adalah merupakan langkah yang tepat seperti saya nyatakan sebentar tadi dan ini menambah lagi 2 kategori lesen kepada yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlah dana yang begitu besar dalam unit trust ini seseorang yang memohon untuk mendapatkan lesen hendaklah dipastikan sebagai orang yang layak dan sesuai untuk memegang lesen yang dipohon ini dan meneruskan atau menjalankan urusan niaga ini. Mereka ini perlu, saya kira melepasi beberapa ujian yang akan ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti nanti sebelum diberikan tauliah, sebelum menjalankan urusan niaga dan ini akan memastikan mereka menjalankan urusan niaga ini terdiri daripada mereka yang benar-benar layak untuk menguruskan dana yang selalunya berjumlah dalam jutaan ringgit ini.

Ini lebih penting lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana sumber dana ini adalah dari kalangan rakyat biasa yang melabur secara kecil-kecilan dan tauliah ini akan memberikan keyakinan yang lebih kepada para pelabur dan pelaburan mereka ini akan dilakukan dengan lebih berasaskan fundamental yang lebih kukuh dan mengurangkan spekulasi yang terlalu berlebihan dan pengiktirafan ini akan

mengurangkan pergantungan para pelabur kepada kemasukan dana asing di dalam pasaran saham di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengiktirafan kepada wakil pengurus kumpulan wang ini, kita dapat memperjelaskan dan mengenal pasti individu yang memegang lesen ini untuk menjalankan urus niaga menjaga dana ini yang mana pada masa ini kita tidak dapat menentukan mereka yang benar-benar layak atau mereka yang hanya memperakui mereka ini adalah pengurus dana itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita tidak mengetahui industri ini mempunyai pengurus kumpulan wang yang mencukupi atau tidak dan benar-benar berkualiti. Maka dengan pengenalan lesen ini, kita akan dapat mengetahui bilangan dan mengenal pasti mereka yang diiktiraf dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pindahan kuasa daripada pejabat pegawai pelesen di Kementerian Kewangan kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti dan pihak Suruhanjaya Sekuriti akan memainkan peranan yang penting untuk mengawasi pasaran saham di Malaysia ini supaya berjalan dengan lancar dan ini menentukan kuasa-kuasa satu badan. Ini dapat diperjelaskan dan tidak ada lagi timbul pertindihan dan keraguan di antara satu badan dengan badan yang lain yang mana selama ini telah berpindah daripada satu badan ke satu badan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan supaya pegawai pelesen yang berada di Kementerian Kewangan ini, kalau boleh, dipindahkan tanggungjawabnya atau diserap masuk ke Suruhanjaya Sekuriti adalah lebih baik kerana mereka ini mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang ini, dan kalau tidak boleh pun, kita mengharapkan kerajaan akan

memberikan jawatan yang sesuai kepada mereka ini kerana mereka sudah tentu tidak akan lagi berada di Kementerian Kewangan dengan jawatan yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, pemindahan kuasa memberi lesen ini pada masa lalu pegawai pelesen dibuat oleh ROC dan kemudian pada Kementerian Kewangan dan kini kepada Suruhanjaya Sekuriti dan ini selaras dengan apa yang berlaku dalam industri pasaran niaga hadapan. Dengan penyerahan tanggungjawab dan kuasa ini, kita mengharapkan Suruhanjaya Sekuriti dapat memproses dan juga mengeluarkan lesen-lesen kepada yang layak dan akan dapat dibuat dengan lebih cepat dan akan dapat mengurangkan backlog seperti yang berlaku sekarang di Kementerian Kewangan dan masih banyak lagi mereka yang menunggu untuk ditemuduga untuk mendapatkan lesen pada hari ini.

Kita juga mengharapkan Suruhanjaya Sekuriti ini juga akan dapat mempertahankan, kalau tidak dapat mempertingkatkan formula yang ada iaitu 30% kuota bagi bumiputera bagi lesen-lesen tersebut dan bagi pengambilan wakil-wakil dalam semua kategori lesen yang dikeluarkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, perkara selanjutnya yang ingin saya sentuh ialah tentang liberalisme dan juga wakil peniaga. Walaupun akta ini kurang menyentuh secara khusus tentang definisi wakil peniaga di mana definisi mereka ini tidak secara khusus dibuat dan cara setiap syarikat mentafsir definisi ini berlainan di antara satu dengan lain sehingga sesetengah syarikat boleh menyalahgunakan definisi wakil peniaga ini.

Memandangkan industri pasaran saham ini semakin berkembang, khususnya dari segi bilangan mereka yang memegang lesen wakil peniaga ini pada satu ketika dahulu hanya terdapat 500 orang remisiers dalam industri ini dan

hari ini sudah meningkat sehingga 5,000 orang wakil peniaga dan kalau dimasukkan broker saham dan juga dealers, angka ini akan menjangkau 6,000 bilangannya. Ini adalah merupakan satu angka profesional yang tinggi dalam sektor ini dan saya mengharapkan supaya pihak Suruhanjaya Sekuriti atau Kementerian Kewangan dapat menyelaraskan tentang definisi yang ada ini kerana saya melihat, bila kita merujuk kepada peraturan KLSE, wakil peniaga ini, kalau saya tidak silap merupakan pekerja kontrak kepada syarikat tersebut dan bila kita tanya pula kepada licensing officer, ianya merupakan definisi yang lain.

Jadi, percanggahan ini menimbulkan beberapa masalah dan kadangkala ianya boleh disalahgunakan oleh syarikat yang menggaji mereka ini. Jadi, kita mengharapkan satu penyelesaian supaya pendefinisian ini dapat diselaraskan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan supaya industri ini, khususnya wakil-wakil peniaga ini diberikan tahap profesional ataupun diwujudkan satu badan profesional bagi mereka ini kerana kalau dibandingkan dengan profesion-profesion yang lain misalnya akauntan, doktor dan juga peguam, mereka ini juga memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan negara kita ini dan seharusnya mereka ini juga diberikan status yang sepatutnya. Dan saya ingin bertanya kepada kementerian, mengapakah perlu diadakan banyak sangat temuduga dan ujian-ujian ini kepada mereka yang telah pun memegang lesen ini?

Jadi, saya berpendapat ini tidak wajar dan sepatutnya tidak diwajibkan kepada pemegang lesen ini untuk berbuat demikian. Tetapi apa yang lebih penting bagi saya adalah mewujudkan atau mengadakan kursus-kursus refresher kepada wakil-wakil peniaga ini supaya

mereka dapat didedahkan dengan kaedah-kaedah baru dan juga teknologi-teknologi baru dalam industri ini supaya dapat menangani dan dapat bersaing (competitive) dengan mereka yang mempunyai latihan di luar negara dan juga supaya mereka ini setanding dengan wakil-wakil peniaga daripada luar negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengharung ke abad ke-21 ini, wakil peniaga juga patut, seperti yang saya nyatakan tadi, diberikan satu status profesional seperti badan yang lain. Ini penting kerana mereka ini adalah terdiri dan mempunyai latar belakang profesional yang tinggi, samalah tahapnya dengan profesion yang lain dan kehadiran mereka ini akan dapat kita hargai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini masih kurang menitikberatkan tentang masalah wakil peniaga. Sebagai contohnya wakil peniaga yang menanggung segala kerugian yang disebabkan satu kesilapan yang dibuat dengan tidak sengaja di mana kesalahan-kesalahan ini dipertanggungjawabkan keseluruhannya kepada wakil peniaga.

Walaupun saya nyatakan kesilapan ini adalah merupakan genuine mistake, misalnya dua hari yang lalu, satu penjualan kaunter Kelana Emas yang dibuat sebanyak 200 lot dengan harga RM1.00 di bawah harga pasaran dan ini mendatangkan kerugian sebanyak RM200,00 kepada wakil peniaga yang terlibat dan ianya merupakan satu genuine mistake.

Tuan Yang di-Pertua, kesilapan dibuat di mana yang sebenarnya ianya merupakan 200 odd lots. 200 dengan 200 odd lots itu, bila silap tekan butang, maka inilah yang berlaku, dan peniaga atau wakil peniaga tersebut terpaksa menganggung kerugian yang besar dalam jangka masa beberapa minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah salah satu contoh yang terbaharu dan banyak lagi contoh yang lain yang telah berlaku dalam industri ini. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mewujudkan sebuah pusat arbitrate atau abitrasi, kalau saya tidak silap, dalam bahasa Malaysia yang dikawal selia khususnya oleh Suruhanjaya Sekuriti ini supaya wakil peniaga juga tidak akan mengambil kesempatan dengan adanya pusat arbitrate ini nanti.

Di samping itu, saya juga ingin mengalu-alukan tentang pengwujudan dana pampasan ini, kalau saya tidak silap, menggantikan tabung kesetiaan yang diwujudkan dalam industri ini dan saya mengalu-alukan beberapa peraturan baru dibuat supaya tatacara tuntutan pampasan dan claim ini boleh dibuat dengan mudah daripada sistem yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, dengan adanya dana pampasan baru ini, saya difahamkan ianya lebih besar daripada tabung kesetiaan yang ada atau fedelity fund yang ada pada masa ini. Ini sedikit sebanyak akan memberikan keyakinan kepada para pelabur dengan adanya tabung sebegini besar yang disediakan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan dan menyokong saranan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa profesion pengurusan dana ini kekurangan profesionalisme. Mereka yang terlibat dalam industri ini selalunya terikut-ikut tingkah laku foreign fund managers. Saya mengharapkan dengan adanya pengiktirafan ini nanti, maka pengurus dana ini akan mempunyai pendirian mereka sendiri dan tidak terikut-ikut dengan tingkah laku foreign fund managers apabila mereka menarik balik wang mereka daripada pasaran negara ini, jadi local fund managers pun ikut sama.

Jadi, ini akan menurunkan keadaan barisan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun, ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari sahabat saya, adakah benar bahawa setengah-setengah fund managers tempatan ini, dia mengambil khidmat nasihat daripada konsultan luar negeri? Itu saya hendak tanya, adakah benar?

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya rasa memang tidak dapat dielakkan bagi setengah-setengah fund managers yang ada di negara kita ini, khususnya kebanyakan fund managers kita yang mengaku mereka ini fund managers tidak mempunyai asas yang mencukupi dan pengalaman yang mencukupi untuk mengurusniaga dalam bidang ini dan terpaksa meminta bantuan daripada pakar-pakar luar. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti akan dapat menjelaskan secara terperinci tentang keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Insya-Allah, saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Itu macam ucapan ekonomi itu! (ketawa)

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan, setelah adanya lesen ini nanti supaya pengurus dana kita ini menjadi leader atau ketua dalam pasaran di negara kita ini dan tidak bergantung kepada pengurus dana asing ini.

Akhirnya, saya juga ingin mengalulakukan tindakan Suruhanjaya Sekuriti dalam membuat perubahan kepada beberapa guidelines dalam industri ini. Yang pertama, misalnya peningkatan untuk disenaraikan di papan utama, ianya memerlukan modal RM40 juta ataupun lebih dan tidak kurang mendapat keuntungan selama 5 tahun setelah membayar cukai dan bagi pasaran papan kedua, mempunyai modal berbayar sebanyak RM10 juta atau lebih dan tidak kurang daripada 3 tahun keuntungan setelah cukai. Ini memberikan satu lagi integriti kepada pasaran dan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham di negara kita ini.

Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin.

3.17 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta berucap 15 minit ya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tak sampai pun, Tuan Yang di-Pertua. 5 minit atau 10 minit sahaja. Labuan sudah ambil banyak idea saya. Tokok tambah daripada beliau. *(ketawa)*

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan, khususnya kepada Kementerian Kewangan. Semalam satu rekod juga apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan cadangan pindaan ini yang agak lewat juga. Embun sejuk pun sudah turun dan kita berdoa apa juga usaha dan hasrat pindaan akan mendapat kejayaan kepada kita.

Khususnya, kita semua lihat, seperti yang dikatakan dan diulas panjang lebar oleh Yang Berhormat dari Labuan tadi, pindaan ini adalah untuk memaju dan menggalakkan lagi pasaran modal di negara kita dan usahanya telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam bagi mengawal dan menyelaras lagi anggota-anggota dalam pasaran saham, iaitu Bursa, Pusat Penjelasan, Depositori dan paling penting sekali ialah pelabur-pelabur, terutama sekali pelabur kecil.

Apa yang kita mohon ialah supaya dengan adanya usaha untuk mengukuh dan menguatkan lagi pengurusan urusan modal di negara kita ini, kita dapat melihat satu tahap kepercayaan pelabur-pelabur, bukan sahaja dalam negara kita, tetapi juga di luar negara, satu kepercayaan yang lebih tinggi selepas ini. Itu penting. Kalau ini menjadi salah satu hasrat dan usaha membentangkan Akta ini, saya memberi sokongan yang amat tinggi.

Saya rasa, Ahli-ahli kita di dalam Dewan ini juga memberikan sokongan yang amat tinggi seperti yang saya katakan tadi. Sebelum ini kita dengar bahawa usaha-usaha telah dibuat oleh kerajaan untuk mengadakan road shows tertentu.

Perdana Menteri kita sendiri telah bercadang mengetuai satu roadshow di London, saya kira tidak lama lagi. Ini satu usaha yang baik. Dalam keadaan pasaran modal yang ada sekarang ini, indeks yang kita tahu berapa tingkatnya, Labuan lebih tahu, bukan sekadar dia hanya melabur untuk duit dia untuk orang lain pun dia melabur, bahawa semua mahu melihat supaya kedudukan pasaran saham kita ini pulih seperti dahulu, lebih tinggi daripada dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya dari segi fundamentalnya tidak ada masalah di negara kita, ekonomi, perkembangan yang baik, pertumbuhan yang baik. Kadang-kadang yang menjadi

masalah ini orang yang dengki ini. Orang yang dengki ini terutama kadang-kadang mereka ini datang daripada negara jiran dan kawan dia yang beri maklumat ini datang dari kalangan kita (*Disampuk*), ya, siapa dia?.....

Beberapa Ahli: DAP

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: DAP saya tidak tahu. DAP mungkin, tetapi Kepong itu saya tidak tahulah sebab dia tidak tahu tentang saham ini, yang tahu tentang sakit kulit sahaja. (*Ketawa*) Dia tidak berani bangun hari ini. Bahawa bukan hanya diperkukuhkan institusi yang ada melalui, macam hari ini kita membentangkan satu akta tetapi ada juga usaha-usaha promotion, usaha-usaha mengukuhkan perkara-perkara seperti saya katakan tadi, buat roadshow, perkenalkan ke negara-negara lain, pertingkatkan ini.

Kalau kita boleh buat roadshow di luar negeri untuk menarik minat, memberikan keyakinan yang tinggi kepada pelabur-pelabur luar negara, mengapa tidak juga pelabur-pelabur dalam negeri sendiri? Ya. Kadang-kadang kita ini under estimate sedikit kemampuan orang tempatan untuk melabur. Kadang-kadang dia tidak ada satu hubungan maklumat yang terus, dia dengar berita angin sahaja. Inilah bercerita-cerita kadang-kadang bangun pagi fundamentalnya baik, kita dengar pasaran di Jepunnya baik, New York sebelum itu baik tetapi Kuala Lumpur gedebung! Sebab apa? Satu berita angin yang dibuat di negara jiran, market kita terpengaruh. Persoalan saya, selain daripada usaha mengukuhkan institusi ini untuk membawakan satu suasana yang pasar modal kita berkembang dengan baik, apakah usaha kita dalam perkara-perkara seperti yang saya katakan tadi? Mungkin kita kata remeh temeh, mungkin kita kata tidak ada fundamentalnya tetapi ia mempengaruhi pasaran modal kita, pasaran saham ini. Ini saya minta supaya dapat sedikit penjelasan sebab kita

nampak usaha-usaha yang baik telah dibuat. Apakah usaha akan datang dapat diperkukuhkan lagi usaha kita? Hendak promote pasaran modal kita di negara kita ini?

Yang tentang hasutan berita angin ini, mungkin SC untuk menggariskan satu pendekatan pentadbiran yang khusus mungkin tidak boleh. Namun demikian, perkara ini jangan dipandang berat. Mungkin di bahagian Public Affairs SC dan KLSE mesti ada satu jabatan untuk mengawasi perkara-perkara ini, kalau tidak kita tidak mahu satu orang, kadang-kadang kita dengar mereka yang ada wang bukan sahaja mahu membuat keuntungan bila marketnya naik, tetapi kita semua tahu ada yang akan membuat manfaat bila marketnya turun. Dia sengaja mahu pasaran atau kaunter itu turun untuk mendapatkan keuntungan. Ada terminologi, saya lupa, dia macam burung apa? Bila binatang mati dia makan, (*Disampuk*) ya? Macam vultures dia ada terminologi saya lupa (*Ketawa*) (*Disampuk*) ya? Saya lupa (*Ketawa*) Saya telah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua tadi 10 minit sahaja.

Dalam, satu perkara Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, kita akur kepada pandangan SC untuk mendapatkan instrumen yang lebih untuk memastikan pengawalan dan pengawasan pasaran modal kita dengan baik. Namun demikian, saya masih teringat dalam pembentangan akta baru-baru ini, pada ketika itu ahli lembaga mengatakan bahawa SC mahu melihat pengawalan ini diletakkan kepada market place itself, let the market regulate by itself. Bagaimana dalam kaedah ini? Pada hari ini kita dibentangkan akta supaya menguatkan lagi usaha kita, tools untuk suruhanjaya mengawas perjalanan pasaran saham, pasaran modal kita.

Namun demikian, pada masa yang sama suruhanjaya mahu juga pasaran itu yang mengawasi dan mengawal diri sendiri. Saya nampak ada sedikit percanggahannya di sini, mungkin nanti boleh disentuh sedikit tentang perkara ini. Saya mirip juga bahawa kalau boleh

secara perlahan-lahan, step by step, dengan izin, supaya let the market regulate by itself sebanyak yang mungkin tetapi suruhanjaya juga mempunyai kata-kata pemutus, kata terakhir jika pasaran itu tidak boleh mengawal diri mereka sendiri.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sentuh sedikit, baru-baru ini kita dengar dalam SC memastikan syarikat-syarikat yang ingin memasuki pasaran saham modal terutama sekali dalam second board, kalau dulu setakat shareholders fund RM4 juta pun dah boleh, sekarang dinaikkan RM10 juta, kalau dulu untuk tiga tahun keuntungan RM6 juta tetapi before taxes, sekarang ini dia punya melt shareholders funds mesti naik daripada RM4 juta kepada RM10 juta. Kita perketatkan, keuntungan pun diperketatkan. Kalau dulu adakah before taxes atau after taxes? Saya hendak tanya sedikit, bagaimanakah yang kecil-kecil ini? Ya ada baiknya kita mengukuhkan players yang memasuki itu kukuh dan kuat tetapi yang mana the late comers ini nanti dan the late comers ini, saya risau, kebanyakannya mahu menerokai bidang ekonomi yang ramainya bumiputera. Kalau kita tutup pintu awal-awal, kita ketatkan pintu bagaimana mereka tadi? Dia mula-mula hendak meninggalkan, dia bersara awal perkhidmatan kerajaan, bersara awal daripada polis, anggota keselamatan untuk berniaga dengan harapan, dengan izin, by the time (*Disampuk*) wakil rakyat yang hendak bersara, saya rasa ada yang hendak bersara dia beri satu syarikat yang tersenaraikan. (*Ketawa*)

Ini saya hendak bertanya sedikit Dato' Timbalan Menteri, macam mana the late comers tadi? Yang baru kita ketatkan pintu kita ini amat awal sedikit. Mungkin kementerian atau kerajaan mungkin hendak mengkaji, mungkin hendak tubuhkan satu lagi pasaran yang ketiga, atau the third board. Sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Mungkin juga, adakah Yang Berhormat setuju mungkin kerajaan akan memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat bumiputera yang ingin menjejak kaki alam bursa komoditi ini. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dan ingin mencadang kepada kementerian supaya memberi kajian supaya pesara-pesara wakil rakyat, (*Ketawa*) pesara-pesara speaker, mana tahu Tuan Yang di-Pertua ya? Kot-kot hendak berniaga, boleh juga. Boleh juga tumpang cari makan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Speaker dengan Timbalan tidak perlu bersara, kita kadang-kadang perlu bersara, jangan hendak kaitkan dengan speaker. (*Ketawa*) Saya bersetuju bermakna mengapa tidak, kalau diperketatkan pun syarat-syarat ini beri kuasa Menteri untuk mengenyepikan syarat-syarat ini; jika ada satu kes terutama sekali yang bumiputera ataupun masyarakat yang lain yang kebelakang, yang genuine pada peringkat awal, katalah sekarang ini sebelum pengumuman SC baru-baru ini, dia cukup qualificationnya, Merchant Bankersnya sudah dipilih, papers sudah ada masuk kepada SC tetapi tiba-tiba tutup pintu.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, ingin minta penjelasan. Tadi kita memang menyokong apa yang dikatakan oleh saudara. Saya ingin minta penjelasan bahawa Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa perubahan yang ada sekarang ini, yang baru-baru ini disiarkan di dalam suratkhbar akan menyusahkan khususnya bumiputera-bumiputera yang ada keinginan untuk mengapung ataupun to float syarikat-syarikat mereka mungkin di papan yang kedua. Saya ingin minta penjelasan dulu, bagaimana sekiranya ada bumiputera tulen dari negeri Sarawak, Orang Hulu ke, Orang Penan ke ataupun orang Murut, kadazan, Dayak sekiranya mereka ada kemampuan bolehkah kerajaan setuju untuk memberi kelonggaran?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya dia macam mana, dia bukan kerajaan! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya tak erti hendak komen. Saya sokong. Saya yakin semua kita yang ada dalam Dewan yang mulia ini menyokong. Sebab kalau kita lihat dari segi statistiknya, syarikat-syarikat yang terapung sama ada dari 'second board' atau 'first board', berapa peratus bumiputera? Sehingga kita ada satu keseimbangan yang baik di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan bila kita kata bumiputera ini bukan hanya Melayu, semua bumiputera di negara kita ini termasuk Bukit Mas sendiri, Sarawak, Sabah supaya kita ada satu keseimbangan yang baik, yang adil barulah ada satu social justice, keadilan social baru. Ketika itulah kita ada bangsa Malaysia. Ini definisi saya bangsa Malaysia-Kepong. Semalam Kepong mahu definisi saya.

Tuan Yang di-Pertua, mintalah kalau boleh nanti, kita menyokong usaha hendak memperketatkan syarat-syarat ini tetapi mesti ada kelonggaran untuk kepentingan kaum bumiputera yang kebelakang, the late comers tadi supaya kita ada keseimbangan yang baik dari segi penyertaan semua bangsa dalam pasaran saham modal kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu lagi perkara iaitu tentang access untuk masuk pasaran modal ini. Kita akur daripada dasar kerajaan supaya syarikat-syarikat brockrage ini mesti ada paid-up capital RM20 juta sekurang-kurangnya, syarikat besar, kalau kecil tak mampu dia hendak mengurus niaga dalam satu pasaran yang memerlukan sumber modal yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, bagaimana anak buah kita ini, bagaimana kawan-kawan kita ini yang duduk di luar bandar. Dia minat juga pasaran saham ini, hendak beli saham dia berminat,

takkan dia hendak pergi ke bandar besar, wang dia RM100, RM200 hendak beli hendak pergi sahaja.

Saya minta supaya dapat dikaji kembali kalau tidak dibenar pun brockrage yang baru tetapi sekurang-kurangnya dia boleh mengurus niaga secara branches, dengan izin, cawangan, atau mengurus niaga mungkin dengan Bank Simpanan Nasional-mengapa tidak? Ataupun melalui bank-bank komersil supaya bila mereka simpan wang dia dalam bank simpanan, dia terus boleh beli saham apa yang dia hendak. Bermakna apa sahaja pendekatannya, caranya terpulang kepada kerajaan, kepada suruhanjaya tetapi berikan access yang lebih kepada kawan-kawan kita, rakyat yang duduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya ingin menyentuh pada petang ini sebagai menyertai perbincangan yang dinamakan pindaan kepada Akta Perindustrian 1983, yang lain itu telah disentuh oleh Labuan, tak perlulah saya ulangi lagi dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Mentakab. 15 minit Yang Berhormat.

3.23 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih atas peluang yang diberi untuk saya membahaskan satu akta yang dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995.

Pada keseluruhannya akta ini bertujuan meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 supaya Suruhanjaya Sekuriti akan mempunyai kuasa yang lebih besar dan lebih khususnya mengenai kuasa pengawasan dan kuasa pelesenan.

Saya berpendapat pindaan tersebut adalah perlu untuk memastikan pembangunan pasaran modal yang lebih teratur, inovatif dan berdaya saing.

Pindaan tersebut juga selaras dengan konsep bahawa jika kita inginkan suruhanjaya menjalankan tugas mereka, maka kita mesti memberi Suruhanjaya Sekuriti kuasa yang sesuai dan mencukupi supaya mereka dapat mencapai matlamat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Sekuriti di mana dalam laporan tahunan mereka dalam tahun 1994 telah pun menggaris objektif, strategi dan program mereka dengan begitu jelas tentang arah pembangunan pasaran modal dan industri sekuriti di negara kita. saya harap dengan pindaan dan kuasa yang bertambah, Suruhanjaya Sekuriti akan mencapai matlamat yang telah digariskan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pasaran modal adalah penting supaya kita dapat menggalakkan peningkatan pelaburan-pelaburan tempatan supaya kita dapat diperbanyak wang modal untuk membiayai projek besar-besaran yang telah dirancangan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah memperbanyakkan pembeli institusi di pasaran sekuriti tempatan, kerajaan telah menggalakkan penubuhan wang dana atau trust fund pada beberapa tahun kebelakangan ini wang dana telah pun bertumbuh dengan begitu pesat. Saya berpendapat langkah-langkah ini adalah amat bagus supaya pembeli di institusi pasaran modal dapat di peringkatkan dari 30% pada masa kini pada tahap 50% yang merupakan satu pasaran yang lebih matang. Dan penubuhan dana wang juga membolehkan pelabur-pelabur kecil melabur melalui dana yang biasanya diuruskan oleh pengurus kumpulan wang yang profesionalisme dan adalah diharapkan bahawa ini akan mengurangkan unsur spekulatif dan risiko pelabur kecil.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi sesuatu dana wang amat bergantung kepada kredibiliti, profesionalisme dan

kecekapan pengurus kumpulan wang. Saya mengalu-alukan tindakan Suruhanjaya Sekuriti untuk melesenkan semua pengurus kumpulan wang. Ini adalah untuk kita memastikan bahawa siapa yang diberi lesen adalah merupakan seorang yang berkaliber dan mempunyai kredibiliti.

Tuan Yang di-Pertua, dana wang melibatkan nilai pelaburan yang amat besar dan kebanyakan adalah pelaburan dari pelabur-pelabur kecil, maka saya harap menteri dalam menjelaskan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengawal selia dan mengawasi segala urusan yang dijalankan oleh dana-dana wang supaya tidak berlaku apa-apa penyelewengan atau salah guna kuasa mengenai tanggungjawab dan obligasi mereka, khususnya mengenai tanggungjawab dalam mengadakan laporan yang telah di audit oleh kuasa yang ditetapkan dan juga mengumumkan akaun dan prestasi dana dari semasa ke semasa. Misalnya tiap-tiap tiga bulan atau tiap-tiap setengah tahun supaya orang ramai boleh mendapati prestasi sesuatu dan juga tentang akaun urusannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bank-bank dan juga syarikat peniaga saham juga telah diberi lesen untuk menubuh dana wang. Persoalan saya ialah sama ada keadaan ini merupakan satu percanggahan kepentingan dalam syarikat tersebut dan saya ingin tahu apakah langkah pengawasan yang telah diambil untuk melindungi pelabur kecil?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalukan-alukan langkah-langkah tambahan pengawasan yang telah diambil terhadap wakil peniaga, wakil penasihat pelaburan dan wakil pengurus kumpulan wang. Saya difahamkan bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, wakil peniagaan sekuriti telah bertambah dari bilangan 500 ke hampir 5,000 dalam masa yang amat singkat. Ini adalah satu fenomena yang amat menggalakkan.

Wakil-wakil tersebut memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kejayaan dan pembangunan pasaran sekuriti, maka amat perlulah kita mempertingkatkan profesionalisme, kecekapan dan status mereka supaya mereka dapat membantu pembangunan sektor modal menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang, khususnya bila kita telah memasuki era niaga hadapan.

Saya ingin mencadangkan bahawa satu badan profesionalisme khas untuk wakil peniaga ditubuhkan di bawah satu akta khas seperti Akta Akitek demi menandatangani segala hal mengenai wakil peniaga supaya kita dapat mempertingkatkan dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan wakil peniaga seperti latihan, status, kadar, perhubungan dengan wakil peniaga dan syarikat peniaga dari segi undang-undang, perlindungan risiko dan sebagainya. Dengan penubuhan badan profesionalisme ini kita harapkan mereka akan dapat memainkan satu peranan yang lebih agresif menghadapi era di mana sektor perkhidmatan kita kian di bawah tekanan membuka kepada syarikat-syarikat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai niaga hadapan terutamanya mengenai "short-sell" atau jualan jangka turun yang dikawal selia. Saya bersetuju bahawa dalam sesuatu pasaran modal kita memerlukan sedikit sebanyak spekulasi untuk mempergiatkan aktiviti di pasaran modal. Persoalan saya ialah, bagaimana kita harus mengawal niaga hadapan supaya spekulatif tidak menjadi perjudian dan apakah langkah penguasaan yang telah diperuntukkan dalam Akta ini supaya kita tidak membiarkan usur spekulasi terlalu tinggi? Sama ada kita ada mensyaratkan bahawa sesiapa yang ingin menceburi dalam bidang niaga hadapan mesti meletakkan cagarang wang

tunai yang mencukupi sebelum dia diberi peluang untuk menceburi dalam bidang tersebut.

Saya juga ingin menyarankan bahawa pihak Suruhanjaya Sekuriti atau kementerian tidak membenarkan kewujudan terlalu banyak instrument dalam pasaran modal yang berunsur terlalu spekulatif. Saya difahamkan baru-baru ini pasaran kita telah pun membenarkan jual beli indeks saham, satu instrument baru. Pada hemat saya ini adalah satu instrument yang mempunyai spekulasi yang amat tinggi.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan mungkin Yang Berhormat ada pandangan yang boleh kita fahamkan. Walaupun instrument ini pada mereka yang dalam bidang pasaran modal merupakan satu instrument untuk "hatching" tetapi ia juga boleh menjadi satu perjudian kalau kita tidak berjaga-jaga. Maka saya harap penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, demi memajukan sektor modal dan sektor sekuriti negara kita, saya pohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

3.34 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang telah dibentangkan pada larut malam semalam oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan bahawa ini adalah suatu Akta yang begitu tebal dan begitu penting, saya ingin merakamkan rasa kesal saya kerana hanya 15 minit sahaja diperuntukkan kepada setiap ahli untuk memberikan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas pengerusi Suruhanjaya Sekuriti telah mengumumkan satu garis panduan yang baru yang akan dikuatkuasakan pada 1hb Januari tahun depan tentang permohonan mana-mana syarikat yang ingin disenaraikan dalam BSKL. Di mana beliau berkata, dengan izin, "will move from direction of merit to information disclosure environment". Di sini saya ingin mempersoalkan komitmen Suruhanjaya Sekuriti tentang this information disclosure environment, kerana rekod yang ditunjukkan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah tidak memberangsang dan tidak meyakinkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti komited, mempunyai iltizam untuk memastikan pendedahan maklumat yang menyeluruh.

Saya ingin menyebut beberapa contoh di mana sungguhpun terdapat beberapa kes di mana adalah jelas bahawa pendedahan maklumat yang tidak tepat, spekulatif, bercanggah dengan amalan dan semangat industri sekuriti, tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Yang Pertama, pada bulan September tahun lepas di mana ada satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh SAMANDA hendak mengambil alih MBF Capital dan kenyataan ini dikeluarkan oleh—saya ingat ada kaitan dengan Yang Berhormat dari Batu pada masa itulah, mengenai kes SAMANDA—sungguhpun ditolak oleh Bank Negara Malaysia disifatkan sebagai tidak tepat kerana membuat kenyataan yang dianggap sebagai spekulatif, tidak beretika kerana menimbulkan tanda tanya di pasaran. Tetapi saya tidak nampak apa-apa tindakan yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti terhadap SAMANDA tentang kenyataan yang dibuat itu.

Ini yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kerana seperti yang sedia dimaklumkan, apa-apa kenyataan yang dibuat dalam surat khabar akan mempengaruhi pelabur-pelabur dan orang

ramai membeli saham dalam kaunter-kaunter yang berkaitan dan kalau kenyataan-kenyataan yang dianggap tidak beretika dan tidak tepat tidak dibendung, sebaliknya dibenarkan tanpa sebarang tindakan diambil. Yang rugi hanyalah pelabur-pelabur dan ini akan menjejaskan keyakinan orang ramai dan pelabur-pelabur terhadap pasaran modal tersebut dan seterusnya tidak akan menjayakan usaha kerajaan untuk membina dan merangka sebuah pasaran modal yang canggih, yang efektif, yang moden dan mampan. Oleh sebab itu, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab tentang perkara ini.

Contoh yang kedua ialah tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada masa itu tetapi sekarang Menteri Kerja Raya di mana beliau berasa kesal, dalam satu kenyataan yang dibuat secara umum yang keluar di surat khabar *The Star* pada muka depan pada 16hb Disember, 1994, dia berasa tidak puas hati tentang kenyataan yang dibuat oleh beberapa syarikat tentang kontrak-kontrak yang ada kaitan dan merugikan Tenaga Nasional Bhd. untuk menguntungkan mereka. Ini adalah satu kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang Menteri, bahawa tokoh-tokoh korporat itu membuat pengumuman yang tidak benar, yang palsu supaya nilai dan harga saham mereka boleh naik. Tetapi sungguhpun demikian, saya tidak nampak Suruhanjaya Sekuriti campur tangan. Saya tidak lihat Suruhanjaya Sekuriti mengambil sebarang tindakan. Malah nampaknya tidak berminat langsung. Sungguhpun ada Menteri Kabinet menyuarakan perasaan tidak puas hati tentang kedudukan pada masa itu.

Dan juga tentang insider trading. Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti telah pun menyatakan berulang-ulang kali bahawa sungguhpun perdagangan dalaman adalah susah untuk dikacau. Tetapi satu siasatan sedang dijalankan ke atas satu sindiket, dan beliau berasa ia akan berhasil. Tetapi

sehingga sekarang kita tidak dapat sebarang maklumat. Apakah kedudukan, apakah kemajuan terkini tentang siasatan ke atas perdagangan dalaman yang diumumkan oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti. Di sini, saya hendak bertanya, di manakah komitmen Suruhanjaya Sekuriti, di manakah komitmen kerajaan. Kalau kita hendak menghapuskan sama sekali perdagangan dalaman, menghapuskan penyelewengan yang berlaku dalam sektor industri sekuriti, kalau tidak ada sebarang tindakan diambil sungguhpun seorang Menteri pernah menyuarakan perasaan tidak puas hatinya. Saya rasa adalah tidak guna kita meluluskan rang undang-undang dengan berbagai-bagai peruntukan kalau ia tidak akan dilaksanakan dengan adil dan saksama, kalau ia tidak akan dikuatkuasakan langsung.

Dalam contoh yang lain, Magnum, pada tahun 1993 membuat pengumuman bahawa Magnum Coperation Bhd., Selangor Estet Bhd. membuat pengumuman bahawa mereka telah mendapat satu lesen perjudian di Negeri Cina. Apabila pengumuman ini dibuat, harga saham mereka naik melambung tinggi. Tetapi sekarang sehingga hari ini masih belum berhasil. Dan kenyataan ada dikeluarkan oleh pegawai terkanan, yang paling kanan di Negara Cina bahawa perjudian merupakan "walk of the seven evils" di Negeri Cina yang tidak boleh dibenarkan langsung selain daripada pelacuran dan lain-lain.

Tetapi sungguhpun demikian, tidak ada sebarang tindakan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Dan juga keadaan serupa pengumuman bahawa ada lesen perjudian di Negara Cina, ini akan menarik banyak pelabur. Mereka nampak Negara Cina sebuah pasaran sangat besar. Penduduknya 1.2 bilion orang. Kalau 1.2 bilion orang berjudi di sana, untung banyak. Granite tahun lepas juga serupa, bahawa ada 15,000 mesin slot kepada sebuah daerah, negeri di Cina, He Long

Chang, iaitu satu daerah atau satu negeri "Naga Hitam" di negeri Cina. Lima belas ribu mesin slot.

Tetapi apabila pengumuman ini dibuat, harga saham naik. Lepas ini tak jadi. Jadi, apa jadi? Harga saham turunlah. Yang naik hampir RM15.90 pada satu ketika. Pengumuman dibuat pada tahun 1993, naik RM15.90. Sekarang saya tak tahulah, mungkin RM5.00, turun. Tetapi apakah tindakan diambil oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti? Adakah beliau sedar bahawa pelabur-pelabur yang buat investment ini mengalami kerugian yang besar. Oleh sebab itu, saya ingin mempersoalkan komitmen Suruhanjaya Sekuriti kalau mereka tak boleh menguatkuasakan atau tak boleh mengambil tindakan ke atas apa yang sangat jelas ialah penyelewengan, ialah pendedahan maklumat palsu, atau kegagalan mendedahkan maklumat yang menyeluruh. Macam mana kita boleh menguatkuasakan atau menguruskan pasaran modal yang mempunyai instrumen-instrumen yang lebih canggih.

Tadi seorang Yang Berhormat dari Mentakab, daripada pihak penyokong kerajaan melahirkan perasaan bimbang tentang kemungkinan bahawa pasaran modal akan menjadi satu pasaran perjudian. Saya rasa itu memang mungkin berlaku. Tetapi pasaran perjudian bukan orang biasa, ini untuk orang kaya, di mana "rules can be bend, rules can be wait" dan tidak ada konsistensi dalam pelaksanaan peraturan-peraturan.

Sebagai satu contoh, tentang isu terbitan bonus syer dan right issues, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa Suruhanjaya Sekuriti telah memberikan satu komitmen bahawa setiap permohonan untuk bonus syer right issues akan dijawab dalam masa satu bulan? Saya ingin bertanya, dengan serius saya hendak bertanya, adakah sesetengah permohonan—saya tak tahu mana-mana syarikat. Kalau tahu mana-mana syarikat, saya tentu tak boleh

sebut. Kalau sebut, mereka kena. Tetapi berapakah banyak syarikat, di mana permohonan mereka melebihi satu bulan, dan apakah faktor di belakang kelambatan permohonan mereka.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bersikap telus boleh menjawab dengan telus, dan pegawai-pegawainya akan memberikan jawapan yang betul dan tidak akan melindungi sesuatu. Berapa banyakkah, kerana saya rasa bonus share dan right issues, kalau ia membawa manfaat kepada pemegang saham, tidak merupakan sebarang masalah. Tetapi kalau permohonan mereka ditangguhkan atau dilambatkan atas faktor-faktor tertentu, ini menunjukkan bahawa ada favouritisme. Memang favouritisme berlaku. Saya tidak tahu, mungkin berlaku di bahagian Suruhanjaya Sekuriti. Mungkin di bahagian kementerian. Atau bukan di bahagian kementerian, mungkin di pihak pegawai-pegawai tertentu. Tetapi kalau kita hendak rules of law, and not rules of man, kita mesti telus semua peraturan yang ditetapkan mesti dipatuhi. Tetapi apa yang berlaku, saya difahamkan tidak dipatuhi. Dan kalau ia tidak dipatuhi, ia membuka ruang untuk amalan-amalan dan gejala-gejala yang tidak sihat berlaku, seperti rasuah, penyelewengan dan macam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak sebut tentang Tabung Kesetiaan, tak sempat pula. Tetapi, saya harap bahawa Rang Undang-undang ini akan memihak bukan sahaja pihak yang kaya raya, tetapi juga kepada pelabur-pelabur kecil. Dan usaha kerajaan untuk melonggarkan Tabung Kesetiaan haruslah dialu-alukan. Tetapi saya harap memandangkan kerajaan sendiri telah

mengakui bahawa ia terlalu tidak menepati masa dan tidak realistik, kerana banyak pemohon untuk tabung ini tidak akan berjaya, saya harap ia boleh diback dated kepada satu tarikh supaya mereka yang mengalami kerugian dalam pasaran modal ini juga boleh membuat permohonan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

3.50 *ptg.*

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang kedua atau ketiga, kalau tidak silap saya, saya mengambil bahagian di dalam pindaan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang diadakan dengan begitu kerap kali menunjukkan pelaksanaan Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission) ataupun penguatkuasaan Security Commission adalah tidak begitu berkesan. Kalau berkesan tidak ada pindaan, memang tidak ada. Kita juga diberitahu bahawa pihak kementerian hendak menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Kewangan terunggul di rantau ini ataupun di dunia. Keunggulan seperti ini saya alu-alukan. Walau bagaimanapun sebelum kita menjadi begitu unggul ada banyak perkara hendak kita betulkan. Walaupun ada sedikit sebanyak kemajuan, termasuk, tahun lepas di mana saya ada sebut mengenai apabila pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Sekuriti, saya ada sebutkan betapa pentingnya pengauditan dan sekarang ada termasuk dalam beberapa peruntukkan mengenai pengauditan. Itu satu langkah yang baik.

Walaupun bagaimanapun, kita tahu broker saham Kuala Lumpur kalau hendak diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai satu pusat kewangan premier, kita mesti mengkaji dengan teliti keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pukul rata transaksi tahun lepas untuk Bursa Saham Kuala Lumpur hanya RM1.3 bilion sehari dan tahun ini transaksi sehari hanya RM766.84. Ini menunjukkan prestasi BSKL sekarang masih tidak memuaskan. Walau bagaimanapun ada gejala yang baik sedikit iaitu penilaian pasaran pada 16hb Disember tahun lepas ialah RM466.1 bilion berbanding dengan tahun ini, 14hb Disember, penilaian pasaran (market valuation) ialah RM565.84 bilion. Walaupun sentimen pasaran adalah kurang, penilaian pasaran telah meningkat kerana lebih banyak syarikat tempatan telah disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Ini satu gejala yang baik. Walau bagaimanapun, kalau kita hendak menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan, kita mesti menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing kerana kita sedang bersaing dengan pusat-pusat kewangan yang lain termasuk Hong Kong dan Singapura. Tetapi saya nampak, ada beberapa masalah, sebab kita ada 15 unit, tidak dapat saya terangkan semua.

- (i) mengenai prosedur imigresen;
- (ii) latihan untuk pengurus-pengurus dana; dan
- (iii) masalah firma-firma stock broking yang mewujudkan Unit Trust Fund Management Companies.

Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, termasuk foreign own fund management companies yang hendak dikorporatkan di Malaysia.

Tuan Yang Pertua, saya sering terima aduan juga mengenai kakitangan expatriate yang menjalankan tugas mereka di dalam urusan kewangan di negara kita ini dan kadangkala mereka menghadapi kesusahan untuk visa, untuk masuk ke negara ini dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan mengkaji masalah seperti ini. Kalau orang-orang asing yang masuk.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab yang ini, takut nanti terlupa. Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong. Dahulu bukannya Yang Berhormat dengan bekas Yang Berhormat dari Bukit Bintang marah kepada kementerian mengapa dibenarkan pengurus-pengurus dana asing banyak di negara kita? Sekarang ini Yang Berhormat hendak minta banyak pula, jadi terlalu kontradiksi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba semak *Hansard*. Bilakah saya pernah sebutkan mengenai pengurus-pengurus dana asing? Saya tidak pernah. Sikap dan pendirian saya ialah asalkan orang itu masuk ke negara ini menjalankan tugas yang betul, kita biarkan, kerana kita hendak wujudkan pusat kewangan yang terkemuka.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat membuktikan melalui *Hansard* tetapi adakah Yang Berhormat sekata dengan bekas Ahli dari Bukit Bintang yang satu parti, yang mahukan pengurus dana nasional mendominatekan, dengan izin, pasaran kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tahu apa yang disebutkan oleh bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang, cuma saya sendiri tidak pernah membangkitkan hal seperti ini. Bagi saya, kita hendak jadikan satu pusat kewangan yang terkemuka di dunia. Kalau kita tidak ada pelabur asing macam mana kita dapat? Kerana sekarang kita hanya dapat yang melabur di Bursa

Saham Kuala Lumpur sekarang-individu 80% dan institusi tak sampai 20%. Itu masalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu mengambil pusing mengenai masalah pelaburan institusi. Itu masalah. Kalau kita hendak mengadakan pelaburan institusi yang lebih banyak, kalau harapkan institusi tempatan sahaja, itu tidak cukup.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat dari Kepong ini selalu keliru. Kita bercakap mengenai pengurus dana bukan pelabur asing.

Kalau pelabur asing mempunyai kepercayaan kepada pengurus dana tempatan, mengapa tidak digunakan pengurus dana tempatan? Yang Berhormat bangkitkan mengenai masalah imigresen-pengurus dana asing hendak masuk. Dahulu saya mempertahankan kita perlu sebilangan pengurus dana asing masuk ke sini untuk mengaitkan pasaran kita dengan dana-dana asing, Yang Berhormat marah kepada saya. Hari ini Yang Berhormat bercakap, macam saya bercakap dahulu juga-macam mana kontradiksi selalu? Masa ini bercakap macam ini, masa itu bercakap macam itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya agak keliru sedikit-seperti biasa. Kita sama-sama hendak galakkan orang yang betul-betul berniaga di negara ini. Kalau ada firma asing yang mengikut peraturan masuk ke negara ini kita benarkan. Itu caranya. Kalau tidak, macam mana kita dapat pelaburan institusi dengan begitu banyak? Wal hal kita mesti tahu pada 5 tahun akan datang menjelang abad ke-21 kita perlukan RM550 bilion modal. Itu yang kita mahu. Kalau kita

mahu begitu banyak iaitu RM550 bilion modal, macam mana kita hendak dapat daripada tempatan sahaja? Itu mustahil Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya mencadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mesti berhati-hati. Itu apa yang hendak saya cadangkan disini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita bukan bercakap mengenai dengan modal. Yang kita berbincang tadi mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa satu kekangan imigresen kepada orang yang hendak masuk, modal lain. Orang yang hendak masuk lain. Jadi, Yang Berhormat perlu, dengan izin, clear your mind.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya sangat clear. Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita tidak mahu orang-orang asing yang buat salah, yang tidak mengikut peraturan di negara ini kita tidak mahu. Yang boleh mengikut peraturan, yang boleh menjalankan tugas dengan betul untuk aktiviti kewangan di negara ini kita benarkan dan bagi mereka ini, kita melonggarkan sedikit supaya mereka dapat masuk dan dapat bertugas di negara ini.

Itu pendapat sayalah. Bukan sekadar mereka hendak mengambil alih semua disini, bukan. Kita mesti tahu juga. Kalau kita buat peraturan yang terlalu ketat dan sikap pegawai-pegawai imigresen yang tidak munasabah., maka itu menjejaskan aktiviti kita untuk menggalakkan pelaburan asing di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan dalam pengurusan kewangan dana.

Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai Imigresen dan apa yang mesti kita buat. Juga mengenai masalah stockbroking firm untuk mewujudkan Unit Trust Fund Management Companies, saya percaya pihak kementerian mesti mengkaji sama ada kewujudan syarikat-syarikat pengurusan dana Unit Trust ini ada konflik kepentingan.

Kita mesti mengkaji bagaimana kita boleh mengelakkan konflik kepentingan. Kalau kita hendak membenarkan firma-firma stockbroking ini mewujudkan Unit Trust seperti ini apakah syaratnya ataupun kita tidak membenarkan mereka buat demikian kerana sepertimana kita mesti tegas, mesti effective di dalam mencegah insider trading ini kerana di dalam konflik kepentingan ini, kita tidak boleh mengabaikan begitu sahaja, buat acuh tidak acuh sahaja kerana masalah Secutiry Commission ini kadangkala nampaknya bersikap acuh tidak acuh sahaja. Buat tidak tahu sahaja. Biarkan sahaja. Orang tahu masuk BSKL, buat perniagaan, tahu atau tidak apa yang mungkin terjadi dan Secutiry Commission tidak tahu lagi.

Ini masalah. Walaupun ada.... Banyak lagi hendak bincang. Dia hendak berhentikan pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Oang Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Gulung sekarang? Tuan Yang di-Pertua, mengenai konflik kepentingan ini, kita mesti mengambil tindakan yang tegas supaya kredibiliti dan integriti Bursa Saham Kuala Lumpur dapat dipertahankan kerana inilah yang penting. Kita mesti tangkapkan semua penipu kerana kita tidak mahu penipu itu berbuat demikian termasuk yang insider trading itu dan setelah kita buat penyiasatan. Di BSKL ini dengan Security Commission kita ini, dia buat penyiasatan tetapi kadangkala laporan penyiasatannya tidak diumumkan.

Sebab itu orang awam tidak tahu dan ketelusan itu kurang. Saya mencadangkan supaya semua siasatan dan laporan diumumkan dan kita menjadikan Bursa Saham Kuala Lumpur lebih telus (transparent) kerana yang selalu tidak transparent ini memang menjejaskan keyakinan kredibiliti dan integriti terhadap BSKL.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini yang tebal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itupun telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Sangat tebal, Tuan Yang di-Pertua, Kalau kita hanya membaca, 15 minit tidak habis.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan soalnya, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Yang Berhormat: Sambung tahun hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat lain. Sila sopan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akur kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua, tidak payah bising. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian diminta jawab.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan, Ahli Yang Berhormat dari Rompin, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan, dengan izin, last but not least Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang sungguh arif.

Timbalan Yang di-Pertua, di dalam hujah-hujah yang dikemukakan oleh lima orang Ahli Yang Berhormat tadi, kita

dapati pujian dan juga cemuhan yang diberikepada Suruhanjaya Sekuriti. Cemuhan memanglah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang Kota Melaka dan Kepong.

Saya fikir cemuhan-cemuhan ini tidak begitu wajar kerana di dalam satu nafas, Ahli-ahli dari pembangkang minta Suruhanjaya Sekuriti liberal dan dalam nafas yang sama, minta over regulate, dengan izin. Jadi, yang mana satu mereka mahu? Bila Suruhanjaya Sekuriti mengadakan regulations ini yang dikatakan ketat, dimarahnya. Bila diliberalise pun, dimarahnya. Jadi, modal itu, modal marah sahaja. Jadi, yang mana satu pendirian Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun, Yang Berhormat. Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Soal cemuhan dan sebagainya tidak wujud.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat hendak minta penjasankah atau hendak beri penjelasan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Dia beri penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Minta boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau hendak beri penjelasan, itu bukan kerja Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, minta penjelasan. Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar cemuhan itu tidak timbul cuma kita hendak Security Exchange itu lebih tahu. Bila ada masalah di Bursa Saham Kuala Lumpur, dia lebih awal tahu daripada orang-orang lain. Itu yang pertama. Yang kedua, bila dia buat siasatan, kita umumkan penyiasatan itu. Jangan kita buat diam-diam sahaja. Itu tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa soalnya Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah dia setuju dengan pendapat saya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Dia memberi penjelasan kepada saya. (*Ketawa*) Saya yang tuduh dia, dia beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu boleh menjadi songsang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itulah. Dia memang selalu salah landasan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan tidak ada enforcement dan lain-lain lagi. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Suruhanjaya Sekuriti dari semasa ke semasa membuat on course correction kerana industri ini adalah industri yang masih lagi di peringkat infancy dalam negara kita. Dari semasa ke semasa kita membuat on course correction dan kita perbetulkan kerana pasaran kewangan dari semasa ke semasa, khususnya di dalam iklim pembangunan ekonomi negara kita bertukar disebabkan oleh pertumbuhan yang cukup pesat dan pertumbuhan wang cukup pesat membawa kepada permintaan-permintaan yang berlainan.

Jadi, pindaan-pindaan terpaksa dibuat dari semasa ke semasa. Tadi yang

Berhormat dari kepong, dia kata pindaan-pindaan selalu dibuat menunjukkan tidak berkesan. Itu sahaja pemikirannya. Fikiran hendak marah dan hendak kritik. Pindaan-pindaan ini dibuat ialah untuk memastikan bahawa segala akta yang mengawal pasaran kewangan di negara kita ini dirasionalisekan di antara satu sama lain, dengan izin. Kita ada lima Akta. Kita ada Securities Commission Act, Securities Industries Act, Securities Industraise Act (Amendment), Futures Industries Act, Securities Industries Act, Central Depository Act. Banyak.

Jadi, oleh sebab perkara ini berlaku iaitu perubahan-perubahan berlaku berasaskan pembesaran ekonomi kita, maka kita perlu dari semasa ke semasa menukar regulation, mengetatkan dan meliberalise dan membuat apa sahaja untuk institusi-institusi yang mengawasi pasaran kewangan kita menjadi business friendly, tetapi dalam masa yang sama mempunyai kebolehan untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan orang-orang kecil. Jadi, di sini tidak berbangkit bahawa Securities Commission adalah tidak berkesan dan adalah tidak mempunyai kuasa enforcement yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, misalannya di bawah Akta yang kita bincangkan pada hari ini. Pada ketika ini iaitu Akta 1983, peruntukan-peruntukan yang ada adalah terlalu sedikit untuk menangani permintaan-permintaan perkhidmatan di dalam pasaran kewangan pada masa ini. Banyak penindihan-penindihan atau ambiguity, dengan izin, berlaku. Jadi, pasaran kita menjadi lebih canggih.

Yang Berhormat dari Kepong tentu tahu bahawa market capitalisation, dengan izin, pasaran, saham KLSE kita adalah yang paling tertinggi di Asia Tenggara dan nombor empat di seluruh Asia. Yang Berhormat pun puji semasa itu. Dalam masa dia puji, dia keji. Jadi, inilah yang kita lakukan khususnya di dalam seksyen 8, 9, 10 dan 11 untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran kewangan serantau. Inilah satu daripada langkah-

langkah untuk memperkemaskan KLSE melalui pengawasan Security Commission.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan bercakap dengan panjang lebar, lebih dari sejam kerana Ahli Yang Berhormat memanglah one of the actors, dengan izin, di dalam pasaran saham. Dia tahu dengan mendalam dan dia bercakap berasaskan ilmu dan pengetahuannya, bukan serkap jarang macam Kepong. Yang Berhormat tahu serkap jarang? Serkap jarang ialah dia at random sahaja, dia 'tibai' sahaja, orang Kedah kata, ikut suka.

Yang Berhormat dari Labuan, dia bercakap atas pengalamannya sebagai orang yang mempunyai satu security company. Dia bercakap dengan authority. Saya akan menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong nanti, tetapi Yang Berhormat dari Kepong dengar saya hendak jawab perkara-perkara yang bernas dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Labuan.

Yang Berhormat dari Labuan, di samping memuji Security Commission, Ministry of Finance, dengan izin, dalam puji-pujian, dengan bahasa yang cukup halus dan nada yang rendah, ada juga ditibainya! (*Ketawa*) Saya berasa sebab saya tahu dia tidak berapa setuju dengan apa yang dikatakan kejutan-kejutan. Pada satu masa liberalise, pada satu masa perketatkan dan pada satu masa lagi mengadakan regulations yang baru.

Saya tidak tahulah mengapa dia berkata macam itu, mungkin ianya memberi kesan kepada syarikat beliau, saya tak tahulah! Tetapi, apa yang saya hendak katakan kepada Yang Berhormat, balik kepada apa yang saya ucapkan tadi iaitu perkara ini walaupun nampak contradictory, tetapi ianya dilakukan sebagai memperkemaskan kedudukan badan-badan yang mengawal selia aktiviti-aktiviti di dalam pasaran kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan usaha-usaha kerajaan dalam menggalakkan pelaburan melalui amanah saham. Ingin saya nyatakan di sini, kerajaan memandang amanah saham ataupun unit trust sebagai satu medium untuk pelabur-pelabur kecil menggunakannya. Jadi, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah membolehkan syarikat-syarikat broker saham yang layak menubuhkan dana amanah saham iaitu kita hendak memperluaskan medium ini.

Kalau dahulu kita beri lesen mewujudkan unit trust kepada PKEN-PKEN negeri, tetapi sekarang kita membolehkan amanah saham ini dijalankan oleh securities company. Jadi, usaha ini untuk membesarkan dan membolehkan ramai lagi rakyat marhain mengambil bahagian di dalam pasaran saham dan pasaran kewangan negara.

Jadi, di sini tidaklah betul apa yang dianggap oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi yang mengatakan pasaran kita hanya menjurus kepada orang-orang yang berada. Tetapi sebenarnya, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai dengan penyemaran dana amanah saham adalah betul walaupun pada peringkat ini ianya hanya merupakan 7% daripada keseluruhan nilai saham itu, tetapi berbanding dengan Thailand dan 16%, berbanding dengan Jepun, 40% lebih.

Jadi, sedikit demi sedikit kita akan mengembangkannya, khususnya saya selalu membuat kenyataan dalam akhbar supaya unit trusts ini lebih agresif, mempunyai lebih pegawai-pegawai yang berilmu untuk menguruskan dana-dana tempatan supaya mereka menjadi pengurus dana yang berwibawa dan yang berdikari, tidak hanya menjadi pak turut kepada pengurus dana luaran.

Yang kedua, kerajaan telah menggalakkan pengenalan satu lagi instrument pelaburan kolektif yang dinamakan close end fund ataupun dana tertutup.

Yang ketiga, kerajaan membolehkan pemegang-pemegang akaun KWSP memasukkan sebahagian simpanan mereka dalam amanah saham tertentu yang dipilih oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP pada peringkat ini telah dan akan memperuntukkan lebih daripada RM10 bilion untuk dilaburkan. Jadi, ini satu. Sebenarnya negara kita mempunyai banyak pools ataupun tempat di mana modal - KWSP, Tabung Haji, PNB dan lain-lain lagi. Jadi, kita seharusnya menggunakan kemudahan ini dan pengurus-pengurus dana tempatan sepatutnya menggunakan dana-dana ini dengan menyeluruh dan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga mencadangkan untuk mewujudkan perlonggaran dalam memberi lesen broker niaga hadapan. Sehingga 19hb Disember 1995, iaitu pada tahun ini, Security Commission ataupun Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan 16 lesen broker niaga hadapan dan 123 lesen wakil broker niaga hadapan.

Adalah menjadi niat kerajaan untuk menambahkan lesen-lesen ini, tetapi lesen-lesen ini akan hanya dikeluarkan setelah pemohon memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ketat dari segi integriti dan profesionalism. Pada peringkat ini, hanya 16 dan kita mengatakan bahawa apabila saya menjawab hujah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak berapa lama dahulu, kita menyatakan bahawa 40 yang kita akan adakan itu merupakan satu quantum yang memberi keluhuran yang cukup atau enough debts, dengan izin, kepada kehendak pasaran niaga hadapan pada masa ini. Kalau perlu, kita akan tambah lagi pada masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan proses pelesenan oleh suruhanjaya mestilah dipercepatkan untuk mengatasi back log. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti

telah dan sedang bekerjasama dengan pegawai-pegawai pelesen untuk mempercepat proses permohonan dan pembaharuan lesen-lesen. Prosedur permohonan telah pun di selaraskan, misalnya wakil peniaga hanya perlu hadiri satu temuduga yang diadakan secara bersama oleh BSKL, Suruhanjaya Sekuriti dan pegawai pelesen pada masa ini. Tidak banyak temuduga ataupun ujian seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Labuan. Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan mengenai, menanya kita mengenai definisi wakil peniaga ataupun remisier di dalam secara jelas dan perlu diperjelaskan. Ingin saya nyatakan di sini, bahawa seorang remisier adalah seorang wakil peniaga di bawah Security Industries Act, wakil peniaga. Definisi wakil peniaga dicadang dipinda di bawah Fasal 3(1) di bawah rang undang-undang ini seperti berikut:

“seseorang dengan nama apa juga yang diperihalkan, diambil kerja oleh atau bertindak bagi atau melalui institusi berkenaan adalah merupakan orang apa yang dikatakan wakil peniaga ataupun remisier”.

Yang Berhormat bolehlah rujuk kepada Fasal 3 dalam rang undang-undang ini. Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai mutu pengurus dana ataupun fund manager tempatan. Yang Berhormat bersetuju dengan saranan saya bahawa masih lagi diperlukan peningkatan mutu pengurus dana tempatan dan bersetuju dengan apa yang saya nyatakan bahawa pengurus-pengurus dana tempatan mestilah lebih agresif dan lebih mempunyai ilmu di dalam kerja mereka. Berbagai-bagai langkah sedang dikaji untuk meningkatkan profesionalisme pengurus dana tempatan. Di antaranya menggalakkan mereka dengan sukarela meningkatkan kelayakan mereka, mengadakan usaha-usaha dengan pengurus dana luar dengan cara yang akan menguntungkan dan meningkatkan kemahiran pengurus dana tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan roadshow yang diadakan bukan sahaja di luar negara tetapi juga di dalam negeri yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Labuan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pelbagai pihak telah mengambil langkah mempromosikan pasaran modal dalam negara, misalnya di negeri Kedah, Amanah Saham Negeri Kedah telah pun menjalankan usaha-usaha untuk mempromosikan pelaburan di seluruh rantau desa di negeri Kedah dan sambutannya adalah baik.

Suruhanjaya Sekuriti telah mengadakan roadshow di Sabah dan Sarawak beberapa bulan yang lalu. Pada tahun depan, beberapa roadshow dirancangan di Semenanjung Malaysia oleh Sekuriti malah BSKL pun telah mengadakan aktiviti serupa iaitu seperti dengan kerjasama institusi lain seperti PNB.

Yang Berhormat dari Labuan membangkit ataupun menanya kita kenapa perlu banyak temuduga dan ujian untuk pemegang lesen, ini pun telah saya jawab. Dan Yang Berhormat tentu tahu bahawa pemegang-pemegang lesen ini mestilah orang yang mempunyai amanah, orang yang mempunyai ilmu kerana mereka bertanggungjawab di dalam melabur dana-dana pelabur yang kebanyakannya terdiri daripada orang biasa dan orang yang berpendapat rendah dan mengenai dengan pengurus-pengurus dana kepada institusi-institusi, mereka adalah pengurus dana yang dipilih sendiri oleh institusi berasaskan kepada kewibawaan, kecekapan dan kredibiliti mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan akhirnya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan mengadakan satu pusat abitrasi ataupun arbitration centre, dengan izin, untuk menyelesaikan masalah yang timbul daripada kesilapan sebenar atau genuine mistakes, dengan izin oleh wakil peniaga secara tidak sengaja. Kalau genuine mistake itu tidak sengajalah.

BSKL telah mengadakan mekanisme untuk prosiding arbitrase untuk menyelesaikan aduan ataupun complaint, dengan izin, yang dibuat oleh pelabur atau syarikat broker saham terhadap mana-mana syarikat broker saham. Kini, Security Commission sedang mengadakan inisiatif untuk berbincang dengan associations and off stock brokers iaitu Persatuan Stok Brokers yang mungkin Ahli Yang Berhormat dari Labuan menjadi ahlinya dan juga BSKL untuk memajukan dan memperbaiki prosedur arbitrase yang sedia ada untuk menepati dan memperolehi satu mekanisme penyelesaian yang adil dan yang saksama, dengan izin, just and equitable.

Itulah jawapan-jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

Ahli yang terhormat dari Rompin menyatakan di sini, suruhanjaya dan BSKL patut mengadakan satu jabatan bagi mengawal selia manipulasi bursa iaitu market manipulation seperti conering dan lain-lain lagi, insider trading dia orang panggil. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Tampin, suruhanjaya mempunyai bahagian pengawalan pasaran yang mempunyai fungsi pengawasan pasaran serta penyiasatan pasaran dan pendakwaan. Memang SC mempunyainya. Malah, KLSE pun mempunyai satu bahagian yang dipanggil AWAS yang mempunyai fungsi pengawasan dan membuat audit secara spontan ke atas syarikat-syarikat broker saham, walaupun bahagian pengawalan syarikat pasaran di suruhanjaya sedang memulakan program penguatkuasaan, bahagian ini juga bekerja dengan rapat serta efektif bersama-sama dengan pihak bahagian AWAS di BSKL. Jadi, dua-dua bahagian, baik di dalam Suruhanjaya Sekuriti mahupun di dalam BSKL yang dipanggil AWAS sedang bekerjasama dan menjalankan usaha mereka. Pada pemerhatian saya kedua-dua unit ini menjalankan kerja mereka dengan pantas dan cekap sekali.

Mengenai dengan soal hendak mengumumkan penyiasatan-penyiasatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga dari Kepong, saya ingin nyatakan di sini, kebanyakan siasatan yang dibuat tidak menunjuk apa yang dikatakan perbuatan-perbuatan sengaja ataupun salah. Jadi.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:
.... banyak lagi yang sedang dibuat dan belum lagi mendapat hasil. Duduk sekejap Yang Berhormat, biar saya habis ayat saya, untuk mendapat hasil dan juga mendapat penamatnya belum lagi dapat dibuat, jikalau Yang Berhormat dengar dalam surat khabar, dalam media bahawa sianu itu sedang disiasat dan telah pun diambil usaha untuk didakwa, itulah hasilnya. Kalau kita siasat orang yang tidak bersalah kita hendak umum; tidak perlu diumumkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa dengan usaha untuk menjadikan BSKL dan Security Commission lebih telus, setelah siasatan dibuat sama ada orang yang berkenaan bersalah ataupun tidak bersalah, sama ada terdapat bukti ataupun tidak, kita umumkan. Kalau orang itu tidak bersalah. Kita umumkan dia tidak bersalah, tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan kesalahannya, kita umumkan berterus terang. Itulah maksud kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Dulu Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kita telah umumkan, saya telah menjawab di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kes yang telah diambil tindakan yang telah didakwa dan telah dihukum, jadi kalau sesuatu kes itu berbangkit, yang masih samar-samar, apa perlu kita umumkan melainkan ianya merupakan satu kes yang besar yang diketahui oleh umum iaitu kes yang conspicuous yang dinampak oleh umum, itu akan diambil tindakan, jadi kalau kita mengesyaki, insider trading berlaku di mana-mana kaunter dan kita hanya mengesyaki; kita umum besar-besarkan perkara ini saya fikir dari segi ethic tidak berapa betul, Yang Berhormat. Ini soal etika.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya dan merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu pengumuman yang dibuat oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti semasa beliau memberikan satu syarahan umum iaitu Etika, Tanggungjawab, Sosial dan Industri Sekuriti Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dilaporkan pada 28hb Julai tahun ini di mana beliau menyatakan bahawa Suruhanjaya Sekuriti akan mengemukakan laporan siasatannya mengenai arus niaga dalaman ke Pejabat Peguam Negara tidak lama lagi bagi menentukan bentuk tindakan ke atas mereka yang terbabit.

Suruhanjaya itu juga sudah menyelesaikan siasatan ke atas beberapa kes manipulasi harga saham dan saya berharap sekurang-kurangnya satu daripada siasatan kami mengenai arus niaga dalaman akan membuahkan hasil tidal lama lagi. Yang kita bertanya, apakah kemajuan atau adakah ini siasatan olok-olok sahaja? What is the latest development? Kalau serius sampai hendak rujuk kepada Peguam Negara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka patutlah bersabar sedikit, jikalau komitmen iltizam dibuat oleh seorang pengerusi, pasti segala penyiasatan telah pun dibuat dan yang dia tidak umum lima bulan.

Tuan Lim Guan Eng: Lima bulan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, lima bulan. Kalau dia belum umum lagi, maksudnya ia belum lagi tamat. Seseorang yang mempunyai kredibiliti yang menjadi Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti pasti akan menjalankan apa yang dia telah umumkan. Itu soal etika kepada dirinya.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat kata lima bulan mungkin belum selesai lagi penyiasatan itu. Jadi, tunggulah sekejap. Kalau lima tahun mungkin Ahli Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan ini sebagai satu isu tetapi lima bulan penyiasatan mengambil masa yang lama, hendak kena buku itu, buku ini dan lain-lain lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang yang time conscious, kalau dia cakap 'tidak lama lagi', saya rasa tak sampai satu minggu, dia akan uruskan, betul atau tidak? (*ketawa*)

Tetapi, saya rasa apabila seorang Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, dia cakap 'tidak lama lagi', dia pun bersikap seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minggu mesti uruskan. Takkan 'tidak lama lagi' pada dirinya adalah takrifan lima bulan masih belum membuahkan hasil. Kalau inilah sistem dan cara kita menguruskan pasaran modal kita-susah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini soal pentakrifan 'tidak lama lagi'. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia 'tidak lama lagi' seminggu, dua minggu. Pada

Yang Berbahagia Pengerusi Security Commission, mungkin definisinya 'tidak lama lagi' lima bulan, setahun. (*Ketawa*)

Kalau Ahli Yang Berhormat buka kamus 'phrase' tidak lama lagi itu, dia tidak ada jangka masa yang berapa hari, dia tidak lama lagi adalah subjektif kepada seseorang itu.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tak apa! Jadi, soalnya Yang Berhormat, jikalau ini telah pun dibuat satu public declaration, saya pasti ini sedang dilakukan, kalau dia tak keluar lagi mungkin dia ada masalah-masalah di dalam proses penyiasatan. Itu saya pasti Yang Berhormat pun bersetuju dengan saya, jikalau seseorang yang mempunyai standing, yang mempunyai etika, pasti akan keluar. Cuma Yang Berhormat sebagai anak muda sabarlah sedikit.

Jadi, macam Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dia sabar orangnya. Dia tunggu sampai pukul 11.00 malam, tinggal dia seorang sahaja dari pembangkang.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab telah pun memberi beberapa pendapat dan Yang Berhormat menanyakan masalah bank-bank yang diberi kuasa menubuhkan tabung saham amanah, apakah ini akan mewujudkan satu keadaan conflict of interest dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi pelabur kecil ini, Ahli Yang Berhormat tanyakan tadi.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, terdapat garis panduan tertentu untuk menentukan bahawa percanggahan kepentingan tidak timbul. Begitu juga pemegang amanah atau trustee, dengan izin, bagi tabung amanah mempunyai tugas undang-undang untuk menjaga kepentingan pemegang unit amanah itu sendiri.

Jadi, di sini soalnya ialah dua entiti yang berlainan iaitu bank dan juga pemegang amanah. Jadi, soalnya ialah kemudahan-kemudahan ataupun provi-sion mengenai dengan kerja pemegang amanah ataupun trustee mesti dilakukan dengan baik.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan langkah-langkah untuk mengawal selia aktiviti pengurus dana awam. Untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya nyatakan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Securities Industries Act mengandungi peruntukan terperinci mengenai audit dan laporan yang harus dikemukakan oleh mereka.

Begitu juga mengenai akaun yang disimpan dan cara-cara mereka menjalankan aktiviti-aktiviti itu telah pun wujud di dalam Akta Sekuriti Industri.

Syarat-syarat ketat juga dikenakan kepada lesen mereka, kalau berlaku penyelewengan, lesen mereka mungkin ditarik balik atau tidak diperbaharui apabila pembaharuan ingin dibuat oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka selain daripada membangkitkan soal kredibiliti security commission mengenai dengan masalah komitmen dan yang paling kita percakapkan tadi menyatakan bahawa permohonan bonus isu yang memakan masa lebih daripada masa yang ditetapkan. Ini Yang Berhormat menyebut dua, tiga syarikat Yang Berhormat tak mahu sebut nama, takut mereka divictimisekan, tak mengapa Yang Berhormat, kita tidak minta Yang Berhormat sebut nama.

Jadi, di sini saya nyatakan Suruhanjaya Sekuriti adalah beriltizam untuk memproses permohonan yang diserahkan secara lengkap dalam masa yang ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu satu bulan. Masalahnya Yang Berhormat, kadang-kadang permohonan itu diberi dengan

cara yang tidak lengkap. Kadang-kadang apa yang saya dapati dahulu, semasa saya dalam bidang korporat, permohonan-permohonan untuk bonus isu dibuat oleh Merchant Bank kepada Suruhanjaya Sekuriti, tidak mempunyai data-data yang lengkap dan tidak mempunyai justifikasi yang cukup untuk diberi bonus, jadi ini yang melambatkan proses memberi kebenaran.

Misalannya Merchant Bank, mereka hanya memberi secara acuh tak acuh sahaja, dia tidak membuat penelitian yang cukup. Apabila pihak Suruhanjaya Sekuriti memeriksa, reevaluate, didapati banyak kenyataan yang tidak betul. Jadi, proses reevaluation dan berhubung balik dengan Merchant Bank yang mewujudkan analisis ini, inilah sebab kelambatan.

Sebab itu, saya kata tadi, jikalau permohonan itu lengkap, dibuat dengan secara lengkap, tidak perlu dipatah balik di antara dua-dua institusi tadi, kemungkinan besar kelulusan dapat diberi dalam masa sebulan dan kurang sebulan. Saya dapati banyak yang telah dibuat dalam masa sebulan dan ada juga yang melebihi sebulan sepertimana Ahli Yang Berhormat sebut.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya dapat tahu berapa buah syarikat yang terlibat dan jumlah yang terbabit dari segi bonus dan right issues. Adakah semua penolakan tuntutan atau permohonan mereka dibuat dengan bertulis dan beralasan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Untuk saya memberi bilangan pada hari ini tak dapatlah Yang Berhormat, mungkin saya berbincang dengan pegawai-pegawai saya daripada Securities Commission nanti saya boleh berikan. Tetapi Yang Berhormat mesti sedar bahawa apabila Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membuat janji itu, pegawai-pegawai kita di Security Commission menjalankan kerjanya untuk menunaikan janji itu, kalau terlambat,

mesti ada masalah. Misalannya selain daripada saya kata evaluation tadi, butir-butiran dan juga kelulusan-kelulusan perlu didapati daripada pihak-pihak berkuasa yang lain seperti MITI, seperti FIC dan lain-lain lagi, inilah yang melambatkan proses itu. Tetapi apabila janji dibuat Yang Berhormat, pasti saya fikir pegawai-pegawai kita di dalam Security Commission akan menjalankan dan memenuhi kehendak ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa peranan yang dimainkan Security Commission adalah 'watchdog', siapa yang memainkan, who watch the watchdog? Itu yang penting, kerana masalahnya ialah kadangkala penganiayaan berlaku di mana garis panduan yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri tidak dipatuhi dan bukan sebab seperti yang dinyatakan oleh pegawai-pegawai tertentu tetapi ada sebab lain.

Jadi, di sini kalau Yang Berhormat Menteri boleh buat satu siasatan yang lebih mendalam, saya percaya ke atas kewibawaan Yang Berhormat Timbalan Menteri, di belakang mungkin ada sesuatu yang tersirat. Itulah saya harap Yang Berhormat boleh menjalankan siasatan supaya kita dapat memberikan gambaran bahawa pasaran modal kita adil dan saksama dan telus kepada orang luar supaya menggalakkan mereka melabur dalam pasaran modal kita. Sekian.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan tadi, the watchdog kepada watch-dog ialah Kementerian Kewangan. Sebab itu dalam semua akta ini diberi kuasa kepada menteri untuk, dengan izin, memberi alternatives lain kepada keputusan-keputusan yang

mungkin dibuat oleh Security Commission yang bercanggah misalnya dengan kehendak orang ramai, yang bercanggah tujuan-tujuan kerajaan dan lain-lain lagi. Jadi, itulah peruntukan-peruntukan kuasa menteri di sini.

Yang Berhormat minta saya menjalankan siasatan. Memang pihak kementerian selalu berhubung dengan Security Commission untuk memastikan apakah masalah yang berlaku. Misalnya, ada syarikat-syarikat yang menulis terus kepada saya menanyakan isu mengapa bonus mereka tidak diberi. Saya dengan sendiri telah berhubung dengan Pengerusi Security Commission dan jawapan-jawapan diberi terus kepada syarikat itu dan juga kepada Merchant Bank yang mengendalikan usaha mendapat bonus issue, dan lain right issue. Jadi, inilah check and balance yang kita lakukan. Bagi saya menafikan bahawa tidak ada masalah penyelewengan, tidak ada masalah rasuah, tidak ada masalah lain-lain, saya tidak akan nafikan tetapi dengan adanya sistem-sistem check and balance itu kita dapat mengurangkan. Saya tidak mahu unrealistic. Di mana sahaja ada rasuah. Soalnya, apakah kita dapat mengawalnya dan kita dapat meminimumkannya. Selagi manusia ini ada, akan ada segala keburukan. Sebab itu di dalam semua agama Tuhan menyatakan ada syurga, ada neraka. Siapa melanggar masuk neraka dan siapa tidak langgar masuk syurga. Yang Berhormat mungkin tidak percayalah. Yang Berhormat akan merayakan Christmas nanti....

Tuan Lim Guan Eng: Saya percaya tetapi saya hendakkan justice in this world.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat, manusia ini akan cuba mendapatkan justice in this world tetapi kadang-kadang tidak dapat justice. Yang Berhormat baca sejarah, mana ada justice yang boleh diselesaikan dalam dunia. Tidak ada. Misalnya, pembunuhan di

Bosnia, mana ada justice. Kalau hendak justice in this world, orang-orang Bosnia mesti pergi membunuh sama banyak orang-orang Serb yang membunuh mereka tetapi siapa yang akan lakukan itu?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan perbincangan falsafah oleh yang Berhormat Kota Melaka dengan Timbalan Menteri. Tetapi kadang-kadang orang ada mengatakan juga "justice is in the eye of the beholder", dengan izin. Justice yang ditakrif oleh Ahli Kota Melaka, oleh DAP kadang-kadang berbeza dengan apa yang kita anggap sebagai keadilan. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perkara ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya bersetuju dengan analogi itu, sepertimana yang dikatakan, "beauty also is in the eye of the beholder". Jikalau Ahli yang Berhormat dari kepong meminati wanita yang gemuk, pendek, saya meminati wanita yang slim dan rambut panjang dan tinggi. Berlainan. Pada Yang Berhormat yang cantik itu ialah yang gemuk dan pendek, pada saya yang cantik ialah yang tinggi dan slim. Itu yang dimaksudkan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya amat tertarik dengan falsafah Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang 'beauty', tetapi saya lebih tertarik dengan falsafah tentang keadilan dan di sini saya rasa tidak ada perbezaan. Yang kita hendak ialah,

mereka yang salah dihukum. Itu sahaja. Di sini tidak ada unsur-unsur politik. Hanya, kalau ada penyelewengan dalam garis panduan yang ditetapkan oleh pihak kementerian, ia harus diambil tindakan. Saya rasa, there is no question about itu dan saya harap Yang Berhormat Rompin jangan main politik atau jangan main mata keranjang di sini. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, justice juga adalah 'in the mind of the beholder'. Misalnya, kalau kita tanya Radowan Karazic dan jeneralnya yang membunuh orang itu, dia kata dia bunuh dengan justifikasi. Pada dia pembunuhan itu tidak berdosa. Dia kata dia mempertahankan haknya sebagai orang Serbia dan Bosnia. Jadi, inilah yang saya ambil analoginya, iaitu pada sebelah tidak ada justice dan pada sebelah ada justice.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan ketidakadilan pihak Security Commission dalam peralihan ke arah disclosure. Contoh-contoh telah pun diberikan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tidak semua tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti diumumkan kepada ramai. Macam saya katakan tadi, dalam menentukan sama ada tindakan berbentuk publik atau private reprimand ataupun celaan umum ataupun celaan secara private perlu dibuat, Security Commission menimbang pelbagai perkara. Antaranya, sama ada kesalahan itu berat ataupun tidak, sama ada satu public reprimand adalah wajar atau tidak dalam melindungi pelabur.

Dalam pindaan yang dicadangkan di bawah seksyen 11 dalam Akta ini, ianya memberi pelbagai kuasa kepada BSKL dan Security Commission untuk mengambil tindakan-tindakan yang berbeza, iaitu apakah ianya perlu diberikan celaan umum ataupun public reprimand ataupun celaan secara private. Ini dipertimbangkan berasaskan kepada dengan izin 'gravity of the offence.' Jadi,

kita pun mesti berlaku adil. Yang Berhormat meminta keadilan dan kita berlaku adil.

Tuan yang di-Pertua, mengenai dengan insider trading yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu niaga dalaman, apakah kemajuan siasatan niaga dalaman yang dijalankan dan yang Berhormat meminta.....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya belum jawab lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Mengenai SAMANDA.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sebelum yang tadi? Saya sudah sebutkan tadi seperti SAMANDA dan contoh-contoh yang Yang Berhormat beri seperti Granite dan lain-lain lagi. (*Disampuk*) Tidak, tidak, saya sudah jawab tadi.

Tadi saya jawab contoh, saya tidak sebutlah satu persatu apa yang Yang Berhormat bangkitkan.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah sebutkan satu persatu apakah tindakan yang diambil?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Oh! Yang itu tak tahulah, Yang Berhormat. Kita akan beri secara bertulislah. Yang saya katakan tadi secara umum. Jikalau kesalahan itu berat kita beri public reprimand dan kalau tidak berapa berat private reprimand.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya menghargai pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita mesti mengimbangi keperluan semasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri mengikut 'gravity of offence'. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kalau kita hendak memberikan keyakinan kepada orang ramai tentang pasaran modal kita adalah harus kalau sesuatu kesalahan berlaku, 'justice must not only be done but it must be seen to be done'?

Sungguhpun first limb telah dipenuhi tetapi the second limb belum dipenuhi. Ia tidak akan memberikan keyakinan kepada orang ramai. Oleh sebab itu kalau nyata atau ketara bahawa SAMANDA membuat kenyataan yang tidak berasas tentang peralihan MBF Capital dan kalau Magnum, Tambun Estate membuat pengumuman palsu tentang mendapatkan lesen perjudian di negara China, kalau Granite membuat kenyataan yang serupa yang palsu bahawa mendapat lesen perjudian Hay Long Chiang di negara China, apakah tindakan dan ia mestilah diumumkan supaya orang ramai yakin kerana mereka telah rugi wang apabila melabur dalam syarikat tersebut? Sekian.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, jikalau ianya tidak diumumkan, kalau kita hendak buat reprimand ada dua bidang, iaitu private dan public. Jadi, kemungkinan kalau tidak diumumkan, celaan secara private telah dibuat kepada syarikat-syarikat yang tertentu. Jadi, kalau setakat diumumkan mengatakan dia dapat lesen—"Hay Long Chiang," iaitu sebuah province di Negeri China. Mungkin dia dapat, tetapi selepas itu dia tidak dapat menjalankannya, mungkin disebabkan penukaran polisi.

Saya tahu ada satu syarikat di negara kita yang telah menyiapsediakan RM400 juta untuk dilabur di China. Tetapi apabila dia pergi ke sana, dia diselution dengan cara-cara socialist, tidak menghormati kontrak, dia tarik balik. Jadi, apabila dia tarik balik, apakah salahnya kalau dia tarik balik pelaburan yang dijanjikannya, tetapi apabila dia pergi

ke China, perkara-perkara yang diharapkannya tidak wujud. Jadi, kalau dia telah membuat satu perisytiharan umum dan sahamnya naik, apakah kita hendak marah padanya secara umum? Jadi masalahnya, Yang Berhormat.

Saya tidak dapat memberi satu persatu tindakan yang diambil. Tetapi apa yang saya beri ialah prinsipnya. Kalau dia umumkan, katalah satu syarikat umumkan dia mendapat concession balak di Myanmar. Selepas itu dia pergi ke sana, dia dapat dengan secara umum daripada kerajaan. Selepas dia pergi ke sana, didapatinya masalah. Dia hendak tebang balak tak boleh sebab banyak sangat peluru di dalam batang-batang pokok itu. Jadi, dia terpaksa balik. Apakah salah dia buat pengumuman yang awal, bukan sengaja. Masalahnya ialah niatnya, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kalau dia berniat untuk membuat pengumuman untuk menolak nilai sahamnya tinggi, maka itu kita akan ambil tindakan. Tetapi kalau dia berniat baik, tetapi selepas dia menjalankan usahanya, ada kekangan-kekangan, maka kita buat 'just hand slap' pun jadilah.

Jadi, kalau Yang Berhormat hendak mendedahkan syarikat itu kepada umum di atas perkara yang dia tidak sengaja, maka itu adalah berbalik kepada apa yang kita bincang tadi, konsep keadilan. Saya setuju dengan Yang Berhormat mengenai dengan konsep keadilan, 'it must not only be done, it must also be seen to be done.' Saya setuju, tetapi di dalam melaksanakannya, Yang Berhormat, cukup kita tahu masalah-masalahnya bagaimana hendak menjalankannya.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai insider trading, iaitu niaga dalaman. Yang Berhormat bertanya apakah kemajuan siasatan niaga dalaman yang dijalankan? Yang Berhormat meminta supaya laporan dibuat secara awam, di manakah komitmen Suruhanjaya Sekuriti untuk menyiasat kelakuan yang salah dari segi undang-undang? Jadi,

saya hendak jawab, kita telah pream tadi. Jabatan Penguasaan Pasaran di Security Commission mempunyai program pengawalan yang aktif, tetapi ia tidak diberi kebenaran mengumumkan laporan tersebut, hanya apabila masanya sesuai untuk berbuat demikian. Ia boleh memudaratkan pihak-pihak tertentu jika keputusan tersebut diterbitkan kerana ini boleh menjejaskan keyakinan pelabur.

Yang Berhormat, kalau kita buat secara hentam keromo, mungkin pihak pelabur akan kurang dalam keyakinan mereka. Dalam masa yang sama adalah terkenal di seluruh dunia bahawa pendakwaan kesalahan urus niaga dalaman adalah amat rumit oleh kerana pembuktian kedudukan yang tinggi dan elemen yang mesti wujud yang diperlukan di bawah undang-undang cukup susah hendak dipastikan. Pihak Suruhanjaya Sekuriti tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah yang dikenakan di bawah undang-undang jika perkara itu adalah perkara tulen dan perkara yang dibuktikan tanpa waswas.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta supaya remedy Tabung Kesetiaan dibenarkan untuk di'back-dated'kan untuk membolehkan mereka yang mengalami kerugian sebelum pindaan ini digantirugikan. Ingin saya menyatakan di sini, Fasal 87, Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa tuntutan yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa Rang Undang-undang ini hendaklah dianggap sebagai telah dibuat terhadap dana pampasan ini yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang, iaitu di dalam Bahagian VIII. Oleh itu, tuntutan yang telah dibuat tetapi tidak diproses akan diadili di bawah dana pampasan yang baru.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, selain dari yang di atas, ianya adalah tidak constitutional untuk mem-'backdated'kan, dengan izin, kes pindaan ini kepada tuntutan yang tidak dibuat terhadap Tabung Kesetiaan dahulu atau

membenarkan tuntutan dibuat semula walaupun tuntutan tersebut telah ditolak sebelum ini.

Selain daripada itu, di dalam pindaan Rang Undang-undang ini diperbaiki prosedur-prosedur untuk pelabur-pelabur membuat tuntutan, iaitu banyak prosedur yang telah diliberalisekan. Malah sumbangan-sumbangan daripada syarikat-syarikat sekuriti kepada tabung ini dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM10,000.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah menimbulkan masalah Tabung Kesetiaan pada tiga tahun yang lepas. Yang Berhormat sendiri pernah menjawab perkara ini kepada saya pada masa itu, dan mempertahankan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Tabung Kesetiaan yang kini dianggap sebagai lapuk adalah sesuai pada masa itu. Tetapi yang penting di sini, seperti kita berbalik lagi kepada konsep keadilan. Apa yang berlaku ialah pelabur-pelabur yang tertipu, 'suffer defalcation'. dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh kerana peruntukan yang terlalu ketat, yang terlalu memihak kepada syarikat-syarikat bursa saham, menyebabkan pelabur-pelabur kecil tidak ada peluang langsung membuat sebarang permohonan. Sebagai contoh, di KLSE, kalau kita tengok Tabung Kesetiaan, Bursa Saham Kuala Lumpur, sehingga kini mungkin telah mencapai agak-agak RM6 juta. Tetapi tidak ada satu tuntutan pun yang berjaya. Sungguhpun ia telah didirikan lebih daripada 20 tahun, tetapi tidak ada tuntutan yang berjaya. Apa gunanya kalau kita dirikan satu Tabung Kesetiaan yang tidak boleh digunakan langsung, yang tidak boleh memberikan ganti rugi pampasan langsung. Oleh sebab itu, saya rasa kelonggaran yang dibuat 'is long overdue', dengan izin. Tetapi yang saya hendak ialah kalau boleh carilah ruangan, carilah peruntukan di mana kita boleh berikan keadilan kepada mereka yang tertipu, bukan 20 tahun yang lepas, tetapi beberapa tahun yang lepas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Soal terus, Yang Berhormat, jangan buat ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu tentang masalah mereka yang tertipu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selepas jawapan saya ini, saya harap Yang Berhormat dapat senyum. Sebenarnya di dalam pindaan Rang Undang-undang ini, telah kita menyusun semula struktur tabung, ataupun 'Fidelilty Fund' atau Tabung Kesetiaan ini. Misalannya, kita telah menyenangkan prosedur-prosedur penuntutan, dan penyusunan semula ini dibahagikan kepada tiga bidang, iaitu definisi "defalcation" itu sendiri, kita menerima dan membesarkan definisi defalcation itu sendiri. Yang kedua, kita memasuki seperti soal-soal 'fraudulent practice', dengan izin, ataupun 'misused of power' dan juga yang ketiga memasukkan satu kategori, dengan izin 'insolvency of the stock.'

Jadi, kita tahu pihak kerajaan dan Security Commission tahu bahawa yang ada RM6 juta dahulu siapa pun tak tuntutan, sebab susah hendak tuntutan. Sebab itu, kita 'restructure' ini, dan 'arbitration'nya dibuat oleh pihak SC sendiri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, BSKL akan memperuntukkan RM10 juta kepada tabung ini. Dan tiap-tiap syarikat ahli akan memberi 'contribution', dengan izin, dikehendaki sebanyak RM10,000 dan diperbesarkan tabung ini, dipermudahkan proses tuntutan dan dipermudahkan aspek legal ataupun aspek undang-undang di dalam usaha ini. Jadi, dengan ini kita harap dengan adanya Tabung Kesetiaan ini, kepercayaan terhadap KLSE akan bertambah di kalangan pelabur, termasuk pelabur-pelabur kecil yang menjadi mangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat saya beri, pada secara menyeluruh, tetapi jikalau Ahli-Ahli Yang Berhormat.....

Tuan Fu Ah Kiow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Mentakab bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Minta sedikit penjelasan. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai cadangan saya iaitu penubuhan satu badan profesionalisme untuk wakil peniaga di bawah satu Akta khas.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Association of Stock Brokers telah pun wujud dan terletak kepada mereka untuk memastikan satu association yang kuat, yang berwibawa kerana inisiatif ataupun daya utama mestilah diambil oleh association, bukan oleh kerajaan untuk memastikan mereka menjadi satu badan profesionalisme yang berwibawa seperti badan-badan profesional yang lain-engineers, architect dan lain-lain. Jadi, oleh sebab mungkin association ini mungkin dalam peringkat infancy, berilah masa untuk mereka mengadakan usaha-usaha, meningkatkan kredibiliti dan kekuatan mereka dan juga kebolehan mereka membuat ataupun, dengan izin, to articulate their interest. Itu telah pun wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya akhiri jawapan saya kepada isu-isu dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh 5 orang sahabat saya tadi dan saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada mereka. Kalau ada lagi perkara yang tidak dapat saya jawab hari ini, bolehlah kita bincang di lain masa kalau ada angka-angka yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat, boleh kita beri secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan

masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 88

5.04 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 9(c) di mana Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk mengarahkan sesuatu Bursa Saham supaya ditutup selama tempoh tidak melebihi 5 hari urusan, jika Menteri berpendapat bahawa sesuatu pasaran yang teratur dan saksama bagi perdagangan dalam sekuriti di pasaran itu sedang atau mungkin akan terhalang kerana:

- (a) darurat atau malapetaka alam telah berlaku di Malaysia; atau
- (b) wujud krisis ekonomi atau kewangan atau apa-apa hal keadaannya di Malaysia atau di tempat lain.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mendapat maklumat yang lebih daripada Tuan Pengerusi. Apakah keadaan, kalau di Malaysia mungkin kita boleh gambarkan, tetapi kalau di negara-negara lain, macam krisis bentuk apa, di mana Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk menutup apa-apa pasaran besar saham sama ada komoditi exchange, niaga hadapan dan lain-lain dan juga

selepas itu, kalau lebih daripada 5 hari dia boleh berbuat demikian, tetapi mesti memberikan sebab.

Di sini, kalau kita hendak memastikan kuasa yang begitu besar kepada seorang Menteri, kita harus tahu had kuasa yang kita berikan kepadanya. Ini adalah kerana, kalau sesuatu Bursa Saham ditutup begitu sahaja, kesannya adalah sangat besar dan itu adalah suatu kuasa yang mesti berhati-hati dan berwaspada apabila digunakan. Dengan itu, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan yang lebih terperinci tentang apakah keadaan yang dimaksudkan oleh beliau.

Adakah satu persatu atau sekali gus tentang fasal-fasal lain. Adakah saya perlu duduk untuk Yang Berhormat Timbalan menteri memberi jawapan?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada lagi Yang Berhormat yang hendak dibangkitkan?

Tuan Lim Guan Eng: Ada lagi. Bolehkan saya benarkan Yang Berhormat Menteri menjawab yang tadi dahulu?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kebenaran mesti diberikan oleh Tuan Pengerusi, bukannya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, kita tidak menyebut satu persatu mengenai dengan keadaan-keadaan yang boleh Menteri menggunakan kuasanya di dalam Fasal 9(c), tetapi kita akan membuat keputusan mengikut keadaan yang tertentu, misalnya, dahulu di masa berlaku keruntuhan pasaran saham, boleh dikatakan di seluruh dunia, seperti yang berlaku di New York Stock Exchange dahulu, kita tidak tutup. Jika sesuatu perkara berlaku di luar negara kita yang tidak dapat kita kawal dan akan menjejaskan perjalanan ataupun pasaran saham kita, pada masa itu pihak

menteri akan menimbangkan apakah kesan akibat buruk dan berasaskan pada pertimbangan itu, kita akan menggantungkan mengikut apa yang dikatakan di dalam akta ini.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan. Penjelasan. Tuan Pengerusi, kalau tentang keadaan lain di luar Malaysia seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sungguhpun New York Stock Exchange menghadapi black Tuesday, pada tahun 1986, tetapi BSKL tidak ditutup. Tetapi, apakah gempa bumi di Kobe merupakan satu contoh? Can you give an example-corresponding example, dengan izin.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Gempa bumi di Kobe kita tidak tutup. Itu menunjukkan bahawa ianya perkara yang sebegitu tidak memberi kesan yang negatif kepada pasaran saham kita. Jikalau berlaku, misalnya, the failure of a currency, seluruh dunia, mungkin kita tutup. Tetapi dalam keadaan itu, we cross the river when we come to the bridge – ini keadaannya. Kita tidak boleh mengatakan kalau berlaku di Kobe kita tutup, kalau berlaku macam ini di Amerika kita tutup, itu bukan satu kriteria ataupun satu neraca yang boleh di tetapkan di sini. Kita akan menimbang pada masa itu, apakah perlu ditutup ataupun tidak. Saya bercakap di sini, perlu digantung ataupun tidak.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, di sini saya masih tidak berapa jelas kerana kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh memberikan satu contoh, kalau di Malaysia kita tahu keadaannya, dimana Bursa Saham mungkin perlu ditutup, tetapi kalau di luar negara, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan satu contoh di mana memerlukan BSKL ditutup? Kerana kejadian gempa bumi di Kobe tidak payah, New York Stock Exchange menghadapi masalah penurunan yang besar – tidak payah, jadi, gegaran yang macam mana?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya sudah jawab tadi, jikalau misalnya the failure of world currency.

Tuan Lim Guan Eng: Failure of world currency?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya. Seperti yang saya jawab tadi, kalau keseluruhan sistem currency dunia jatuh, itu mungkin kita tutup. Tetapi tengoklah keadaannya dahulu. Yang Berhormat minta specific condition, dengan izin, itu tidak dapat kita beri. Kita menimbangkan apakah itu berlaku dan apakah kesan-kesannya ke atas kita. Sebab itu kita tidak beri. Bila saya bercakap Yang Berhormat duduklah dahulu.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*) Duduklah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, Yang Berhormat hendak meminta satu skema yang rigid, maka itu tidak mungkin kerana keadaan ini mengikut keadaan pada masa itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Rompin tidak minat tetapi saya harap jangan kacaulah. Itu permintaan saya sahaja. Jangan kacau kalau tidak berminat. Boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada apa yang hendak dibangkitkan.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang saya hendak rujuk kepada Fasal lain. Boleh? Kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat berikan satu....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Satu gambaran kerana yang kita.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, nanti hendak rujuk pada Fasal 19. Oleh sebab itu, saya rasa adalah perlu kita berhati-hati dengan kuasa yang begitu besar diberikan.

Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 19 iaitu tentang pemberian atau pembaharuan lesen. Di sini saya hendak bertanya, adakah cawangan-cawangan akan dibenarkan didirikan oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada syarikat-syarikat saham kerana sudah masanya saya rasa ia tidak hanya tertumpu di bandar-bandar besar sahaja di negara kita. Kalau di tempat-tempat yang lebih kecil macam di negeri Melaka, sebagai contoh, bukan sahaja di Bandar Raya Melaka tetapi di Pulau Sebang dengan Tampin atau di Masjid Tanah, cawangan pun harus dibenarkan didirikan untuk berniaga dalam saham di BSKL.

Kalau bank-bank dan syarikat kewangan juga dibenarkan mendirikan cawangan-cawangan, saya tidak nampak mengapa pada masa ini, pihak kementerian masih enggan membenarkan cawangan-cawangan oleh syarikat-syarikat sekuriti ini mendirikan cawangan-cawangan di tempat-tempat yang lebih kecil dan ini akan mengatasi masalah ejen-ejen saham, syarikat-syarikat tersebut yang haram. Ada banyak ejen saham.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu. Di setiap bandar yang kecil ada ejen haram dan kalau cawangan dibenarkan, ini akan mengatasi masalah ini di mana kalau ejen haram ini menghadapi masalah, habis, bankrap, semua yang melabur atau membeli menerusi ejen haram ini akan menghadapi kerugian yang amat besar. Sekian.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, permintaan untuk mendirikan cawangan akan ditimbangkan

oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti berasaskan kepada permintaan yang mempunyai critical mass. Kalau kita hanya ada permintaan pada hal kita hendak membenarkan penubuhan satu cawangan yang hanya akan digunakan oleh beberapa kerat orang sahaja, maka ianya tidak justify, dengan izin.

Kita tidak boleh bandingkan dengan bank-bank, Tuan Pengerusi, kerana bank-bank pun sebelum ia mendirikan cawangan, ia akan memastikan apakah pulangan daripada cawangan itu selepas empat bulan yang pertama. Jadi, di sini cawangan-cawangan pelaburan saham akan diberi kelulusan pada syarikat-syarikat securities untuk mendirikannya apabila ada the quantum ataupun critical mass yang boleh justify, dengan izin.

Misalannya, Tuan Pengerusi, Alor Setar Securities telah diberi cawangannya di Sungai Petani iaitu satu bandar yang besar baru-baru ini dan mempunyai apa yang saya katakan tadi, critical mass. Dahulu tidak diberi oleh sebab orang Sungai Petani boleh pergi melabur di Seberang Perai dan boleh datang melabur ke Alor Setar. Tetapi sekarang telah wujud critical mass of investors. Maka diwujudkan satu cawangan ataupun mungkin satu hari nanti diberi satu lesen yang baru.

Jadi, inilah guideline ataupun prinsip yang digunakan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada masa ini di dalam hal pemberian kelulusan untuk mendirikan cawangan-cawangan.

Fasal 1 hingga 88 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERINDUSTRIAN SEKURITI
(DEPOSITORI PUSAT)
(PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminta Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 adalah merupakan akta yang mentadbirkan hal ehwal penubuhan dan pengawalseliaan depositori pusat serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti pendepositan, pemegangan dan pengesahan sekuriti serta urusniaga sekuriti yang telah didepositkan.

Akta ini juga mengandungi peruntukan yang mengenakan tugas dan obligasi khusus ke atas semua pihak yang berkongsi adalah berkaitan dengan peranan depositori pusat termasuk ejen depositori yang diberi kuasa. Pengwujudan persekitaran pasaran modal tanpa skrip merupakan salah satu langkah penting dalam usaha memantap dan memantangkan lagi pasaran modal negara.

Dengan demikian, peranan fungsi depositori pusat perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan pasaran modal tanpa skrip dapat berjalan dengan cekap dan sempurna. Dalam usaha memperkemas dan mempertingkatkan lagi fungsi depositori pusat, beberapa pindaan adalah perlu dibuat ke atas Akta

Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 khususnya bagi memperkemas dan mengukuhkan lagi aspek pentadbiran dan pengawalseliaannya.

Pada amnya, pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ini adalah berbangkit daripada pindaan kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan ini. Pindaan itu antara lain memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti adalah bertanggungjawab untuk maju dan menggalakkan perilaku yang baik di kalangan anggota bursa, pusat penjelasan depositori pusat dan semua orang yang diberikan lesen.

Tanggungjawab yang dipikul oleh Suruhanjaya Sekuriti tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan cekap tanpa ianya dijadikan badan pengawal selia utama bagi depository pusat. Dengan demikian, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang itu pada amnya bertujuan menjadikan Suruhanjaya Sekuriti sebagai pengawal selia utama bagi depository pusat selaras dengan tanggungjawab yang dikenakan ke atasnya oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada meletakkan tanggungjawab pengawalselia depository pusat ke atas Pendaftar Syarikat kerana pada masa Akta itu diwujudkan, Suruhanjaya Sekuriti belum lagi ditubuhkan. Bagaimanapun, dengan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti pada 1 Mac, 1993, maka sudah tiba masanya bagi tanggungjawab itu diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti selaras dengan peranan dan fungsinya sebagai badan yang mentadbir dan mengawal selia industri sekuriti.

Selain daripada pindaan untuk menjadikan Suruhanjaya Sekuriti sebagai pengawal selia utama depository pusat, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu juga bertujuan untuk memperkemas

lagi aspek-aspek pentadbiran bagi depositori pusat. Ini adalah untuk memastikan bahawa urusan pentadbirannya dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan kemas serta memastikan kepentingan pihak-pihak yang berkenaan adalah lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara utama yang dipinda melalui Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 2 Akta ini bertujuan untuk meminda dan memasukkan beberapa takrif dalam Akta itu supaya ianya lebih jelas dan tepat. Fasal 2 Akta ini juga bertujuan untuk menggantikan perkataan-perkataan 'Pendaftar' kepada perkataan-perkataan 'Suruhanjaya Sekuriti' bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengambil alih peranan dan tanggungjawab mengawal selia depositori pusat daripada Pendaftar Syarikat.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 Akta Ibu dengan tujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan orang-orang atau golongan tertentu yang terlibat dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan depositori daripada keperluan mendapatkan kelulusan Menteri untuk menubuhkan sebuah depositori pusat.

Ini adalah untuk memberi kelonggaran kepada pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan depositori untuk terus menyediakan kemudahan itu tanpa perlu menubuhkan sebuah depositori pusat.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 7 Akta Ibu dengan tujuan memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk menguruskan pindaan kepada peraturan-peraturan depositori pusat. Kuasa ini adalah selaras dengan kuasa suruhanjaya ke atas peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Bursa Saham dan Bursa Niaga Hadapan kerana mengikut Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993,

Suruhanjaya Sekuriti mempunyai kuasa meluluskan peraturan bagi kedua-dua bursa tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelicinan operasi depositori pusat tidak akan terjejas dengan peruntukan ini, Suruhanjaya Sekuriti boleh mengisytiharkan mana-mana kelas peraturan depositori pusat sebagai satu kelas peraturan yang pindaannya tidak perlukan kelulusan suruhanjaya.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 35 Akta Ibu untuk memberi perlindungan kepada syarikat broker saham yang dikehendaki menjelaskan pembayaran bagi sekuriti yang dibeli, tetapi belum mendapat bayaran daripada pelanggan. Peruntukan undang-undang yang sedia ada secara automatik memberikan segala hak dan faedah ke atas mana-mana sekuriti kepada pembeli, sama ada bayarannya telah ataupun belum diselesaikan oleh pembelinya dan syarikat broker saham yang telah mendahulukan pembayaran bagi pihak pembeli tidak mempunyai sebarang hak di sisi undang-undang ke atas sekuriti tersebut.

Fasal 30 bertujuan meminda seksyen 29 Akta Ibu untuk memperjelaskan mengenai jenis-jenis rekod yang perlu disimpan oleh depositori pusat dan agennya mereka.

Fasal 31 bertujuan meminda seksyen 60 Akta Ibu untuk menjelaskan mengenai peraturan-peraturan mengkompaun dan pendakwaan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu.

Fasal 22, 24, 26, 27 dan 29 bertujuan meminda seksyen 51, 53, 55, 56 dan 58 Akta Ibu bagi menyelaraskan penalti yang diperuntukkan di bawah Akta Ibu agar sama dengan penalti yang dikenakan ke atas kesalahan yang serupa di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan menyebabkan perpindahan kuasa pengawalseliaan berkaitan dengan depositori pusat daripada Pendaftar Syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti. Beberapa tugas dan kuasa Menteri di bawah akta itu yang boleh dikategorikan sebagai tugas-tugas dan kuasa-kuasa pentadbiran adalah juga dipindahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti atau kepada depositori pusat.

Bagaimanapun, kuasa-kuasa yang melibatkan perkara-perkara dasar masih berada dengan Menteri, umpamanya kuasa untuk meluluskan depositori pusat dan kuasa untuk melantik badan penasihat kepada depositori pusat di bawah seksyen 6, Akta Ibu.

Pindaan-pindaan yang melibatkan pemindahan kuasa mengawalselia depositori pusat daripada Pendaftar Syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti adalah wajar dan selaras dengan matlamat penubuhan Suruhanjaya Sekuriti sebagai badan yang mentadbir dan mengawal selia industri sekuriti.

Kementerian Kewangan yakin bahawa selepas hampir 3 tahun perubahannya, Suruhanjaya Sekuriti ini bersedia dan mampu untuk memikul tanggungjawab tersebut dengan sempurna.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan itu juga akan membolehkan depositori pusat berjalan dengan lebih baik dan pengawalseliaan ke atasnya akan dapat dibuat dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seorang menyokong.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh

Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersimpangan atau berkaitan dengannya sekarang terbuka untuk dibahas. Labuan. Perbahasan 15 minit seorang.

5.26 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan ini bagi menyokong pindaan keatas Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991 yang bertujuan memindahkan beberapa kuasa, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kuasa pengawalseliaan depositori pusat daripada Pendaftar Syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti dan ini merupakan satu lagi langkah dan usaha untuk menambahkan satu lagi fungsi penting pengawalseliaan depositori pusat dan agen-agensinya kepada Suruhanjaya Sekuriti dan menjadikan segala urusan pengawalseliaan industri sekuriti ini diletakkan di bawah satu bumbung, iaitu di bawah Suruhanjaya Sekuriti dan ini amat bertepatan sekali dan menyenangkan segala urusan dapat dibuat oleh satu agensi sahaja. Ianya juga bertujuan untuk mewujudkan perniagaan modal tanpa modal atau scriptless trading di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan industri sekuriti di negara ini begitu pesat sekali dan di samping itu, ianya sudah tentu ditangani dengan adanya sistem pengawalseliaan atau surveillance system yang telah dipertingkatkan oleh agensi-agensis yang bertanggungjawab terhadap industri ini dan beberapa pembaharuan baru dalam industri di mana kini

dibenarkan perniagaan hot lots dalam bentuk yang lebih kecil dan ini membolehkan seluruh lapisan pelabur-pelabur di negara kita ini mengambil bahagian dan memberikan peluang kepada pelabur-pelabur kecil untuk membuat pelaburan di dalam industri sekuriti di negara kita ini.

Kini, sudah didapati beberapa buah stock yang telah disenaraikan diniagakan dalam bentuk hot lot ini dan saya percaya dan yakin bahawa perniagaan modal tanpa skrip ini atau perniagaan scriptless trading ini akan dapat menghapuskan beberapa aktiviti yang tidak sihat yang berlaku di dalam industri-industri sekuriti di negara kita ini, khususnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai short selling dan lain-lain dan kita mengharapkan ini tidak akan berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Kita juga menyokong saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya semua saham yang disenaraikan di papan utama memasuki CDS berakhir pada tahun hadapan dan ini sudah tentu memerlukan pelbagai komitmen daripada semua pihak.

Saya menyanjung tinggi terhadap usaha yang dilakukan oleh MCD yang telah pun bekerja kuat untuk melicinkan peralihan yang berlaku ini. Walaupun sedemikian, usaha ataupun saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita ini suatu langkah untuk meliberalisasikan industri ini dengan memastikan semua saham-saham ini dimasukkan ke dalam CDS, namun bagi saya, seperti saya nyatakan dalam perbincangan sebentar tadi saya mengatakan ini merupakan salah satu kejutan.

Yang pertama kita lihat kelemahan yang berlaku dalam industri ini di mana segala urusan pembiayaan atau funding ataupun share financing di negara ini yang dibuat oleh institusi kewangan saya rasa belum menyediakan infrastruktur mencukupi dan ini menjadi kejutan

kepada industri-industri sekuriti di negara ini bila kita melihat pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, penurunan beberapa mata kadar atau indeks komposit di BSKL menurun selepas itu dan ini sedikit sebanyak memberikan kesan yang negatif dalam industri ini dan saya mengharap pada masa yang akan datang, kalau boleh sebelum membuat pengumuman sedemikian, kalau boleh berundinglah dengan pihak-pihak yang tertentu dan menyediakan satu infrastruktur yang mencukupi supaya ianya tidak akan merenjatkan sistem perniagaan di dalam industri ini.

Kita juga melihat dengan pengwujudan liberalisasi ini secara jelas, misalnya pengenaan ataupun penurunan tentang bayaran brokerage ini jelas tidak memperlihatkan ianya menyokong terhadap pertumbuhan perniagaan industri sekuriti di negara ini dan malah penurunan brokerage ini juga sedikit sebanyak menghanyutkan atau melenyapkan sebilangan besar atau sebilangan kecil remisiers daripada syarikat-syarikat broker saham di negara kita ini yang tidak mampu bersaing dan atau tidak efisien dalam urusan ini, jadi saya melihat ini adalah antara-antara perkara atau set back yang berlaku di dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kelemahan CDS yang saya lihat yang kini perlu diatasi oleh MCD ialah kita sering menerima komplek daripada remisiers bahawa mereka tidak mempunyai information atau informasi yang mencukupi untuk execute atau melakukan perniagaan terhadap individu-individu tertentu. Ini saya rasa perlu ditegaskan dan perlu diterangkan secara jelas walaupun kita berhadapan dengan satu undang-undang iaitu Security Act, tetapi saya rasa dalam soal menentukan atau mengenal pasti seseorang client itu, ianya amat penting kepada seseorang wakil peniaga ataupun remisier untuk mengetahuinya supaya perkara-perkara yang tidak diingini mungkin berlaku pada

masa hadapan sekiranya informasi ini atau data-data pelabur ini tidak kita ketahui, maklum sahaja sistem komputer yang ada ini macam-macam boleh kita buat. Jadi, saya harapkan perkara ini dapat diselesaikan, dilunaskan secepat mungkin supaya ini tidak akan merenjatkan perniagaan ataupun industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini perniagaan di Bursa Saham Kuala Lumpur akan menjadi seratus peratus scriptless dan dengan ini juga pasaran di bursa saham diharapkan dapat menjalankan urusan perniagaannya dengan lebih efisien dan berintegriti. Walaupun pada hakikatnya terhadap 90% daripada syarikat yang disenaraikan di KLOFFE atau Central Limit Order Booking Limited adalah syarikat didaftarkan di Malaysia, sebagai contoh urusan syarikat-syarikat ini adalah 60 hingga 70% daripada jumlah urusan di Singapura Exchange pada tahun 1993, saya yakin tujuan kerajaan untuk mengurusniaga di dalam bursa saham ini secara tanpa script ini bukanlah bertujuan untuk menghancurkan KLOFFE kerana KLOFFE bagi pendapat saya tidak seharusnya bergantung kepada saham syarikat yang disenaraikan di Malaysia sahaja tetapi syarikat yang disenaraikan di bursa saham di Asia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga membolehkan pasaran kita tidak sangat bergantung atau kebergantungannya kepada pelabur asing sememangnya kita tidak dapat menafikan bahawa pelabur asing banyak membantu pertumbuhan industri kita tetapi apabila kita mengurusniaga melalui CDS, ini akan memudahkan pendaftaran automatik, pembahagian dividen, pembahagian bonus akan dapat dikendalikan secara automatik oleh pihak CDS. Bererti pelabur tidak perlu membuat permohonan pendaftaran skrip yang mereka pegang untuk mendapatkan dividen ataupun bonus yang diperuntukkan kepada mereka.

Kebelakangan ini kita terdengar banyak spekulasi di pasaran saham, baru-baru ini terdapat pula sijil-sijil saham palsu yang sukar dikenal pasti melalui proses biasa ini dan dengan pelaksanaan CDS secara total ini, masalah sebegini dapat dikurangkan dan mungkin dapat dihindarkan langsung kerana setiap sijil yang dimasukkan ke pusat depository akan terlebih dahulu dipastikan kesahihannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan ini banyak memberikan kebaikan tetapi masih terdapat juga beberapa masalah mengenainya, antaranya ialah prescript period, di mana pelabur ingin mengurusniaga dikehendaki memasukkan sijil mereka ke pusat depository dalam jangka masa yang telah ditentukan memandangkan tempoh untuk membolehkan pelabur menjual semula saham mereka setelah memasukkan sijil mereka ke dalam CDS, kadangkala mengambil masa sehingga 7 hari dan ini menyebabkan sesetengah pelabur dikenakan buy-in dan kerana sijil mereka belum terdapat dalam sistem DMCE dan ini didapati tidak adil dan saya berpendapat ini juga tidak adil kepada pelabur di mana kelemahan MCD, pelabur dikenakan atau menanggung segala risiko atau kerugiannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu masyarakat perlu diberikan pendedahan. Masyarakat juga perlu membuat perubahan dan untuk membuat perubahan ini pelabur mengambil masa untuk berubah, contohnya jumlah urusan di bursa saham menurun kerana masih ramai yang kurang arif dalam CDS ini dan pelabur takut untuk mengurusniaga kerana tidak cukup pendedahan dan pengetahuan mengenai apakah akibatnya, apakah kebaikan dan juga keburukan sekiranya ada pada pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur juga mahukan kepastian yang sijil-sijil yang mereka depositkan ke dalam pusat mendapat jaminan dan oleh kerana sistem

ini bergantung kepada sistem komputer, ianya membuka ruang untuk dicerobohi atau tidak ada guarantee ianya tidak akan dicerobohi. Bukan kita meragui tentang teknologi komputer di Malaysia ini tetapi tidak kira sejauh mana tahap sekuriti features, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ianya telah pada masa lalu telah dicerobohi, contohnya ianya telah dilakukan di negara yang telah maju dan kes ini juga pernah berlaku di negara ini, di negara kita sendiri di mana penceroboh pernah berlaku ke dalam sistem komputer di beberapa bank di negara ini melalui pemindahan wang melalui akaun secara berkomputer.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung. Dan untuk melindungi syarikat broker ini misalnya kalau di Singapura dan di Australia ianya mendapat perlindungan insurans dan bank.

Jadi, persoalan yang saya ingin tahu ialah apakah ada jaminan perkara sebegini tidak akan berlaku dan sekiranya perkara ini berlaku apakah MCD mempunyai perlindungan yang mencukupi terhadap kehilangan atau kerugian yang bakal dan mungkin terjadi kepada akaun-akaun pelanggan khususnya kepada syarikat broker. Saya difahamkan bahawa MCD hanya diberikan perlindungan insurans dan tidak mempunyai jaminan daripada mana-mana bank dan juga saya ingin meminta penjelasan berapakah jumlah perlindungan insurans tersebut dan saya ingin mencadangkan supaya MCD selain daripada mempunyai perlindungan insurans juga sepatutnya memperolehi jaminan daripada mana-mana bank.

Dengan berbuat demikian, saya percaya ianya akan memberikan keyakinan yang lebih daripada kalangan pelabur. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta kemukakan Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995 yang tertera sebagai butiran No. 4 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini atau sehingga jam 12.00 malam mengikut mana yang terdahulu dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputus, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan

sehingga telah selesai perbahasan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995 yang tertera sebagai butiran No. 4 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini atau sehingga jam 12.00 malam mengikut mana yang terdahulu dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Perbahasan Disambung Semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perbahasan, Kepong.

5.42 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang adalah merupakan satu kaedah baru untuk mengemaskinikan Bursa Saham Kuala Lumpur dan saya dapat di sini beberapa fasal sahaja, saya tidak begitu faham mengenai CDS ini.

Suka saya menanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapa syarikat sekarang telah diserapkan ke dalam CDS dan yang kedua, bilakah CDS akan dilaksanakan dengan sepenuhnya sebab di dalam ucapan tadi, tak disebutkan bilakah scriptless trading ini kita akan melaksanakan sepenuhnya.

Sekurang-kurangnya saya berharap dengan melaksanakan sistem ini dengan pasaran modal tanpa skrip ini kita tidak akan menyaksikan kehilangan skrip yang sering berlaku sebelum ini. Kalau ini boleh dilakukan maka ia merupakan satu kebaikan, satu kemajuan untuk memperlihatkan BSKL menjadi satu bursa saham yang terkemuka di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita terpaksa menguruskan satu volume bilion unit, maka sistem lama boleh digunakan lagi tetapi kalau volume itu bertambah kepada dua bilion, tiga bilion memang susah, tanpa menggunakan sistem CDS dan tanpa skrip.

Walau bagaimanapun, saya nampak ada pelabur-pelabur di luar negara termasuk di Singapura yang mempunyai kesangsian mengenai pelaksanaan CDS ini. Kalau itulah yang timbul, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing yang kurang senang hati mengenai perubahan baru ini.

Sepertimana yang disebutkan oleh Labuan yang memang buat homeworknya, Labuan tidak ada ya? Sekarang mengenai stok Malaysia ini, memang diniaga melalui Central Limit Order Booking (CLOB) international, tetapi dengan adanya CDS maka semua perniagaan saham-saham Malaysia hendaklah dibuat melalui BSKL. Dengan perubahan ini, memang menimbulkan beberapa masalah dan pihak kementerian mesti mengambil tindakan supaya masalah-masalah yang timbul kerana perubahan ini dapat diselesaikan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem CDS ini misalnya pada tahun hadapan apakah volume yang dianggarkan oleh pihak kementerian, yang dikendalikan melalui sistem CDS ini dan apabila sistem ini dilaksanakan dengan sepenuhnya mungkin pada akhir tahun hadapan dan semua exchange melalui CLOB sekarang ini akan berhenti dan memang pihak kementerian akan memastikan semua sistem yang ada sekarang dan sistem yang baru boleh dijalankan dengan lebih baik kerana kita gantikan yang lebih baik untuk mengendalikan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa pada masa sekarang ada lebih 633,000 CDS account holders dan apabila

CDS ini dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun hadapan, apakah bilangan account holders ini yang dianggarkan oleh pihak kementerian ini. Dan saya dapati beberapa fasal di dalamnya yang saya kurang faham, pertamanya, mengenai muka surat 20 Fasal 3, dia kata: "Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 dengan melarang mana-mana orang daripada mengadakan perkhidmatan Dipositori Pusat melainkan jika orang itu ialah Dipositori Pusat, Bank Negara Malaysia atau dikecualikan oleh Menteri di bawah seksyen 62(a)".

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah maksud Fasal 3 ini sama ada hanya suruhanjaya dapat menguruskan semua dan tidak ada orang yang lain dah, cuma satu pusat sahaja mengendalikan semua dan adakah itu maksudnya ataupun kita akan adakan syarikat-syarikat yang lain kerana pada Fasal 4; "Bertujuan meminda seksyen 5 untuk menjelaskan bahawa Depositori Pusat hendaklah diperbadankan sebagai syarikat di bawah Akta Syarikat 1965."

Fasal 3 kata kita akan adakan satu pusat sahaja tetapi Fasal 4 bermakna kita akan boleh adakan banyak syarikat untuk mengendalikan semua, apakah yang sebenarnya akan dilakukan di pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk mengendalikan CDS ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja, tak sampai sepuluh minit, cuma itulah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Satu lagi, iaitu mengenai Fasal 31 yang bertujuan meminda seksyen 60 dengan menggantikan 'Pendaftar' dengan 'Suruhanjaya' sebagai tambahan, Suruhanjaya diberikan kuasa mengkompaun kesalahan tertentu dengan persetujuan Pendakwa Raya, wang yang

dibayar akan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (Persekutuan).

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 31 kalau kita baca, saya pun tidak begitu faham, dan kurang jelas dan saya berharap diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai Fasal 4—Jawatankuasa Terbitan Modal. Bermakna, dengan adanya pindaan ini maka Suruhanjaya Sekuriti akan mengambil alih semua fungsi Jawatankuasa Terbitan Modal. Soalnya, adakah Suruhanjaya Sekuriti mampu untuk mengendalikan semua. Kita sekarang hendak mengendalikan mengenai siasatan, insider trading, kita hendak mengendalikan CDF dan sekarang kita hendak mengendalikan tugas Jawatankuasa Terbitan Modal. Adakah cukup bilangan orang-orang pakar dan kakitangan yang mampu untuk mengendalikan semua? Saya berharap, kalau tidak kita mesti mengemaskinikan Suruhanjaya Sekuriti untuk menangani semua tugasnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta kementerian menjawab.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih lagi sekali kepada sahabat-sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Labuan dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) yang dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan, sebagaimana yang saya katakan tadi mempunyai pengetahuan yang mendalam dan beliau telah menjawab banyak soalan yang dibangkitkan sendiri. Dia telah menolong saya di dalam kerja saya dalam menghuraikan banyak soal yang telah disebut di dalam pindaan ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Labuan.

Yang Berhormat dari Labuan tentu pasti bahawa intipati pindaan ini, iaitu pati pindaan ini ialah bertujuan untuk mengalihkan kuasa dari Registrar of Companies kepada Suruhanjaya Sekuriti dan di dalam pindaan ini kita memberi kuasa kepada menteri memainkan peranan sebagai 'watchdog' kepada 'watchdog' sepertimana yang kita bincangkan di dalam Akta yang telah diluluskan tadi. Selain daripada itu Yang Berhormat dari Labuan tentu pasti juga bahawa usaha kita meminda Akta ini ialah dengan bertujuan untuk merasionalisekan konsep self regulation ataupun mengawal diri sendiri seperti yang tersebut di dalam seksyen 7 Akta.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti ini diwujudkan pada tahun 1981 tetapi Security Commission ataupun Suruhanjaya Sekuriti hanya diwujudkan pada tahun 1993. Oleh itu, rangka pengawalseliaan di dalam depository sebelum ini adalah dikongsi di antara Kementerian Kewangan dan juga Registrar of Companies (ROC). Jadi, ini menyebabkan keadaan yang boleh dikatakan, dengan izin, 'messy' tetapi dengan pengwujudan SC, regulations, segala pengawalseliaan adalah dibawa kepada Security Commission. Kalau Yang Berhormat dari Kepong bertanya apakah Security Commission mempunyai kebolehan (capacity) untuk menjalankannya, kita akan meningkatkan capacity ini. Dengan adanya tanggungjawab-tanggungjawab yang bertambah dan di dalam pindaan Akta Security Commission yang telah kita luluskan dalam sesi yang lalu, Yang Berhormat sedia maklum bahawa banyak perkara yang dilakukan selain daripada penambahan pegawai, Security Commission juga memberikan kemudahan kepada pegawai-pegawainya untuk mendapat pengetahuan, further education, post graduate dan lain-lain lagi untuk mempertingkatkan kecekapan dan menambahkan keilmuan mereka di dalam bidang ini.

Yang Berhormat dari Kepong jangan bimbanglah kerana perkara ini kita ambil perhatian dan kita pastikan sepertimana Yang Berhormat dari Kepong mengakui bahawa untuk kita menjadikan Kuala Lumpur sebagai super market financial serantau, semua langkah yang perlu akan dan telah diambil. Cuma yang kita minta ialah sokongan moral yang kuat daripada Yang Berhormat dari Kepong. Kalau hendak melabur, laburlah banyak-banyak jangan tunggu kemasukan orang luar seperti yang Yang Berhormat nyatakan tadi, hendak masukkan pengurus-pengurus dana daripada luar yang banyak. Kita hendak masukkan dana luar kalau boleh, bukannya pengurus dana. Kalau banyak pun tak apa, tetapi kalau boleh kita minimumkan. Yang Berhormat jangan kontradik diri sendiri di masa-masa muka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan beberapa perkara yang perlu dijawab secara terperinci di sini. Ahli Yang Berhormat membangkitkan masalah jaminan pencerobohan tidak akan berlaku. Yang Berhormat minta jaminan agar pencerobohan mengenai data dalam komputer tidak berlaku ke atas akaun CDS. Apakah perlindungan yang diberi selain daripada perlindungan insurans?

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat depository pusat diwajibkan di bawah kaedah-kaedahnya untuk mewujudkan satu dana pampasan selain dari perlindungan insurans, dana pampasan diwujudkan. Dana ini adalah sebagai tambahan kepada dana pampasan di bawah Security Industries Act. Dana ini ialah untuk memberikan perlindungan tambahan kepada pelabur sekiranya pelabur mengalami kerugian akibat kesalahan syarikat broker, iaitu syarikat broker saham.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga menyebut tentang 'share financing' dan penurunan 'fee brokerage' tidak diterima oleh industri. Ingin saya nyatakan di sini

bahawa skim komisen yang bertingkat, dengan izin, graduating commission menyebabkan broker kecil menjadi tidak berdaya saing. Ianya adalah penting untuk menjadi sebuah pusat kewangan yang berdaya saing menarik pelabur, kos transaksi hendaklah rendah dan competitive. Tambahan pula Malaysia adalah pihak kepada GATTS ataupun Malaysia memihak ataupun menerima cadangan-cadangan yang dibuat di dalam perundingan GATTS yang ditandatangani awal tahun ini iaitu perjanjian yang meliberalisasikan financial service yang mana kita terpaksa membuka pasaran kita kepada syarikat-syarikat finance dari luar. Tindakan ini diambil oleh kerajaan untuk mencambahkan dan menggalakkan institusi kewangan negara untuk mempunyai daya saing berbanding syarikat-syarikat asing yang akan memasuki negara ini setelah GATTS berkuatkuasa sepenuhnya.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Labuan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penjelasan sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan jawapannya. Saya merujuk kepada apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mengenai jaminan.

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana pada suatu ketika dahulu sebuah syarikat bursa saham di Singapura goes down, goes burst menyebabkan seluruh industri itu hampir-hampir jatuh. Ini disebabkan syarikat tersebut tidak mempunyai jaminan dari mana-mana pihak, cuma ada jaminan insuran sahaja. Maka Kerajaan Singapura mengambil alih seluruh kuasa itu dan memberikan keyakinan kepada para pelabur.

Jadi apa yang saya mahu mempersoalkan di sini ialah misalnya MCD hanya diberikan perlindungan insuran. Kita mahu tahu berapakah perlindungan insuran tersebut, dan sekiranya ianya mempunyai dana pampasan, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kuantum pampasan ini, kalau sebuah syarikat broker saham mempunyai perniagaan satu hari purata RM50 juta. Kalau hanya mempunyai perlindungan insurans sebanyak RM50 juta, hanya mungkin boleh memberi pampasan kepada sebuah syarikat yang mengalami kerugian atas kesilapan yang berlaku terhadap MCD.

Jadi, apakah ada jaminan selain daripada insurans ini ada bank-bank lain memberikan jaminan supaya sekiranya ada kesilapan berlaku, kerugian besar yang akan berlaku, industri ini tetap akan terus berjalan? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya jawab tadi, jaminan adalah di dalam bentuk insurans dan juga dana pampasan. Jadi, selain daripada itu kita tidak ada apa-apa jaminan kerana seperti Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa di dalam mana-mana perniagaan pun wujud risiko, dan selain daripada jaminan yang dua saya sebut tadi ialah jaminan-jaminan regulasi yang diwujudkan di dalam Akta ini sendiri.

Jadi kalau kita hendak mewujudkan satu jaminan yang kita kata 'air tight' kemungkinan ianya tidak mungkin berlaku kerana tidak ada sesuatu enterprise pun yang mempunyai jaminan-jaminan yang menyeluruh yang disifatkan sebagai air tight. Jadi, apa yang saya sebut itu, itulah jaminannya. Dan juga MCD mewujudkan dari segi pencerobohan ataupun dari segi safety, keselamatan, MCD mewujudkan penyimpanan data-datanya di lain-lain tempat selain daripada satu tempat.

Jadi, balik kepada jaminan ini, ingin saya nyatakan bahawa jaminan diberi setakat mana berupaya. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak kita menghamparkan satu jaminan yang penuh, maka kemungkinan ianya tidak dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membuat satu rungutan mengenai remiser bahawa mereka tidak mempunyai maklumat mengenai pelabur di bawah CDS. Ingin saya nyatakan di sini, seseorang yang membuka akaun CDS dengan syarikat broker, pasti hadir sendiri di pejabat syarikat broker itu untuk menandatangani borang permohonan, iaitu apabila beliau membuka akaun di dalam CDS. Ini adalah untuk menentukan akaun CDS itu adalah akaun sebenar, bukan akaun palsu. Dagangan atas sekuriti dalam akaun CDS.....

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Labuan bangun lagi.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekiranya urusan niaga itu dibuat di sesebuah syarikat broker saham. Tetapi ianya tidak menghadkan, bagi saya untuk mengurusniaga di syarikat bursa saham lain, di mana kemungkinan segala keterangan tersebut tidak boleh diperolehi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk memperolehi butir-butir mengenai dengan pelabur, banyak cara boleh dilakukan dari segi inisiatif untuk mendapatkan butir-butirnya. Yang Berhormat menyebut kalau tidak dilakukan pada syarikat bursa saham berkenaan. Kemungkinan ada masalah sedikit di sini, tetapi perlulah diadakan lebih banyak usaha untuk mendapatkan butir-butir mengenai

pelabur oleh syarikat yang berkenaan. Apa Yang Berhormat minta adalah satu keadaan yang ideal yang mungkin tidak dapat kita adakan pada keseluruhannya.

Mengenai dengan apa yang saya sebut tadi, dagangan atas sekuriti dalam akaun CDS mesti menepati kaedah-kaedah dagangan ataupun "tradings rules" BSKL. Peruntukan yang mewajibkan wakil peniaga mengenali client mereka ataupun 'know your client' juga terpakai di dalam Akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menanyakan berapakah kaunter yang dimasukkan ke dalam CDS sekarang. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ingin saya nyatakan di sini bahawa setakat ini di dalam papan utama ada 157 kaunter yang telah dimasukkan. Papan kedua, 164 kaunter. Dan bilakah akan dilengkapkan kemasukan ke CDS, iaitu pada penghujung tahun ini keseluruhan bilangan di dalam kaunter pertama dan kaunter kedua akan dimasukkan di bawah sistem CDS, iaitu penghujung tahun 1996, tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menanyakan apakah jumlah dagangan yang dianggarkan selepas operasi CDS secara sepenuhnya. Adalah tidak mungkin untuk memberi ramalan yang tepat mengenai jumlah dagangan kerana ini bergantung kepada banyak faktor. Tetapi dengan kos yang lebih rendah dan efisiensi yang lebih meningkat dan liquidity yang mendalam, jumlah dagangan dijangka bertambah daripada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan mengenai dengan apakah Suruhanjaya Sekuriti diberi kuasa kompaun dan wang dibayar dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan iaitu disatukan oleh kerajaan. Yang Berhormat mahu juga penjelasan tentang apakah itu Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang

Disatukan ialah Federal Consolidated Fund yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat sedia maklum, iaitu yang disatukan di bawah pentadbiran Treasury ataupun Perbendaharaan Malaysia.

Yang Berhormat juga meminta kita jawab apakah bilangan account holder yang dianggarkan oleh pihak kerajaan pada akhir 1996. Bilangan akaun tidak boleh ditentukan oleh kerana seseorang pelabur boleh membuka beberapa akaun di syarikat-syarikat bursa saham yang berlainan. Oleh itu, tidaklah kita dapat membuat telahan yang tepat. Jadi, kalau hendak membuat satu telahan biarlah ianya menepati ketepatan yang tinggi. Tetapi buat masa ini, oleh kerana faktor seseorang pelabur itu dapat membuka banyak akaun, kita tidak dapat memberi satu telahan yang cukup dan tepat.

Yang Berhormat juga menanyakan apakah volume yang dianggarkan oleh pihak kerajaan yang akan dikendalikan oleh CDS, memandangkan semua transaksi saham-saham Malaysia di dalam CLOB akan dibuat di dalam BSKL. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, volume dagangan yang dibuat semasa CDS beroperasi sepenuhnya adalah dijangka sama seperti sekarang. Volume dagangan CLOB adalah dicerminkan di KLSE, dagangan "Over the Counter" (OTC). Di CLOB akan di buat melalui broker Malaysia yang akan merekodkan dagangan tersebut melalui BSKL.

Yang Berhormat juga ingin tahu adakah Suruhanjaya Sekuriti berkemampuan untuk mengendalikan kuasa-kuasa di bawah Akta ini. Ini telah saya jawabkan pada awal tadi, iaitu kemampuan akan bergantung kepada kecukupan di dalam kapasiti bilangan pekerja dan juga kebolehan kakitangan Security Commission. Ini sedang dilakukan dan di dalam pindaan Akta yang lalu kita telah mewujudkan

peruntukan-peruntukan yang mana membolehkan pegawai-pegawai di dalam Security Commission ditingkatkan pengetahuan dan ilmunya di bidang ini dan juga dibolehkan menambahkan pegawai-pegawai.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah Seksyen 3 dan apakah tujuan untuk pindaan ke atas Seksyen 3. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah satu polisi di pihak kerajaan bahawa sekuriti yang dicadangkan di Bursa Saham yang diluluskan di bawah Seksyen 7, Securities Industries Act akan terdapat hanya satu depository pusat yang akan diluluskan di bawah Seksyen 3. Walau bagaimanapun, untuk pasaran wang yang dalam undang-undang adalah merupakan satu pasaran saham di dalam Bursa Saham, iaitu di takrif yang diberi di dalam Security Industries Act dan dalam mana Bank Negara bertindak sebagai depository seperti Malaysia Government Security Treasury Bills dan lain-lain instrument pasaran wang adalah tidak perlu untuk Bank Negara meluluskan di bawah Security Industries Act. Dan Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan beberapa perkara di dalam seksyen-seksyen Fasal 31.

Di dalam Fasal 31, ingin saya nyatakan di sini, sepertimana yang tercatat, iaitu mengenai dengan Seksyen 60, Akta Ibu adalah dipinda dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya" – itu straightforward, Yang Berhormat. Dan ianya tidak ada apa untuk saya menyatakan di sini dan segala butiran yang diberi adalah mengikut apa yang disebut di dalam Akta ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua
.....

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Securities Commission atau kerajaan

mempunyai satu target date di mana scriptless 100% di capai?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sepertimana yang saya jawab tadi, target datenya ialah hujung tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan jika ada yang tidak dapat saya sentuh akan dijawab secara private ataupun secara bertulis nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang di bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 36—

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, sebelum dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang ingin saya memohon mencadangkan suatu pindaan sebagaimana Kertas yang telah diedarkan iaitu:

Rang Undang-undang adalah dipinda dalam Fasal 3 dengan menggantikan nota birai kepada Seksyen 3 baru Akta ibu dengan nota birai yang berikut:

“Sekatan ke atas penubuhan depository pusat.”

The English translation are as follows:

The Bill is amended in *clause 3* by substituting for the marginal note to the new section of 3 of the principal Act the following marginal note:

“Restriction on establishment of a central depository.”

Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, pindaan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya pindaan seperti yang dicadangkan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang adalah dipinda dalam *Fasal 3* dengan menggantikan not birai kepada Seksyen 3 baru Akta ibu dengan nota birai yang berikut:

The English translation is as follows:

The Bill is amended in *clause 3* by substituting for the marginal note to the new section 3 of the principal Act the following marginal note:

“Restriction on establishment of a central depository”.

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada dipindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PERKHIDMATAN
KEWANGAN LUAR PESISIR
LABUAN 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.17 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Dalam usaha memajukan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang maju dan terkenal, kerajaan berpendapat penubuhan sebuah badan khas yang akan menjadi pusat serenti bagi pentadbir dan mengawalselia institusi luar pesisir adalah sesuai dan berfaedah bagi menarik minat institusi-institusi luar pesisir menyertai IOFC Labuan. Ia akan memberi kemudahan kepada institusi-institusi asing untuk mendapatkan maklumat dan menguruskan hal ehwal berkaitan dengan institusi mereka di bawah satu bumbung.

Badan khas itu ditubuhkan sebagai sebuah lembaga yang mempunyai semua kuasa untuk mentadbir dan mengawalselia institusi-institusi yang menjalankan perkhidmatan kewangan di IOFC Labuan. Badan ini akan diwujudkan berasingan dan seiringan dengan Lembaga Pembangunan Labuan atau ringkasnya LDA tetapi mempunyai peranan dan bidang kuasa yang berbeza. LDA akan terus memainkan peranan sebagai badan yang mengendalikan kemajuan fizikal Labuan, manakala badan yang baru ini akan menjadi sebagai pihak berkuasa hal ehwal institusi luar pesisir. Pada masa ini terdapat 4 akta yang berasingan bagi

institusi-institusi luar pesisir iaitu Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Insurans Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 dan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Keempat-empat Akta ini adalah ditadbir oleh badang-badan yang berasingan iaitu Bank Negara dan Pejabat Pendaftar Syarikat yang berpusat di Kuala Lumpur. Peraturan yang sedia ada sekarang ini dirasakan tidak sesuai kerana ia boleh menimbulkan kelambatan dalam memproses permohonan yang dikemukakan oleh institusi-institusi asing. Selain daripada itu, pihak institusi asing yang ingin mendapatkan pelbagai maklumat mengenai hal ehwal kewangan luar pesisir terpaksa berhubung dengan beberapa pihak yang berasingan, ini akan menyusahkan dan melambatkan urusan mereka. Dengan hal yang demikian, badan baru yang dicadangkan itu akan mengambil alih kuasa pentadbir yang termaktub dalam keempat-empat Akta Luar Pesisir yang sedia ada sekarang iaitu daripada Bank Negara Malaysia dan Pendaftar Syarikat.

Badan itu akan berpusat di Labuan dan ia bertanggungjawab ke atas semua aspek berkaitan dengan institusi luar pesisir di Labuan termasuk soal penubuhan syarikat dan pengawalseliaannya. Penubuhan badan ini akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada institusi-institusi luar pesisir dalam melaksanakan urusan mentadbir syarikat mereka. Badan yang dicadangkan itu akan dikenali sebagai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah akta yang tersendiri. Badan itu akan mempunyai sebuah Lembaga yang dianggotai oleh mereka yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut - Pengerusi (bukan eksekutif), Ketua Pengarah dan tidak kurang dari dua dan tiga dan tidak lebih dari 7 anggota lain, di mana sekurang-kurangnya 2 daripada mereka hendaklah daripada sektor awam.

Fungsi badan ini pada amnya adalah meliputi hal-hal pentadbiran, penguatkuasaan, pelesenan, pengawalseliaan dan pembangunan aktiviti perniagaan luar pesisir di Labuan. Secara keseluruhannya, akta baru yang dicadangkan itu adalah hampir sama dengan akta badan-badan lain dari segi kandungannya.

Ia mempunyai empat bahagian seperti berikut: Bahagian I – Menjelaskan mengenai pelbagai tafsiran yang berkaitan dengan aktiviti luar pesisir. Bahagian II – Menjelaskan mengenai fungsi lembaga, keahlian lembaga dan aktiviti serta skop lembaga. Bahagian III – Menjelaskan mengenai hal-ehwal kewangan lembaga termasuk bayaran-bayaran yang boleh dikutip dan dibelanjakan oleh lembaga; dan Bahagian IV - Menjelaskan mengenai perkara-perkara am berkaitan dengan akta itu.

Pengwujudan lembaga yang akan bertindak sebagai pusat sehenti bagi mentadbir dan mengawalselia hal-ehwal kewangan IOFC Labuan dirasakan perlu dan kena pada masanya. Ia dirasakan boleh membantu mempercepatkan lagi pembangunan dan kepesatan aktiviti kewangan IOFC Labuan.

Rang Undang-undang bagi mewujudkan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan itu dirasakan mencukupi dan mapu untuk membolehkan badan itu berfungsi dengan cekap dan berkesan. Cadangan penubuhan badan khas itu adalah bagi memastikan bahawa semua urusan berkaitan dengan penubuhan dan pentadbiran institusi-institusi luar pesisir, yang memberikan perkhidmatan kewangan di IOFC Labuan dapat dibuat dengan mudah dan cepat. Ia juga dijangka dapat melaksanakan aktiviti promosi IOFC Labuan dengan lebih berkesan.

Dengan penubuhan badan khas yang saya syorkan itu, Kementerian Kewangan yakin bahawa usaha memajukan Labuan

sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

6.23 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya seorang sahaja yang akan membahaskan Rang Undang-undang ini kecuali mungkin Kepong yang akan turut sama, tetapi saya ingat beliau pun tidak begitu fasih tentang apa yang berlaku di Labuan.

Jadi, biarlah berikan saya sedikit masa, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini seperti juga beberapa rang undang-undang lain yang telah diwujudkan bagi membolehkan Labuan beroperasi sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir.

Saya menyokong setiap usaha kerajaan menubuhkan ataupun meluluskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995 atau dengan ringkasnya saya sebut LOFSA - Labuan Offshore Financial Service Authority Bill. LOFSA - kalau boleh digunakan dan ini merupakan sebuah pusat serenti seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

Setiasaha Parlimen bagi menyenangkan segala proses urusan dalam perkhidmatan kewangan luar pesisir antarabangsa yang berpusat di Labuan.

Penggubalan undang-undang ini sekali lagi jelas memperlihatkan kepada kita kesungguhan kerajaan untuk memajukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang terkenal di rantau ini dan ini disusuli dengan keprihatinan kerajaan untuk bertindak terhadap beberapa masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi yang terlibat di Labuan secara serius dan cepat melakukan pindaan-pindaan dan juga peruntukan-peruntukan yang bertujuan untuk membolehkan ianya mempunyai saingan atau dapat bersaing dengan institusi-institusi pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang ada di seluruh dunia ini dan saya mengharapkan supaya Kepong tidak akan mengatakan ini dibuat kerana mungkin akta ataupun undang-undang yang ada ini tidak berkesan selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyatuan pengawalseliaan yang dibuat selama ini oleh Bank Negara dan juga Pendaftar Syarikat. Dengan pengwujudan lembaga ini akan mempermudah lagi segala urusan-urusan untuk pendaftaran dan tujuan perniagaan di Labuan nanti. Cuma saya ingin bertanya di manakah letaknya, dalam kes ini tidak disebutkan letak ataupun fungsi Jabatan atau fungsi Income-Tax atau Jabatan Cukai dari Kementerian Kewangan, tidak disebutkan sebentar tadi. Apakah ianya akan terus berfungsi seperti yang sedia ada atau dilonggokkan di dalam LOFSA ini nanti?

Saya bersetuju tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya LOFSA ini dapat dikendalikan dari segi pengawalseliaannya seiringan dengan Lembaga Pembangunan Labuan atau Labuan Development Authority.

Jadi, ianya akan dapat mempunyai pengkhususan dari segi usaha untuk memasarkan Labuan sebagai IOFC yang mana selama ini tugas-tugas pemasaran dan promotions yang dibuat di negara-negara lain adalah dipertanggungjawabkan kepada sebuah jabatan atau seksyen dalam Lembaga Pembangunan Labuan untuk pembangunan pusat kewangan luar pesisir, yang merupakan sebuah jabatan yang kecil dan tidak mempunyai pegawai yang mencukupi dan tidak mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk membolehkan ianya berfungsi secara efektif bagi memaju dan memasarkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan.

Jadi, usaha ini saya rasa bila ianya diletakkan kepada LOFSA nanti, maka tanggungjawab untuk memajukan Labuan ini sudah dikeluarkan daripada tanggungjawab Lembaga Pembangunan Labuan yang ada. Walaupun demikian, pada masa kini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Lembaga Pembangunan Labuan ini diwujudkan sudah sekian lama, namun masih juga ada terdapat beberapa kelemahan bagi tujuan-tujuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Penubuhan Lembaga Pembangunan Labuan beberapa tahun yang lalu.

Yang pertama ialah soal kuasa pentadbiran di mana Ketua Eksekutifnya adalah merupakan seorang pegawai daripada PTD yang juga menjadi Ketua Pentadbir di Labuan di Bahagian Kemajuan Wilayah dan merupakan seorang Presiden kepada Majlis Perbandaran Labuan. Jadi, beliau selain dari memegang jawatan Pengurus Besar di Lembaga Pembangunan Labuan, mempunyai dua jawatan yang lain lagi di Bahagian Kemajuan Wilayah, Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Perbandaran Labuan.

Jadi, saya rasakan tanggungjawab ini begitu besar dan fungsi Lembaga begitu besar ketika itu, dan untuk diketuai oleh seorang pegawai adalah keterlaluan-

overload dari segi tanggungjawab dan kerjanya. Maka dengan itu, tidak hairanlah kalau kita mendapati bahawa ada beberapa kelemahan yang kita hadapai di Labuan sama ada untuk tujuan membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir atau memajukan Labuan sebagai sebuah pusat pelancongan yang terkenal atau memajukan Labuan sebagai sebuah pusat duty free atau pusat bebas cukai yang terkenal di rantau ini tidak dapat dilakukan sebaik mungkin.

Jadi, pecahan atau pembahagian tanggungjawab ini nanti yang mana LOFSA ini merupakan sebuah commission ataupun yang saya sebut, sebagai sebuah super commission ini akan dapat mengambil tanggungjawab dan melaksanakannya dengan baik dan tidak ada lagi pertindihan kuasa di antara ketiga-tiga badan yang mentadbir Labuan pada hari ini dan seterusnya akan berjaya memasarkan Labuan sebagai IOFC.

Dalam konteks ini, apabila memerhati Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, saya berpuas hati dari segi provisi yang disediakan dalam Akta ini. Cuma saya memerhatikan ada beberapa kelemahan yang mungkin boleh diambilkira atau boleh dipertimbangkan oleh kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan Labuan sebagai IOFC di mana saya melihat tidak ada kuasa Menteri iaitu dari segi membuat pilihan kepada beberapa undang-undang domestik di dalam ini yang mungkin mempunyai implikasi ataupun berkuatkuasa di Labuan sebagai sebuah pusat kewangan atau institusi kewangan luar pesisir ataupun services atau perkhidmatan di dalamnya.

Jadi, untuk membolehkan segala operasi ini atau membolehkan Labuan beroperasi sebagai IOFC, terdapat juga domestic legislation, dengan izin, yang tidak dihalakan kepada sektor IOFC ini, tetapi merangkumi jurisdiction yang

melibatkan offshore. Jadi, ini akan melibatkan konflik dari segi undang-undang dan boleh menimbulkan keraguan atau confusion dari segi undang-undang.

Saya mengambil satu point sebagai contoh. Misalnya, Akta Suruhanjaya Sekuriti atau Secutity Commission Act yang juga berkuatkuasa kepada komuniti IOFC ini. Saya ingin tahu sama Akta Industri Sekuriti ini juga akan meliputi securiti industri di Labuan nanti. Jadi, saya sebut ini awal-awal supaya mungkin pegawai-pegawai dari kementerian mungkin dapat mencari jawapannya.

Saya cadangkan kuasa Menteri ini.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat kata tidak ada kuasa Menteri dari segi membuat pilihan. Pilihan apa itu, supaya saya dapat menjawab dengan lebih terang?

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Ya, saya akan sebutkan. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya Menteri mempunyai kuasa untuk membuat pilihan bagi mana-mana undang-undang yang mungkin terpakai dikecualikan di Labuan atau tidak terpakai dikecualikan dalam undang-undang yang ada ini. Jadi, yang saya maksudkan ada undang-undang domestik yang berkuatkuasa di Labuan dan mungkin melibatkan sektor IOFC juga. Jadi, perlu ada kuasa kepada Menteri supaya membuat pilihan mana-mana undang-undang yang boleh dikecualikan dalam konteks segala perkhidmatan dalam Labuan sebagai IOFC ini. Jadi, ini tidak diperuntukkan dalam undang-undang ini. Jadi, itu yang saya persoalkan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Minta penjelasan lagi. Yang dimaksudkan dengan undang-undang domestik itu, apa dia Yang Berhormat? Cuba terangkan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Yang Berhormat Timbalan

Menteri, saya sebutkan tadi, Akta Perindustrian Sekuriti. Akta Perindustrian Sekuriti ini meliputi Labuan dan ianya mungkin boleh bertindih. Tetapi ini mungkin sebagai satu contoh sahaja. Jadi, kalau ada kuasa Menteri memilih, dia boleh mengecualikan sesuatu undang-undang yang mana terpakai dan yang mana tidak boleh dipakai di Labuan atau yang mana boleh dikecualikan di Labuan. Jadi, ada kuasa Menteri dalam undang-undang ini supaya menyenangkan dan kita tidak perlu balik ke Parlimen untuk membuat pindaan-pindaan yang sepatutnya dibuat untuk berkuatkuasa di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memerhatikan bahawa clause 3(2)(a) dalam Akta yang dibentangkan ini adalah merupakan persamaan dengan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 iaitu 4(1)(a).

Satu lagi ialah clause 3(2)(a) dalam Akta ini yang berbunyi, dengan izin, 'to promote and develop Labuan as a centre of offshore financial services'. Dalam seksyen 4(1)(a) ini, Akta Lembaga Pembangunan Labuan berbunyi, 'to promote and stimulate di kawasan Lembaga Pembangunan Labuan as international offshore finances centre, tourist destinations and duty free area.' Jadi, ada persamaan dalam konteks ini.

Jadi, kedua-duanya pun ada kuasa. Walaupun disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, pengendalian pengawalseliaan Rang Undang-undang ini akan dibuat seiringan dengan Akta Lembaga Pembangunan Labuan, tetapi ia juga boleh menimbulkan pertindihan dan konflik dari segi kuasa nanti untuk memajukan Labuan.

LDA juga mempunyai kuasa untuk memajukan Labuan sebagai IOFC dan LOFSA juga mempunyai kuasa dalam konteks memajukan Labuan sebagai IOFC. Jadi, kedua-dua ada kuasa. Tetapi di dalam ini ada pengurusan diberikan dalam LOFSA.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, kedua-dua Akta ini kita hindari daripada mempunyai duplikasi dari segi tanggungjawab supaya hanya satu sahaja authority yang mempunyai tanggungjawab untuk mempromosikan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir atau memasarkan segala perkhidmatan di bawah IOFC ini.

Saya juga ingin bertanya atau menyarankan supaya definisi offshore financial services ini diperbesarkan atau diperluaskan untuk memasukkan beberapa kemungkinan, mungkin dalam konteks ini ialah investment vehicles, dengan izin ataupun structure, misalnya offshore trust dan juga memasukkan limited partnership dan ada lagi pelbagai contoh supaya definisi offshore financial centre services itu diperluaskan merangkumi bidang-bidang yang offshore trust dan juga limited partnership.

Jadi, ini untuk membolehkan kita lebih efisien dan lebih kompetitif kerana definisi yang ada ini hanya terhad kepada beberapa perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat luar pesisir dan juga syarikat-syarikat trust companies dan offshore banking dan offshore insurance sahaja dari segi definisinya.

Tuan Yang Di-Pertua, berbalik kepada rang undang-undang ini, seperti yang saya nyatakan tadi, saya memang menyokong usaha Kementerian Kewangan bagi menggubal dan membentangkan rang undang-undang tersebut kerana ianya begitu perlu dan penting untuk memudahkan urusan pentadbiran dan juga pengurusan serta pengawalseliaan segala perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan dan ianya akan menjadi sebagai sebuah pusat serenti bagi pengurusan dan juga pengawalan serta promosi serta sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab di dalam memberi kelulusan kepada semua lesen ataupun permit yang digunakan di dalam kegiatan perkhidmatan luar pesisir di Labuan nanti.

Tuan yang di-Pertua, dari sejak Labuan diisytiharkan sebagai sebuah IOFC pada November 1990, ianya telah bermula dengan pendaftaran sebuah syarikat luar pesisir di mana tiga daripadanya terdiri daripada bank luar pesisir. Kini Labuan telah berjaya mendaftarkan sejumlah 604 syarikat luar pesisir yang mana 43 terdiri daripada bank luar pesisir dan yang terkemuka di dunia, 13 terdiri daripada syarikat amanah, 5 terdiri daripada syarikat insurans luar pesisir, 525 syarikat luar pesisir dan 4 firma unit antarabangsa, 4 firma liquidasi dan 3 buah syarikat pengurusan dana.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan negara kita telah berjaya meletakkan Labuan di kalangan pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang terkemuka di dunia dan ini selaras dengan hasrat kerajaan, hasrat Perdana Menteri kita, hasrat Menteri Kewangan kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan dan juga sebagai pusat pasaran modal serantau khususnya di Asia-Pasifik ini.

Namun demikian, Labuan masih berpotensi menarik lebih ramai, lebih banyak lagi produk antarabangsa serta firma-firma dan juga syarikat-syarikat untuk berurusan dengan perkhidmatan IOFC yang lain. Beberapa faktor telah dikenal pasti yang boleh menarik lebih banyak lagi pelaburan ke Labuan agar ianya mampu bersaing dengan lain-lain pusat kewangan yang maju di dunia seperti Hong Kong, Cayman Island, British Virgin Island, Jersey atau lain-lain IOFC di Caribbean dan juga di Eropah dan di antara faktor-faktor utama yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan, yang pertama ialah, efisiensi dalam pengurusan dan juga mengurangkan karenah birokrasi yang mana melalui penubuhan pusat serenti iaitu lembaga perkhidmatan kewangan luar pesisir Labuan (LOFSA) ini nanti akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua ialah kestabilan politik Malaysia yang menjadi jaminan dan keyakinan pelabur asing dan yang ketiga, dasar ekonomi dan kewangan negara yang telus (transparent) juga memberikan keyakinan pelabur asing. Yang keempat, keutuhan perkembangan ekonomi negara telah mendorong penerimaan masyarakat antarabangsa dan pelabur asing terhadap kematangan ekonomi dan pentadbiran negara dan yang kelima, kemudahan infrastruktur yang baik di negara kita ini dan dasar negara yang pragmatik. Selain daripada itu, insentif cukai serta kos pengurusan atau overhead costs yang rendah berbanding dengan pusat kewangan yang lain di dunia. Dan akhirnya, kedudukan Labuan yang begitu strategik di dalam kawasan pembangunan Asia Pasifik, rantau yang paling pesat membangun di dunia kini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkhidmatan kewangan antarabangsa adalah sangat-sangat kompetitif, maka Labuan menghadapi banyak saingan di sekitar Asia dan juga di Eropah serta di Caribbean ini dan untuk mengatasi masalah tersebut, Labuan haruslah bersedia bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga produk kewangan dan juga perkhidmatan luar pesisir seperti pengurusan amanah, capital market, insurans dan lain-lain perkhidmatan untuk syarikat luar pesisir yang lebih menarik serta inovatif.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dan berkeyakinan terhadap cadangan Menteri Kewangan meminta syarikat-syarikat luar pesisir dan bank-bank luar pesisir memasarkan perkhidmatan berkonsepkan sistem kewangan Islam. Cadangan ini juga dilandaskan akan diharapkan akan menjadikan Labuan yang terunggul di dalam menawarkan kepelbagaian perkhidmatan kewangan luar pesisir antarabangsa yang berasaskan sistem syariah dan Islam dan ianya memberi satu alternatif dan sistem kewangan yang paling unik di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi mempelbagaikan produk kewangan pula, cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kemungkinan mewujudkan international stock market ataupun bursa saham antarabangsa di Labuan juga merupakan satu cadangan yang sewajarnya yang tidak sepatutnya diambil ringan dan ianya memerlukan tindakan susulan yang lebih serius daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Insyallah, saya akan gulung. Saya sebagai wakil rakyat di Labuan sentiasa mengikuti perkembangan kegiatan IOFC di sana dan saya sedar bahawa Labuan amat memerlukan critical mass, Tuan Yang di-Pertua di dalam kegiatan kewangan luar pesisirnya dan untuk mewujudkan critical mass tersebut Labuan perlu menyediakan pelbagai produk kewangan seperti international stock exchange dan akhirnya mewujudkan international financial exchange dan ini akan menghasilkan value added. Aktiviti dan secara langsung akan menambahkan kegiatan bank luar pesisir, menarik lebih ramai pelabur asing, pengurusan dana antarabangsa yang mana akan mewujudkan jaringan aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan ini.

Saya juga mengucapkan tahniah, terima kasih dan tahniah kepada kerajaan yang telah banyak membawa pembangunan di Labuan setelah Labuan diisytiharkan sebagai IOFC. Walau bagaimanapun, untuk menjamin pembangunan yang berterusan dan kemantapan perkhidmatan IOFC di Labuan, sistem pentadbiran dan pengawalan yang baik perlu diwujudkan. Adalah diharapkan melalui penubuhan lembaga ini kita akan dapat mewujudkan satu sistem kawal selia yang baik dan mantap selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai IOFC yang terunggul di dunia.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua sudah sampai masanya pihak kerajaan memandang berat mengenai masalah penduduk tempatan juga kerana kalau tidak ada keselarian dari segi pembangunan, kemajuan dari segi IOFC akan terus melonjak tetapi kemajuan dari segi masyarakat tempatan tidak diendahkan. Ini akan menyebabkan "disparity" antara kedua-dua ini dan akan mendatangkan masalah kepada kita juga.

Dan saya ingin melihat bahawa penduduk Labuan tempatan untuk melibatkan diri di dalam aktiviti IOFC yang mana paling kurang telah menyediakan tenaga mahir di dalam bidang kewangan luar pesisir untuk mengisi jawatan yang diberikan.

Saya suka mengesyorkan kepada kerajaan agar satu institusi latihan perkhidmatan kewangan dan perbankan diwujudkan di Labuan. Melalui institusi ini penduduk Labuan dapat diberikan latihan dan pendedahan untuk mengisi jawatan-jawatan yang diwujudkan kelak. Dan ini akan menjadikan kos pengurusan di Labuan jauh lebih rendah jika kita dapat mewujudkan guna tenaga tempatan.

Faktor human resources adalah salah satu faktor yang penting untuk menarik pelaburan dan mengembangkan kegiatan IOFC di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

6.51 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan undang-undang ini yang bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFINSA) yang akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi

melesenkan, mengawasi dan mengawal selia perkhidmatan dan aktiviti perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan sebagai satu pusat serenti (one stop regulatory agency).

Ahli Yang Berhormat dari Labuan tadi begitu angkuh seolah-olah itu semua dilakukan oleh beliau tepat dan baik belaka tetapi ada kelemahan juga, 'gading mana yang tidak retak', Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti satu contoh, di Labuan ada financial park building yang menelan belanja RM360 juta dengan ruang pejabatnya 1.8 juta kaki persegi tetapi Labuan tidak sebutkan langsung kerana ini banyak tidak boleh berfungsi dengan tepat, dengan baik, dengan sepenuhnya, tidak ada aktiviti kewangan cukup untuk menggunakan 1.8 juta ruang pejabat dengan sepenuhnya. Ini merupakan satu pembaziran. Kita membinakan pembangunan dengan begitu besar, kemudian tidak ada pelanggan yang cukup, ini satu pembaziran. Saya berharap dengan mengadakan pusat serenti ini tidak akan wujud pembaziran lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setahu kita pihak kerajaan sudahpun memperuntukkan banyak wang beratus juta ringgit untuk memperbaiki Lapangan Terbang Labuan, untuk mengadakan infrastruktur-infrastruktur jalan, parit-parit di Labuan dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan daripada Kementerian Kewangan berapa peruntukan sejak tahun 1990 untuk Labuan, untuk infrastruktur prasarana.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat apabila rang undang-undang ataupun Offshore Companies Act, Offshore Banking Act, Labuan Offshore Business Activities Act dan Labuan Trust Company Act dibentangkan pada tahun 1990 – tak banyak orang yang mengambil bahagian, saya masih ingat cuma saya dengan Labuan sahaja. Mungkin tak ada orang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada seruan saya jangan adakan pembaziran kerana peruntukan yang banyak, pelaburan daripada kerajaan yang banyak dan saya pun berharap LOFINSA ini tidak akan ada konflik dengan Lembaga Labuan Development Authority (LDA). Saya sedari bahawa di dalam beberapa tahun ini apabila syarikat asing ataupun syarikat tempatan memohon untuk mengadakan pejabat di Labuan, mereka terpaksa melalui beberapa agensi. Dan juga sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, Bank Negara dan juga Pendaftar Syarikat dan sebagainya beribu pejabat di Kuala Lumpur, ini memang menimbulkan masalah kelewatan dan sebagainya, dengan adanya pusat serenti LOFINSA ini kita berharap semua kelewatan ini akan diselesaikan dengan cepat.

Walau bagaimanapun, saya berharap tidak akan ada percanggahan, ada konflik di antara LDL dengan LOFINSA. Ini memang adakah Pengerusi LDL akan menjadi Pengerusi LOFINSA pula ataupun...

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Siapa yang beri kepada dia kuasa menyebut lembaga ini LOFINSA? Apakah macam-macam? Kita tak sebut, kita kata lembaga sahaja. LOFINSA ini apa dia Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, malangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak membaca rang undang-undang, ia disebutkan di dalam.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dalam?

Dr. Tan Seng Giaw: Hm, ada!

Tuan Yang di-Pertua: Oh!

Dr. Tan Seng Giaw: LOFINSA ada, sangat susahlah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Di muka surat berapa yang Berhormat?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Boleh saya tahu! LOFSA.

Dr. Tan Seng Giaw: Labuan Offshore Financial Services Authority-LOFINSA.

Dato Dr. Affifudin bin Haji Omar: LOFSA!

Dr. Tan Seng Giaw: LOFSA? (Ketawa) LOFSA, LOFINSA.

Tuan Yang di-Pertua: Muka surat berapa Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Mukasurat 25. LOFSA, dia hendak LOFSA-LOFSAlah, tak apalah, laksa pun boleh. (Ketawa) Hendak laksa pun boleh, LOFSA pun boleh. Saya dengar dia kata LOFINSA juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat. Sudah habis dah perkara itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hendak laksa pun bolehlah. Asalkan LDL dengan lembaga ini tak bercanggah, itu betul ya.

Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita boleh mewujudkan Labuan sebagai IOFC yang terkemuka di dunia, itu sangat baik tetapi kita mesti menyedari bahawa kalau berbanding dengan pusat-pusat yang lain seperti Singapura, seperti Hong Kong, kita masih ketinggalan dari segi kepakaran, dari segi infrastruktur dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan pun ada sebutkan Caymen Island, Bermuda, Jersey dan lain-lain pusat IOFC, tetapi Labuan kerana masih lima tahun sahaja usianya, tak dapat bersaing dengan pusat-pusat yang lain. Ini bermakna, walaupun kita ada lembaga ini, sama ada kita boleh wujudkan Labuan sebagai IOFC yang

terkemuka di dunia, masih tertumpu kepada beberapa faktor, ini termasuk kita tak boleh membazirkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa bukan sahaja kita hendak adakan rang undang-undang ini sekarang, bahkan juga ada dua rang undang-undang lagi, Offshore TrustBill dan Offshore Security Bill, bilakah kedua-dua rang undang-undang itu akan dibentangkan. Ada dua lagi, saya diberitahu, bukan satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tak mengapalah, silalah Yang Berhormat. (Ketawa)

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, sila. Tuan Yang di-Pertua, kita daripada Labuan jugalah kita tahu lebih 600 syarikat asing telah mendaftarkan menjadi satu pejabat di Labuan dan suka saya menanya bahawa selain daripada syarikat-syarikat yang terkemuka, adakah pihak kerajaan mengambil tindakan atau perhatian yang cukup untuk mengelakkan daripada berlakunya money laundering di Labuan. Saya ingat saya sangat bimbang sepertimana saya perbah sebutkan pada tahun 1990 apabila beberapa undang-undang yang telah saya sebutkan tadi dibentangkan di sini, saya pun ada sebutkan, jangan kita membenarkan money laundering, pembersihan wang dilakukan di Labuan.

Bukan sahaja wang asing, wang daripada Malaysia sendiri boleh dibersihkan di Labuan mengikut cara-cara yang tertentu dan Ahli Yang Berhormat dari Labuan pun mesti mengambil perhatian mengenai hal ini. Saya tidak pernah mendengar dia menyebutkan mengenai money laundering yang boleh berlaku di Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Itu bagi saya sangkaan jahat. Dia kata saya tidak menyebut soal ini dan dia kata saya terlibat dalam kes ini. Saya minta dia tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak pernah kata dia terlibat. Saya kata dia tidak pernah sebutkan sahaja. Itu pun tidak boleh dengar. Itulah susah sekarang. Hendak jadikan Labuan IOFC yang terkemuka tak boleh dengar. Kita mesti dengar dengan tepat. Salah anggap itu tidak baiklah. Dalam agama pun dibenarkan salah anggap. Anggapan salah, sangkaan salah tidak boleh di dalam agamanya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Yang dia buat salah anggapan tiap-tiap hari, tuduh kerajaan itu tidak berdosakah? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Mana gading yang tak retak.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Mana gading yang tak retak, mana bumi yang tak ditimpa hujan. (*Disampuk*) Tuan Yang di-Pertua memang bijak, jangan kita main-main.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita adakan pusat serenti, ada yang merupakan cara yang betul dan kita tidak mahu kelambatan masalah-masalah kerana pelbagai agensi yang terlibat dalam meluluskan lesen dan sebagainya. Adakah kementerian bercadang untuk menjadikan Labuan sebagai pusat untuk international stock exchange dan juga untuk international monetary exchange. Kalau ada, adakah perbincangan di dalam kementerian terhadap kedua-dua exchange ini? Saya pun hendak tolong Ahli Yang Berhormat Labuan juga kerana saya nampak dia tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini sekarang walaupun ada pertumbuhan bouncy, economy dan sebagainya, kita menghadapi masalah juga kerana ekonomi ini memang panas sedikit, overheating sedikit walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak nafikan, walau bagaimanapun ia panas sedikit. Kita mesti mencari cara untuk

mengekalakan untuk pertumbuhan ekonomi kerana kalau tidak kita akan menghadapi kesusahan. Saya nampak ada projek-projek raksasa (mega projects) tetapi mega projek ini kita boleh adakan lebih banyak lagi. Nampaknya setakat yang ada sahajalah dan yang baru itu susah hendak diadakan mega-mega projek lagi sebab itulah saya nampak ada usaha untuk mengadakan international stock exchange, international money exchange dan telah menjadikan IOFC itu terkemuka di dunia menarik pelaburan asing untuk menjadi satu rangsangan kepada ekonomi Malaysia. Itu satu usahalah.

Bersama-samalah kita hendak galakkan hal seperti itu dan bukan hendak kritik sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu, ini bukan suara kritik sahaja. Kita hendak bersama-sama. Saya pun berasa bangga kalau kita dapat mengadakan international stock exchange dan international monetary exchange di negara Malaysia. Ini merupakan satu kebanggaan bagi rakyat Malaysia tetapi jangan kita membenarkan "money laundering", jangan kita membenarkan pembaziran. Walaupun kita galakkan projek-projek seperti ini, jangan kita benarkan pembaziran.

Saya berharap dapat dijawab mengenai peruntukan lima tahun ini untuk prasarana, untuk infrastruktur di Labuan. Berapa ratus juta ringgit yang diperuntukkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulunglah ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang Pertama, saya sebutkan tadi mengenai pembaziran dan yang kedua ialah, kita mesti sentiasa berwaspada mengenai money laundering dan ketiga, kerana IOFC Labuan ini masih ketinggalan dan kita mesti mempergiatkan lebih dinamik, lebih aktif lagi untuk mengejar pusat-pusat yang lain yang sudah menjadi pusat IOFC berpuluh-puluh tahun dan kita

masih ketinggalan walaupun hasrat itu tinggi tetapi setakat ada 604 syarikat tidak cukuplah untuk menjadi IOFC yang terkemuka di dunia. Itupun kita tidak tahu jumlah wang yang dibawa masuk ke negara ini. Saya berharap dengan adanya pusat serenti ini Labuan boleh maju dan kita di dalam Malaysia pun boleh bersama-sama menikmati kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentiasa mengambil perhatian mengenai Labuan kerana ianya Wilayah Persekutuan dan bukannya wilayah Yang Berhormat Labuan sahaja. Ini di dalam Malaysia, takkan itu satu pulau untuk orang Labuan sahaja. Ini Wilayah Persekutuan. Dia tidak tahu langsung. Itulah sahaja, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.08 mlm.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tiada angin pun dia marah-marah. Kita menerima Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Labuan yang bercakap dalam perbahasan mengenai dengan penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mengambil perbahasan satu bidang yang mungkin bertentangan dengan ideologi politiknya. Kita membahaskan soal-soal inti di dalam ekonomi kapitalis, Yang Berhormat dari sebuah parti sosialis, saya hairan, dia sudah terkeluar daripada perjuangannya dan mungkin tindakan disiplin akan diambil ke atasnya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, saya pun kadang-kadang kasihan dengan Ahli Yang Berhormat sebab dia duduk dalam parti

yang salah. Kalau dia memperjuangkan pelabur-pelabur kecil sepertimana yang diperjuangkan oleh Ahli Kota Melaka tadi mungkin boleh diterima tetapi dia tidak pernah bercakap mengenai pelabur-pelabur marhaen yang menjadi sasaran perjuangannya dan beliau merupakan seorang kapitalis yang duduk di dalam parti sosialis iaitu satu inconsistency yang sangat-sangat menakutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga ini yang dibuat ialah untuk menggalak dan memajukan Labuan sebagai satu pusat offshore financial centre dan akta ini mengambil alih fungsi-fungsi dan tanggungjawab Bank Negara Malaysia dan juga Pendaftar Syarikat (ROC) dan kemungkinan di hari muka satu akta yang bernama Offshores Security Act akan dibentangkan dan ini akan membolehkan penubuhan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu penubuhan satu international stock market dan juga international monetary exchange. Ini adalah satu langkah yang pertama yang kita ambil untuk membolehkan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi diwujudkan.

Pada masa ini pihak Labuan Development Authority sedang mengkaji melalui penggunaan juru perunding untuk memulakan usaha-usaha ke arah yang saya katakan tadi iaitu mewujudkan international stock exchange dan international monetary exchange yang, insya-Allah, kerajaan akan meneliti dan akhirnya menubuhkan kedua-dua institusi ini dan apa-apa institusi lain untuk mencapai apa yang Yang Berhormat dari Kepong menyebut tadi "as the biggest IOFC in the world" dan paling "credible in the world". Jadi, semangat yang ditunjukkan oleh seorang sosialis tadi sangat-sangat disambut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah bertanya kepada kita mengenai dengan di manakah letaknya fungsi Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jadi, apakah Jabatan Hasil Dalam

negeri akan terus berfungsi seperti sedia kala. Fungsi Jabatan Hasil Dalam Negeri masih di bawah Kementerian Kewangan. Ia tidak sesuai untuk dipindahkan fungsi, iaitu di bawah Lembaga ini. Lembaga ini adalah bertujuan untuk hanya menjadi sebuah pusat serenti bagi pengawalseliaan industri kewangan di Labuan. Jabatan Hasil Dalam Negeri pada masa ini sedang dikorporasikan dan fungsinya adalah seperti sedia kala mengutip hasil dalam negeri, dan hasil-hasil lain untuk Perbendaharaan Negara. Ahli Yang Berhormat dari...

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia Bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya maksudkan ialah kita memang mengetahui tentang fungsi Jabatan Hasil Dalam Negeri, untuk mengutipkan cukai. Tetapi ada peruntukan di dalam pengubahsuaian Akta Cukai Luar Pesisir ini, kalau saya tidak silap LOBAT, yang lalu di mana mereka yang beroperasi di Labuan dalam mana-mana aktiviti atau perkhidmatan yang melibatkan aktiviti luar pesisir, dibolehkan untuk membuat pilihan sama ada untuk membayar 3%, kalau saya tidak silap ataupun RM20,000 cukai kepada setiap aktiviti setiap tahun. Jadi, kutipan ini dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Yang saya maksudkan tadi apakah ianya diserapkan dalam ini oleh kerana ianya melibatkan juga aktiviti-aktiviti IOFC bukan sahaja untuk memungut hasil dalam negeri untuk tujuan Perbendaharaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sebut bahawa fungsi Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah seperti sedia kala. Ia adalah status-quo, tidak diserapkan sepertimana Yang Berhormat sebut tadi, dan

diteruskan dengan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di bawah kemudahan offshore.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga membawa cadangan bagi definisi "offshore financial services" diperluaskan untuk merangkumi perkara-perkara lain seperti investment vehicle, amanah luar pesisir, perkongsian dan lain-lain. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, definisi offshore financial services tidak terhad kepada entiti kewangan luar pesisir seperti bank luar pesisir sahaja ataupun syarikat luar pesisir sahaja atau syarikat amanah dan syarikat insurans luar pesisir.

Di bawah perenggan C, ianya juga merangkumi orang-orang lain yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah undang-undang lain, iaitu mengenai dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir. Ianya tidak terhad kepada institusi yang saya sebut tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan bertanya di manakah tanggungjawab bagi pemasaran Labuan sebagai International Offshore Financial Centre (IOFC) diletakkan? Adakah ianya dilakukan daripada Labuan Development Authority (LDA) yang mana Ahli Yang Berhormat menjadi Ahli Lembagaanya? Ingin saya nyatakan di sini, di bawah Fasal 3, Akta ini memperuntukkan bahawa salah satu objektif Lembaga ini ialah untuk memajukan dan membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat untuk perkhidmatan pesisir. Labuan Development Authority (LDA) masih lagi akan berfungsi sebagai pihak berkuasa yang akan membangunkan kerangka infrastruktur ataupun fizikal infrastruktur dan kemudahan-kemudahan fizikal lain di Labuan, termasuk di dalam IOFC untuk memastikan bahawa Labuan berjaya sebagai sebuah IOFC.

Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi kedua-dua authority, Lembaga ini akan berjalan sebagai dua badan yang complementary ataupun seiring di dalam membangunkan Labuan; satu, dari segi physical infrastructure,

satu lagi dari segi financial infrastructure, dan ianya menjadi complementary dan supplementary yang akhirnya membawa kepada kemajuan muktamad ataupun kemajuan mutlak Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan membolehkan kedua-dua berfungsi seiringan dengan satu tanggungjawab yang sama tidak akan mendatangkan konflik dari segi kuasa, dari segi pengalaman dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan dan juga LDA. Kita menghadapi konflik ini dan amat sukar sekali untuk melaksanakan apa-apa tanggungjawab sekiranya ianya tidak disebutkan secara jelas. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi dari segi infrastrukturnya untuk membangun Labuan sebagai IOFC itu tanggungjawab LDA, dan mungkin tujuan promosi tanggungjawab Lembaga yang baru ini. Apakah ini benar, dan tidak ada lagi tanggungjawab untuk memasarkan, diletakkan kepada LDA?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bidang konflik di antara LDA dengan Local Council Labuan memang wujud, kerana LDA diberi tanggungjawab untuk memajukan ingrastruktur fizikal, dan juga Town Council, atau City Council Labuan telah pun menjalankan tanggungjawab itu semenjak Labuan dijadikan sebagai satu entiti kependudukan. Tetapi Lembaga yang hendak ditubuhkan ini ialah merupakan satu Lembaga yang hanya menjalankan usaha-usaha mewujudkan financial infrastructures. Jadi, bidang konflik tidak wujud. Yang disebutkan tadi sebagai complementary dan supplementary ianya menolong apa-apa kerja LDA di dalam satu kerangka pembangunan yang konflik. Saya menerima hakikat Yang Berhormat bercakap tadi mengenai wujudnya unit financial pelaburan di bawah LDA. Unit ini tidak berjalan dan fungsi unit ini diambil oleh lembaga yang ditubuhkan ini.

Jadi, apa yang ditakuti oleh Yang Berhormat mungkin besar tidak akan berlaku kerana ianya dijalankan di atas dua kehendak ataupun kehendak yang berlainan daripada kehendak yang dipenuhi oleh Labuan Development Authority.

Yang Berhormat menyebut tentang kelemahan Lembaga Pembangunan Labuan (LDA). Isu kelemahan Lembaga Pembangunan Labuan tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini. Walaupun Lembaga juga mempromosikan Labuan sebagai pusat kewangan luar persisir, namun penekanan Lembaga adalah tertumpu kepada infrastruktur sahaja sepertimana yang saya sebutkan.

Macam saya sebutkan tadi, sebaliknya Lembaga yang ditubuhkan ini di bawah Rang Undang-undang yang dibacakan tadi pula akan menjadi regulatory body dan akan mengambil alih tanggungjawab Bank Negara dan Pendaftar Syarikat sahaja. Pada hal di dalam Town Council Labuan dahulu tidak ada fungsi-fungsi Bank Negara dan juga Pendaftar Syarikat.

Yang Berhormat mencadangkan menteri memberikan kuasa untuk mengecualikan mana-mana undang-undang domestik daripada terpakai. Sebagai menjawab saranan Yang Berhormat tadi, ingin saya nyatakan di sini, menteri sudah pun diperbolehkan membuat pengecualian di bawah undang-undang spesifik, domestik yang dikawal selia, iaitu Offshore Companies Act dan Offshores Banking Act jika perlu menteri berbuat demikian.

Oleh itu, kuasa pengecualian tidak diperlukan dalam Rang Undang-undang yang kita perbincangkan pada hari ini kerana Offshore Companies Act dan Offshore Banking Act itu juga dikawal selia oleh menteri yang sama, iaitu Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga menanyakan apakah had pemakaian undang-undang tempatan di Labuan, terutama sekali Akta Suruhanjaya Sekuriti. Adakah Akta Perindustrian Sekuriti meliputi Labuan (IOFC), adakah menteri boleh membuat pengecualian undang-undang terhadap Labuan IOFC. Apabila Suruhanjaya Sekuriti ditubuhkan dalam tahun 1993 sesuatu perintah menteri telah pun diwartakan pada 1hb Mac 1993 yang mengatakan bahawa semua terbitan sekuriti oleh syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan tidak perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dan juga semua amanah saham yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat luar pesisir tidak perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti. Akta Perindustrian Sekuriti akan dikuatkuasa ke atas Labuan sehingga sebuah Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir digubalkan tidak lama lagi sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Saya telah menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, satu perkara yang bernas dibangkitkannya ialah bilakah Rang Undang-undang Amanah dan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir akan dibentangkan? Jawapannya saya telah beri awal-awal tadi, Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat berpuas hati dengan itu. Yang Berhormat itu geleng kepala, dia berpuas hati.

Yang Berhormat telah membangkitkan masalah pembaziran iaitu 1.8 juta kaki persegi tidak dapat digunakan sepenuhnya. Saya minta Yang Berhormat sabarlah. Dalam nada yang sama Yang Berhormat mengakui bahawa kita baru 5 tahun, kita membuat itu adalah memandang ke hadapan – proaktif. Jadi, dengan adanya Lembaga ini, dengan adanya lain-lain syarikat yang datang maka keseluruhan ruang itu akan dipakai dengan baik dan saya pasti pembaziran tidak akan berlaku. Yang Berhormat tanya

saya berapa banyakkah wang dicurahkan untuk pembangunan di Labuan dalam masa 5 tahun? Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak dapat memberi hari ini, esok saya akan beri. Pegawai saya di belakang pun tidak dapat kerana mereka terpaksa balik buka buku peruntukan untuk tahun hadapan. Kasihanlah kepada saya sedikit, Yang Berhormat minta berlebihan-lebihan, jadi yang mana saya boleh beri, saya beri.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai dengan Lembaga Pembangunan Labuan dan Lembaga ini tidak bercanggah. Memang tidak bercanggah sepertimana yang saya nyatakan. Mengenai dengan money laundering, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. Kita kena jaga dalam hal ini, tetapi dalam keadaan IOFC, kadang-kadang hendak jaga itu pun susah dan orang-orang yang hendak launder, membersihkan wang, selalunya dia cari tax heaven, macam Labuan ini. Dia cari Jersey – Yang Berhormat pun tahu Jersey, saya ingat Yang Berhormat tidak tahu Jersey – Caymen Island, Luxemburg

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pokok Sena Bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab dia puji Kepong. Saya ingin tahu sama ada kes Yang Berhormat Kepong ini, “is it good man in bad party, or good brain in bad man”? (Ketawa)

Dato’ Dr. Affudin bin Haji Omar: Saya setuju dengan yang pertama “good man in bad party”, tetapi “good brain in bad man” saya tidak setuju, sebab dia adalah sahabat saya. Kita pergi conference sekali, dalam Dewan ini kita berkelahi tetapi di luar kita baik dan saya tahu

Ahli Yang Berhormat dari Kepong adalah seorang patriot yang mempunyai semangat patriotismnya yang cukup tinggi. Misalannya dia memakai baju yang di jahit di Kota Bharu, neck tie yang dibuat di Kota Bharu dan dia tidak sekali-kali.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*menunjukkan tali leher*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Neck tie buat di mana? Di Pulau Pinang? Golok? (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Bank Rakyat punya!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Oh, Bank Rakyat punya, yang saya beri kepadanya 3 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya dapat memberi jawapan kepada dua orang sahabat saya daripada Labuan - memang Labuan dia perlu bercakap banyak dalam hal ini kerana ia melibatkan kawasan pilihan raya dia dan yang Kepong hendak marah-marah, hendak menekankan hakikat bahawa Wilayah Persekutuan Labuan adalah hak dia juga - semua orang tahu, Yang Berhormat. Wilayah Persekutuan juga hak saya, hak rakyat di Padang Terap kerana ianya Wilayah Persekutuan, bukan hak Kepong sahaja. Hak semua, hak rakyat Pokok Sena, walaupun ramai orang Pokok Sena tidak pernah datang ke Kuala Lumpur. Jadi, inilah, tidak perlu Yang Berhormat marah-marah mengenai dengan Labuan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya, kalau ada yang tertinggal, saya akan selesaikan di hari muka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1995

Bacaan kali yang Kedua dan Ketiga

7.29 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan Negara, 1996 di Dewan Rakyat pada 27hb. Oktober, 1995 telah mengumumkan bahawa levi sebanyak RM100,000 akan dikenakan oleh pihak berkuasa negeri bagi setiap pemerolehan tanah oleh kepentingan asing.

Kepentingan asing yang dimaksudkan ialah orang bukan warganegara, syarikat asing dan syarikat tempatan yang dikuasai oleh mereka. Semenjak tahun 1993, orang bukan warganegara dan syarikat asing tidak boleh memiliki tanah selain daripada tanah industri tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri. Semasa kelulusan diberi, pihak berkuasa negeri boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi peruntukan bagi membolehkan levi dikenakan apabila kelulusan diberi kepada orang yang bukan warganegara atau syarikat asing untuk memperolehi tanah bermilik atau kepentingan mengenainya. Levi yang dikenakan perlu dibayar dalam tempoh tidak melebihi satu bulan. Jika tidak, kelulusan akan luput dan urusan itu tidak akan didaftarkan.

Peruntukan juga diadakan untuk menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sebanyak tidak kurang daripada RM100,000 jika orang yang bukan warganegara atau syarikat asing memperolehi tanah bermilik atau kepentingan mengenainya secara kontrak tanpa kelulusan pihak berkuasa negeri. Jika sesiapa sahaja membuat kontrak memindah milik atau melupuskan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya kepada orang yang bukan warganegara atau syarikat asing tanpa kelulusan pihak berkuasa negeri, kontrak tersebut adalah tidak sah. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah untuk tanah yang digunakan, bukan untuk industri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama yang lain ialah melanjutkan pemakaian sekatan kepada:

- (i) Syarikat asing;
- (ii) syarikat tempatan ditubuhkan oleh bukan warganegara atau syarikat asing yang dimiliki 30% atau lebih

daripada sahamnya oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing; dan

- (iii) syarikat tempatan yang dimiliki 30% atau lebih oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing.

Pindaan ini dibuat bagi memperkemas cara-cara pelaksanaan sekatan supaya kedudukan kepentingan tempatan lebih terjamin. Satu lagi pindaan utama ialah yang berkaitan dengan pembelian surat kuasa wakil atau power of attorney, dengan izin. Di bawah peruntukan yang dicadangkan, orang yang bukan warganegara atau syarikat asing tidak dibenarkan sama sekali menyempurnakan apa-apa surat cara atau surat ikatan di bawah surat kuasa wakil berkaitan dengan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang meminda atau melupuskan tanah atau kepentingan mengenainya kepada sesiapa sahaja.

Ini adalah untuk mengelak orang yang bukan warganegara atau syarikat asing daripada menggunakan surat kuasa wakil bagi mendapat hak ke atas tanah atau kepentingan mengenainya apabila ia tidak boleh mendapatkannya melalui cara-cara lain yang akan dilarang melalui pindaan-pindaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan tindakan diambil ke atas sesebuah pertubuhan perbadanan seperti syarikat apabila ia melakukan sesuatu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara, peruntukan telah dimaktubkan di dalam rang undang-undang ini dengan menyatakan bahawa pegawai-pegawai tertentu syarikat itu boleh didakwa dan jika syarikat itu disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan, pegawai-pegawai itu disifatkan telah melakukan kesalahan melainkan mereka dapat membuktikan mereka tidak bertanggungjawab ke atas kesalahan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak berkuasa negeri meluluskan pemerolehan tanah ataupun kepentingan mengenainya di bawah seksyen 433B(1) Kanun Tanah Negara melalui pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara, pihak berkuasa negeri bolehlah mengenakan levi sebanyak RM100,000 bagi setiap tanah bermilik atau setiap kepentingan mengenainya. Ini juga bermakna bahawa levi sebanyak RM100,000 itu akan dikenakan bagi setiap petak bangunan yang dipecah-bahagi di bawah Akta Hak Milik Strata 1985.

Bagi pemerolehan di bawah seksyen 433E Kanun Tanah Negara pula melalui pemindahan atau pelupusan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang tidak memerlukan pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara, levi RM100,000 boleh dikenakan untuk perkara-perkara berikut:

- (a) Setiap tanah bermilik;
- (b) bahagian yang tidak dipecahkan mengenai tanah bermilik;
- (c) kepentingan mengenai tanah bermilik;
- (d) setiap bahagian tanah bermilik; dan
- (e) setiap bahagian bangunan yang akan didirikan di atas tanah dibermilik seperti petak dalam bangunan berbilang tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharap pindaan-pindaan kepada Kanun Tanah Negara seperti dinyatakan diatas dapat mengawal dengan lebih berkesan lagi pemerolehan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya yang bukan untuk maksud industri oleh orang yang bukan warganegara atau syarikat asing.

Selain daripada itu, pengenaan levi RM100,000 bagi setiap pemerolehan tanah bermilik atau kepentingan mengenainya kecuali tanah industri akan memperketatkan lagi kawalan ke atas pemerolehan tanah. Levi juga dapat

dikutip dengan teratur. Langkah-langkah tersebut dijangka akan mengurangkan spekulasi ke atas hartanah dan menjamin kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Yan.

7.38 m/m.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mengutarakan Rang Undang-undang Kanun Tanah (Pindaan) ini dan tahniah juga kepada Timbalan Menteri yang begitu fasih dalam menyampaikan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar ucapan tadi dan yang ingin saya sentuh ialah tentang tanah industri.

Saya difahamkan dalam ucapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengecualikan tanah-tanah industri daripada levi. Saya ingin mencadangkan supaya tanah-tanah industri ini kalaulah tidak dikenakan levi, mungkin akan menyulitkan. Kalau kita kena levi ini akan menyusahkan pelabur-pelabur masuk ke negara kita. Tetapi saya ingin mencadangkan supaya tanah ini di"lease"kan sahaja ataupun dipajakkan sahaja kepada syarikat-syarikat industri berkenaan supaya tanah ini tidak terus terlepas ke tangan pelabur-pelabur asing.

Jadi, kalau kita pajakkan, kita pajak, katakanlah dalam 30 tahun atau 60 tahun, maka tanah ini kelak akan menjadi milik kita juga. Yang kita bimbang kerana negara kita ini tidak begitu besar dan kalau tanah-tanah dalam kawasan-kawasan industri yang strategik yang berada di dalam kawasan-kawasan yang baik ini akhirnya kadang-kadang akan terlepas ke tangan orang-orang asing dan ini akan merugikan kita dari segi jangka masa yang panjang.

Jadi, saya harap, kalau boleh, Kementerian akan mempertimbangkan semula supaya tanah-tanah industri ini bagi pelabur-pelabur asing hanya dipajakkan kepada mereka sejajar dengan investment yang mereka laburkan atau pelaburan yang mereka laburkan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah berkenaan dengan usaha sama. Kadang-kadang syarikat-syarikat asing ini akan memperalatkan rakyat Malaysia untuk memohon tanah dan mungkin di dalam struktur pembentukan syarikat tersebut, ekuiti yang dipegang oleh rakyat Malaysia akan melebihi ekuiti yang dimiliki oleh pelabur-pelabur asing.

Saya berharap bahawa pihak Kementerian akan dapat menasihati kerajaan-kerajaan negeri, walaupun dalam kita ghairah untuk menarik pelabur-pelabur asing, kita kena pastikan bahawa usahasama-usahasama yang dijalankan ini benar-benar memanfaatkan rakyat Malaysia supaya tanah ini janganlah dijadikan satu benda yang akan di"capitalise"kan oleh syarikat ini untuk menambahkan modal mereka kelak kerana kita dapati kadang-kadang ada syarikat yang dikuasai ekuitinya oleh rakyat tempatan atau rakyat Malaysia, tetapi dari segi hakikat pengurusan syarikat tersebut sebenarnya dipunyai oleh rakyat asing.

Mereka ini telah membuat perjanjian, walaupun di dalam ini dinyatakan bahawa

PA yang mereka buat ini tidak boleh diperakui ataupun diterima, tetapi dari segi understanding yang tersirat di antara pelabur asing dan pelabur tempatan itu selalunya menguntungkan pelabur-pelabur asing.

Jadi, saya berharap pihak Kementerian akan dapat menasihati ataupun mengadakan satu peraturan khusus untuk memastikan kita menerima dengan baik pelaburan asing demi untuk penumbuhan ekonomi negara kita, tetapi kita mesti merasa cemburu dari segi kerugian tanah yang kelak akan terlepas kepada pelabur-pelabur asing.

Kerana saya dapati ada juga syarikat-syarikat yang melabur di Malaysia ini ditutup setelah pelaburan ataupun perniagaan mereka itu tidak mendatangkan keuntungan. Tetapi mereka mendapat keuntungan yang berlipat ganda daripada penjualan tanah tersebut ataupun penjualan industri atau kilang yang mereka bina itu.

Jadi, ini adalah satu perkara yang perlu kita pandang berat supaya tanah ini perlu kita kawal dengan sebaik-baiknya. Kerana, orang berperang kerana tanah. Kita tengok di Bosnia, peperangan itu adalah kerana hendak memiliki jajahan dan tanah. Jadi, kalau kita di sini melonggarkan syarat-syarat, mungkin kita tidak dijajah secara ketenteraan, tetapi satu hari nanti kita mungkin dijajah secara ekonomi dan ini akan merugikan rakyat Malaysia untuk jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, levi yang dikenakan sebanyak RM100,000 bagi saya adalah kecil kerana RM100,000 duit kita, kalau kita bandingkan dengan duit US Dolar ataupun Pound ataupun Singapore Dollar (S\$) begitu kecil bagi mereka. Jadi, saya mencadangkan supaya levi ini dinaikkan. Kita takut macam Johor Bahru, boleh dikatakan kebanyakan tanah-tanah di Johor Bahru itu hari ini dimiliki oleh orang Singapura. Begitu

juga bangunan-bangunan. Sebab itulah, sekarang ini harga tanah di Johor Bahru begitu tinggi sedangkan rakyat Malaysia sendiri tidak mampu untuk memiliki tanah-tanah tersebut.

Jadi, saya mencadangkan levi ini dinaikkan kepada RM200,000, iaitu dua kali ganda kepada warganegara asing yang datang untuk memiliki tanah atau rumah di negara kita ini. Kita tidak mahu, kera di hutan disusui, kemudian anak di rumah mati kelaparan. Susu boleh beri pada orang, kita ini kurus kering. Jadi, yang ini saya tak mahu. Saya sayang tanah, Tuan Yang di-Pertua.

Hari ini, cuba kita tengok orang-orang tua-tua kita dahulu, dia pugar tanah. Orang Kedah kata, pugar, dia buka tanah. Mana bulldozer, mana ada traktor? Mana ada mesin gergaji? Tidak ada! Yang pakai karan atau pakai motor ini tidak ada! Pakai tangan! Buka tanah bukan main susah.

Jadi, selepas itu, bila mai tang anak cucu, kita sekarang ini hendak beli tanah sepenjuru pun susah. (*Ketawa*) Hendak beli tanah sepenjuru pun susah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok surat-surat dan iklan-iklan semasa yang dok jual satu relung sampai sejuta! Kita tengok sahalalah, kita hendak beli tidak mampu! Yang boleh beli orang kaya-kayalah, tetapi takkanlah kita pun tak teringin hendak beli tanah.

Harap-haraplah tanah-tanah, kot-kot kerajaan beri ampun kurnia di peringkat negeri dan sebagainya. Itu pun kalau dapat. Kalau tidak dapat, tidak adalah! Macam kita, Ahli Dewan Rakyat di Parlimen ini, bukan boleh memiliki tanah di negeri. Macam negeri, yang mana menjadi Exco atau menjadi wakil rakyat negeri bolehlah dapat tanah kerajaan negeri. Kita hendak minta tanah Wilayah Persekutuan pun besar mana? Dia beri kepada Ahli Parlimen sepenggal pun cerah habis wilayah kita ini.

Jadi, saya mintalah kerajaan pertimbangkan levi ini dipertingkatkan. Kerana RM100,00 mungkin bagi kita, rakyat Malaysia, kita berasa besarlah, RM100,000. Tetapi kalau kita ambil mengikut pound, RM100,000 baru ada berapa ribu duit depa sahaja? 25,000 paun, anytime, dengan izin. They can afford anytime, dengan izin. (*Ketawa*) Since I am talking about pound, I have got to speak in English, (*Ketawa*) dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah tiga perkara yang ingin saya bincangkan pada hari ini kerana pindaan Akta Tanah ini saya tunggu kerana benda ini, tanah ini bukan benda yang boleh main-main. Seinci tanah kita adalah maruah bagi kita. Jadi, kita kena jaga tanah ini elok-elok dan kalau boleh Kementerian Tanah ini tolong nasihatkan kerajaan-kerajaan negeri, jangan terlampau seronok dok tarik investor masuk. Mai masuk, mai masuk, kita dok suap tanah beri dekat depa, depa duit banyak, depa beli tanah dan akhirnya kita pula kena menumpang di atas tanah negara kita sendiri.

Jadi, inilah yang akan mengecewakan kita. Mungkin bagi hari ini, tak apalah fasal kita masih boleh duduk dengan elok, tetapi kita takut nasib anak cucu kita. Janganlah anak cucu kita menjadi setinggian di atas tanah ayah mereka sendiri ataupun anak cucu kita tidak lama menjadi pelarian di tanah air mereka sendiri. Inilah yang merugikan kita dan pada ketika itu anak-anak cucu kita akan marahkan kita. Dia akan marahkan kita, dia kata, wakil-wakil rakyat dahulu, tok wan-tok wan kita dahulu tidak guna, tidak bela depa hingga depa terpaksa lari merata kerana tidak ada tanah.

Jadi, itulah hasrat dan harapan saya dan ini juga harapan orang kampung suruh mai pesan di Dewan Rakyat ini supaya kerajaan jagalah tanah ini elok-elok dan perketatkan undang-undang ini. Kerana kita hendak bahaskan tentang

pengambilan tanah itu, lain kalilah. Kita hendak bentang yang lain. Yang itu panjang cerita lagi. Kita pun tak mahu balik malam fasal malam ini malam Jumaat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita hendak kena balik awal. Saya tak apa, tetapi ini pegawai-pegawai ini. Tang saya tak apa, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, itulah saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong Karang.

7.49 m/m

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kanun Tanah Negara (Pindaan) pada petang ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah ke atas pandangan jauh pihak kerajaan dengan menetapkan syarat-syarat pindah milik tanah kepada warganegara asing ataupun syarikat asing.

Walaupun dalam usaha kerajaan menarik pelabur-pelabur asing untuk memajukan negara kita dalam semua sektor terutamanya sektor industri tetapi dalam masa yang sama kita juga tidak mahu dalam keghairahan kita untuk memajukan negara kita, akhirnya nanti negara kita yang kita banggakan begini mewah pembangunannya begitu pesat tetapi akhirnya apabila kita kaji berapa banyak tanah yang tinggal kepada warganegara kita, kita khuatirnya hanya tinggal sekanggang kerua.

Saya percaya dengan adanya pandangan jauh kerajaan ini, dengan syarat-syarat yang ketat ini, maka pindah milik warganegara asing yang mempunyai modal yang begitu banyak yang sepertimana yang sepertimana Yang Berhormat Yan mengatakan tadi levi

RM100,000 bagi mereka terlalu sedikit dan kalau kita letakkan RM200,000 pun, saya yakin dalam usaha mereka untuk mengembangkan sektor industri mereka dan juga perniagaan mereka, mereka mungkin akan mampu juga untuk membayar levi, beberapa banyak levi yang kita kenakan.

Oleh itu, di samping akan dapat mengatasi kekurangan tanah yang kalau kita tidak sekat akan berpindah kepada warganegara asing. Kita juga sedikit sebanyak akan dapat mengatasi masalah perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan pada hari ini kita semua tahu, setiap kali apabila borang rumah murah dikeluarkan, maka berebut-rebut rakyat akan mengambil borang. Di Selangor, dalam dua bulan lepas, apabila kerajaan negeri Selangor mengeluarkan borang, borang sahaja untuk didaftarkan sebagai pemohon rumah-rumah murah, beribu rakyat negeri Selangor berebut mengambil borang sehinggakan ada pejabat-pejabat daerah yang pecah cermin pejabatnya sehingga terpaksa pakai polis untuk mengawal. Ini menunjukkan bahawa rakyat negara kita masih lagi dahagakan rumah dan rumah masih kekurangan bagi mereka yang kurang mampu.

Dalam usaha kerajaan untuk membantu rakyat-rakyat miskin kita lihat berbagai-bagai usaha telah dibuat, kerajaan telah memberikan tabung untuk membantu pemaju perumahan, kerajaan juga telah mengadakan berbagai-bagai syarat untuk memastikan setiap pembinaan perumahan itu mestilah ada rumah-rumah kos rendah itu dibina tetapi kita lihat sambutan yang diberi oleh pihak pemaju ini amat menyedihkan. Mereka selalu menyatakan bahawa kalau tanah yang mereka beli, mereka mestilah membuat rumah yang mewah. Mereka selalu menyatakan bahawa mereka mendapat keuntungan yang sedikit walaupun kita faham untuk memajukan satu-satu projek ini kadang-

kadang mengambil masa yang lama, memakan modal yang banyak, tetapi kita ingin merayu kepada pihak-pihak pemaju perumahan ini supaya merasakan tanggungjawab mereka ke atas sosial ataupun ke atas rakyat-rakyat yang masih lagi dahagakan rumah.

Kita lihat pemaju-pemaju di negara kita ini bagi saya mereka adalah lebih beruntung kalau kita bandingkan dengan pemaju-pemaju dari negara lain. Kebanyakan pemaju-pemaju perumahan daripada swasta, mereka menjual rumah yang tanahnya masih lagi gunung-gunung, yang tanahnya masih lagi dipenuhi oleh hutan rimba tetapi mereka telah dapat 10% apabila menandatangani perjanjian jual beli. Mereka ini membina rumah dengan duit yang dibayar oleh pembeli dan juga progress payment yang kita bayar mengikut kemajuan satu-satu projek, maka saya rasa dengan kemudahan yang begitu banyak yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, maka pihak pemaju sepatutnya memandang lebih berat mengenai untuk membela nasib rakyat yang termiskin masih lagi dahagakan rumah.

Oleh itu langkah kerajaan meminda Akta Kanun Tanah ini saya rasa sudah sampai masanya. Pertama, kita harap apabila kerajaan menaikkan harga rumah ini ataupun harga tanah ini, seandainya pihak warganegara asing ataupun syarikat asing menganggap bahawa harga di sini boleh jadi harga tanah ataupun rumah di sini mahal, maka akhirnya kemungkinan mereka tidak lagi berminat untuk membeli rumah.

Walau bagaimanapun, kita yakin, walaupun warganegara asing ataupun syarikat asing tidak mampu membeli rumah ataupun tanah di negara kita, tetapi kalau rumah dan tanah ini dijual dengan harga pasaran yang bersesuaian dengan kemampuan pembeli-pembeli di negara kita, maka kita percaya bahawa rumah-rumah yang akan dibina nanti akan dapat memberi peluang yang lebih kepada rakyat di negara kita sendiri.

Sebagai contoh, kalau dahulu mereka membina rumah-rumah mewah dengan harapan mereka rumah-rumah ini akan dibeli oleh syarikat asing tetapi apabila orang-orang asing ini tidak datang membeli, maka mereka tidak ada pilihan lain. Pemaju-pemaju perumahan ini mahu tidak mahu mereka terpaksa membina rumah yang bersesuaian dengan kemampuan pembeli-pembeli di negara kita dan kita juga berharap bahawa pihak pemaju perumahan akan lebih memikirkan pembinaan rumah ini bukan sahaja dari segi keuntungan tetapi juga daripada segi keperluan rakyat di negara ini untuk memiliki rumah.

Yang kedua juga, kita harap dengan adanya sekatan ini, maka spekulasi ataupun ralaman-ramalan kenaikan harga rumah yang pada hari ini kita lihat harga rumah naik begitu tinggi, yang kadangkala kita lihat tidak mampu dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan rendah, ini sekadar ramalan-ramalan yang mungkin mengatakan bahawa apabila beli rumah hari ini mungkin dua tiga hari rumah ini boleh dijual dengan harga yang lebih mahal dan ada juga yang pernah berlaku, rumah dibeli dengan harga RM100,000 rumahnya belum siap baru dua tiga bulan sign perjanjian jual-beli rumah itu telah dipindahmilik dengan harga yang begitu untung.

Oleh itu pembeli-pembeli ini kadangkala mereka mengambil kesempatan ini kerana mereka tahu bahawa mereka membeli dengan harga yang murah pada hari ini, tetapi oleh kerana mereka melihat permintaan rumah yang begitu tinggi, maka mereka mengambil risiko beli pada hari ini dan menjual pada harga yang mahal dalam masa yang begitu singkat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita harus ingat dengan adanya undang-undang ini sedikit sebanyak akan menjejaskan pembangunan negeri-negeri yang sekarang ini masih lagi ketinggalan kerana apabila sekatan ini diadakan, kita juga khuatir bahawa pelabur-pelabur

asing ini mungkin tidak mahu lagi membeli tanah-tanah ataupun rumah-rumah yang dibuat di negeri-negeri yang masih lagi ketinggalan daripada segi pembangunannya kerana dari segi pembangunan negara terutamanya negeri-negeri yang masih lagi dalam proses boleh dikatakan pembangunannya masih tertinggal, mereka ini sudah tentu sedikit sebanyak mengharapkan pelabur-pelabur asing ini menanam modal dan juga bersama-sama mengambil bahagian untuk memajukan negeri mereka.

Yang kedua, dengan adanya undang-undang ini sudah tentu akan menjejaskan pemaju-pemaju perumahan yang pada hari ini ataupun yang pada masa ini sedang membuat rumah ataupun sedang merancang ataupun sedang membuat iklan untuk menjual rumah-rumah mewah mereka, apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, kita kluatir pemaju-pemaju perumahan yang ada hari ini sedang dalam proses pembinaan rumah ini, sudah tentu sedikit sebanyak penjualan ataupun pasaran rumah mereka ini akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan tahniah di atas pandangan jauh kerajaan dan juga kita berharap bahawa pihak pemaju perumahan akan sedar matlamat kerajaan bukan semata-mata untuk melihat negara ini bangun dengan jurang yang begitu jauh yang kadang-kadang kita lihat kondominium dibina begitu tinggi, begitu indah tetapi apabila kita naik kondominium itu kita lihat di bawah berselerakan rumah-rumah setinggalan di sekeliling kondominium yang begitu indah. Oleh itu, kita tidak mahu menggambarkan, seandainya kondominium yang indah ini dibeli oleh rakyat asing, kita tidak mahu mereka melihat dari jendela kondominium mereka seolah-olah negara kita ini begitu mengamalkan diskriminasi, yang kaya terlalu kaya, yang miskin terlalu miskin apabila mereka melihat rumah-rumah setinggalan yang berselerakan di keliling kondominium mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan mesyuarat*)

Oleh itu kita berharap bahawa pihak pemaju perumahan akan dapat menghidu hasrat kerajaan untuk memperbanyakkan rumah-rumah ini untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat di negara kita.

Saya, dengan ini saya mohon menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh.

7.59 mlm.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini adalah perlu, saya berpendapat bahawa pindaan ini adalah sesuai dan wajar kerana kita wujudkan satu sekatan-sekatan supaya keupayaan rakyat tanah air kita jatuh ke tangan orang-orang asing yang melalui cara yang tidak sesuai ataupun melalui power of attorney, melalui orang yang lain untuk keupayaan tanah itu.

Saya berpendapat bahawa denda atau levi sebanyak RM100,000 terhadap pihak yang tertentu itu adalah rendah sekali, patut ditingkatkan satu atau dua kali ganda ataupun RM200,000 ataupun RM300,000 kerana amaun ini adalah dianggap sangat kecil pada hari ini.

Saya akan memberi pandangan dari aspek-aspek yang lain mengenai kemajuan pembangunan tanah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemilik-pemilik tanah akan menghadapi masalah sekiranya penyelarasan tidak ada di antara pejabat-pejabat dalam jabatan kerajaan mengendalikan urusan pembangunan yang berkaitan dengan tanah. Hari ini dalam akhbar *Berita Harian*, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mendedahkan terdapat kerajaan negeri

dan majlis tempatan yang meluluskan projek kepada pemaju perumahan yang disenaraihitamkan. Maknanya pemaju perumahan boleh mendapatkan tanah dengan mudah melalui kerajaan negeri atau majlis tempatan bagi projek mereka.

Oleh itu, siapa yang lebih berkuasa dalam urusan tanah ini sama ada pejabat tanah atau majlis tempatan? Apakah Kanun Tanah Negara ini tidak boleh menghalang kerajaan negeri atau majlis tempatan dari meluluskan satu-satu projek yang berkaitan dengan kegunaan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai pertindihan kuasa dalam urusan tanah, misalnya dalam kes surat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan PTG/WP.3/16/93 bertarikh 16hb April, 1993 kepada penduduk di Nombor 154, Jalan Kerayong Kecil, Salak Selatan diminta berpindah tetapi tidak ada penyelarasan dengan DBKL yang menyediakan rumah panjang untuk mereka berpindah. Sepatutnya dalam urusan memindahkan mereka, pejabat tanah perlu ada penyelarasan dengan DBKL bagi menyediakan tempat mereka berpindah. Tanah adalah harta yang penting kepada sesiapa sahaja sama ada untuk perumahan mahupun pertanian.

Oleh itu rakyat perlulah diberi jaminan bahawa hak milik ke atas tanah mereka sentiasa selamat supaya tidak berlaku "ping ce ye, ping fu ce ye"—orang yang kaya menjadi lebih kaya, orang miskin menjadi lebih miskin.

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Liew Ah Kim: Mesti fahamlah, belajar sedikit.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: "Woh fu tung".

Tuan Liew Ah Kim: Parit Sulong memang tahu sedikit. *(Ketawa)*

Saya dengarlah.

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara hendaklah memberi perlindungan kepada hak milik kepada pemilik-pemilik tanah kerana sebelum ini MCA dan Gerakan sudah pun bersubahat dengan merampas tanah mereka yang mempunyai tanah. Sepatutnya melalui Kanun Tanah Negara ini kita mestilah mempunyai dasar memberi tanah kepada golongan yang tidak bertanah bukan merampas tanah daripada mereka yang hanya memiliki sedikit tanah seperti di Melaka, Seremban, Kedah dan Perlis.

Dato' Yap Pian Hon: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Serdang bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Berucap masa sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri atau tidak? Tidak beri!

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bukanlah mengambil tanah rakyat sahaja tetapi mestilah memberi perlindungan kepada tanah yang mempunyai nilai sejarah dan warisan supaya tidak dimusnah oleh golongan korporat yang tamak haloba. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sendiri, Stadium Merdeka adalah warisan negara, mempunyai nilai sejarah yang perlu dilindungi di bawah Kanun Tanah Negara.

Sekiranya tanah yang mempunyai nilai sejarah dan warisan negara ini dimusnahkan, maka generasi akan datang juga akan merupakan sejarah yang amat berharga, janganlah salahkan rakan muda. Dalam satu temuramah dengan rancangan Malaysia Hari Ini di TV tidak lama dahulu apabila dia memberitahu Yang Berhormat Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar ialah seorang penyanyi. Belum pun masuk abad ke-21 rakan muda kita itu tidak

kenal siapa Abu Hassan Omar? Oleh itu, bagaimana mereka mahu mengetahui latar belakang sejarah negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Saya rasa Yang Berhormat lari jauh sangat daripada tajuk, kita membicarakan masalah pemindaan akta untuk memperuntukkan memberi levi, telah sampai kepada tanah kepada Datuk Bandaraya dan sebagainya. Saya menghormati Ahli Yang Berhormat, tetapi saya rasa Yang Berhormat perlu menghormati orang lain juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kembali kepada akta Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Saya fikir tak lari jauh.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjung Karang bangun Yang Berhormat. Tanjung Karang bangun minta jalan.

Tuan Liew Ah Kim: Tak payah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak boleh.

Tuan Liew Ah Kim: Ini adalah kena-mengena dengan kemajuan tanah ataupun simpanan tanah. Ini tanah bersejarah patut kita mempertahankan.

Tuan Noh bin Omar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Ada point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Noh bin Omar: Tadi Yang Berhormat sebut nama, sedangkan dalam Dewan ini kita tidak sebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Siapa yang Ahli Yang Berhormat sebut, Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Dato' Haji Hassan bin Haji Omar.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, itu satu wawancara dalam satu rancangan di TV—itu orang sebut, orang tak tahu nama itu memang boleh. Ini lawyer, dia mana tahu.

Tuan Noh bin Omar: Tetapi Yang Berhormat itu tidak ada dalam Dewan. Tetapi dia Ahli Dewan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak boleh sebut nama Yang Berhormat, ya. Okay, sila teruskan.

Tuan Fu Ah Kiow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi yang bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, apa dia?

Tuan Fu Ah Kiow: 31(1). Saya minta satu ruling. Sebenarnya akta ini adalah berkenaan dengan levi. Apa yang diucapkan berkenaan dengan pengambilan tanah itu tidak kena-mengena dengan apa yang disebutkan dalam akta pindaan ini. Ini adalah satu akta yang khusus mengenai dengan levi. Saya minta satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya harap Suputeh akan ambil perhatian Yang Berhormat. Apa yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi berkaitan dengan Kementerian beliau, beliau lebih tahu berkaitan dengan akta itu. Yang Berhormat minta kembali kepada akta itu.

Tuan Liew Ah Kim: Saya memang faham, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini berkenaan pindaan kepada Kanun Tanah Negara, dari aspek yang lain, patut masuk,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, pindaan-pindaan itu ada terkandung di dalam akta yang ada sekarang ini.

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun hendak minta jalan.

Tuan Lim Si Cheng: Saya mohon minta penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Pendekkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri.

Tuan Liew Ah Kim: Tak beri.

Tuan Lim Si Cheng: Sebab tidak ada kena mengena dengan MCA, dengan rakan muda. (*Ketawa*)

Tuan Liew Ah Kim: You langsung tak faham apa saya sebut. Saya bercerita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta teruskan, Yang Berhormat ada 5 minit. Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Itu susahlah, untuk sesuatu yang tidak faham apa saya cerita. Dengan ini tanah warisan dan mempunyai nilai sejarah seperti Bukit China di Melaka, Stadium Negara, Stadium Merdeka di Wilayah Persekutuan, Bukit Melawati di Selangor hendaklah dilindungi di bawah Kanun Tanah Negara ini.

Tuan Lim Si Cheng: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun hendak minta jalan.

Tuan Liew Ah Kim: Tak beri.

Tuan Lim Si Cheng: Dia tak fahamlah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak beri.

Tuan Liew Ah Kim: Dan menjadi suatu kesalahan melanggar Kanun Tanah Negara sekiranya dimusnahkan.

Seksyen 124 dan 124A Kanun Tanah Negara tidak menentukan tempoh yang diberikan kepada Pengarah Tanah untuk melulus atau menolak sebarang permohonan untuk menukar syarat kegunaan tanah dan permohonan untuk pecah tanah atas tanah yang dimajukan oleh pemaju-pemaju. Keadaan ini menyebabkan ada bangunan-bangunan

berkenaan masih tidak diberikan strata titles lebih daripada lima tahun. Oleh itu peruntukan mengenai....

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun lagi.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Boleh saya minta penjelasan sedikit? Saya sangat tertarik dengan ucapan dia. Saya minta sedikit penjelasan. Saya ingat Yang Berhormat baik orangnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat ini, adakah kemungkinan Yang Berhormat ini tersalah baca skrip. Dia siap untuk strata title tetapi dia bahaskan untuk hal ini. (*Ketawa*)

Tuan Liew Ah Kim: Kena hormatlah kepada seseorang wakil rakyat!

Seorang Ahli: Betul, betul.

Tuan Liew Ah Kim: Tak usah main-main.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Ini cadangan saya, kalau hendak buat pindaan pun boleh dan kalau tidak buat pindaan itu terpulang kepada pihak kerajaan. Ini pandangan saya tentang pindaan ini. Patut cadangan saya ini dimasukkan dalam satu pindaan kepada Kanun Tanah Negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung, ya.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, satu perkara lagi tentang...

Dr. Tan Chong Keng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada point of order lagi.

Dr. Tan Chong Keng: 36(1). Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seputeh tidak boleh berucap berkaitan dengan perkara yang di luar rang undang-undang yang dibincangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, saya sudah jelaskan, beri dia peluang. Dia ada tiga minit sahaja lagi, Yang Berhormat. (*Ketawa*). Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Tuan Liew Ah Kim: Tiga minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ya. Sila teruskan. Kasihan dia. (*Ketawa*)

Tuan Liew Ah Kim: Tak payah kasihan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Satu hal yang patut saya sebutkan di sini ialah tentang informasi tanah dalam pembangunan menjadi satu agenda dalam melaksanakan Kanun Tanah Negara ini supaya semua rakyat dapat menikmati pembahagian tanah secara adil. Tanah pertanian yang tidak boleh dibangunkan secara ekonomi boleh diberikan perhatian sama ada dibangunkan secara komersil dengan membawa pemiliknya ikut serta dalam pembangunan tanah mereka. Masalah rakyat tidak mempunyai tanah pernah menimbulkan kejadian amuk di Hulu Selangor beberapa tahun yang lalu dan kejadian itu jelas menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap pembahagian tanah....

Seorang Ahli: Kasihan dia. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat pasti mereka mengamuk fasal tanah?

Tuan Liew Ah Kim: Kerana itu ada kena-mengena dengan pembahagian tanah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasti, ya!

Tuan Liew Ah Kim: Akhirnya, sama ada di dalam negara atau di luar negara memburukkan kejayaan daripada guna tanah rakyat hendaklah diberi perlindungan supaya setiap inci tanah di negara ini adalah menjadi milik rakyat Malaysia. Oleh itu, reformasi tanah adalah perlu dilaksanakan secara adil dan saksama kepada semua rakyat di negara ini dengan tidak mengira kaum, keturunan dan warna kulit. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Habis, ya? Minta kementerian menjawab.

8.05 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, izinkan saya memberi penghargaan setinggi-tingginya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat walaupun lewat membahaskan Rang Undang-undang ini dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang begitu bersabar bersama-sama sehingga selesainya perbahasan ini.

Saya tidak ada banyak ulasan kerana Ahli Yang Berhormat dari Yan dan Tanjong Karang telah memberi teguran dan pandangan yang begitu membina. Saya bersetuju dengan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan tentang tanah industri patutlah dipajakkan dan bukan diberi milik

(alienated) secara freehold. Pada amalannya Kerajaan Negeri meluluskan tanah industri mengikut pajakan dan jarang sekali freehold. Walau bagaimanapun, teguran itu kita patut beri perhatian. Tentang nasihat beliau bahawa kita jangan memberi syarikat asing peluang untuk memperalatkan usahasama dan menggunakan tanah sebagai satu alat, saya mengucapkan terima kasih atas nasihat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Yan dan juga dari Seputeh berkata bahawa levi yang dikenakan itu sangat rendah. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah levi ini dikenakan oleh Menteri Kewangan dan kami cuma mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dipinda untuk membolehkan ianya dibuat. Setakat ini kerajaan berpendapat bahawa jumlah RM100,000 adalah munasabah tetapi pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil kira terutama sekali oleh Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang membangkitkan masalah perumahan, saya sangat-sangat menghargai pandangan beliau kerana ini menunjukkan bahawa beliau begitu prihatin terhadap masalah kekurangan perumahan di kawasan beliau dan juga di Selangor pada amnya. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, selain daripada levi, tiap-tiap Kerajaan Negeri boleh mengenakan syarat-syarat tentang penjualan hartanah kepada orang asing. Pada biasanya Kerajaan Negeri ada satu harga minimum dan orang asing hanya boleh membeli selepas paras itu, umpamanya, RM250,000 atau RM500,000 atau RM750,000. Jadi, itulah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberi perlindungan kepada pembeli-pembeli rumah tempatan dan sekiranya paras itu tidak cukup tinggi, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi boleh mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh ada juga bangkitkan beberapa perkara yang agak luar sedikit daripada Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, kementerian saya mengambil perhatian tentang hujah-hujah beliau dan akan menyampaikan pandangan itu pada agensi dan jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah sampai ke penghujung sesi ini. Bagi pihak Tan Sri Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan kepada kami. Sebelum saya tangguhkan Dewan ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian, dan seterusnya Selamat Tahun Baru kepada semua. Mudah-mudahan kita berjumpa lagi pada tahun hadapan, insya-Allah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.23 malam.